



MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD



**OPTIMISING OUR RESOURCES**  
MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN SUMBER

ANNUAL REPORT  
2013  
LAPORAN TAHUNAN

# COVER RATIONALE *RASIONAL*




Each year, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) lays the groundwork for the next level of growth. Appropriately, therefore, the cover design of our 2013 annual report shows the building of a structure using sugar cubes.

Last year saw us optimising our resources to facilitate future expansion. Our aim is to become a leading global player of refined sugar producer, running a resilient and sustainable business that benefits all its stakeholders – from investors, customers and staff to business partners, associates and the community.

*MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mempersiapkan landasan untuk peringkat pertumbuhan berikutnya pada setiap tahun. Reka bentuk muka hadapan laporan tahunan 2013 kami memaparkan pembinaan sebuah struktur menggunakan kiub gula bagi menggambarkan pendekatan ini.*

*Pada tahun lepas, kami mengoptimumkan penggunaan sumber kami bagi memenuhi keperluan pertumbuhan masa depan. Matlamat kami adalah untuk muncul sebagai pengeluar gula bertapis yang terkemuka di dunia, mengendalikan sebuah perniagaan berdaya tahan dan mampan yang memanfaatkan seluruh pemegang kepentingannya – daripada pelabur, pelanggan dan kakitangan hinggalah kepada rakan kongsi, sekutu dan masyarakat umum.*

Produced **938,203**  
tonnes of refined sugar in 2013  
*Mengeluar 938,203 tan metrik gula bertapis pada tahun 2013*



Achieved **57%**  
domestic Market Share  
*Mencapai 57% Bahagian Pasaran domestik*

Recorded **RM2.2**  
billion in Revenue for 2013  
*Merekod RM2.2 bilion Perolehan bagi tahun 2013*



Declared **RM358.91**  
million in Profit before Tax for 2013  
*Mencatat RM358.91 juta Keuntungan Sebelum Cukai bagi tahun 2013*

# CONTENT

## ISI KANDUNGAN



### MILESTONE

#### TITIK-TITIK PENCAPAIAN

4 Vision and Mission  
*Wawasan dan Misi*

6 Corporate Profile  
*Profil Korporat*

### THE BUSINESS

#### PERNIAGAAN

10 Business Overview  
*Tinjauan Perniagaan*

12 5-Year Financial Highlights  
*Sorotan Kewangan 5-Tahun  
Perniagaan*

14 Chairman's Statement  
18 *Penyata Pengerusi*

22 CEO's Review  
26 *Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif*

### THE CORPORATION

#### SYARIKAT

32 Corporate Information  
*Maklumat Korporat*

33 Corporate Structure  
*Struktur Korporat*

34 Board of Directors  
*Lembaga Pengarah*

36 Senior Management  
*Ahli Pengurusan Kanan*

38 Profile of Directors  
*Profil Pengarah*

47 Profile of Senior Management  
*Profil Ahli Pengurusan Kanan*

52 Awards & Recognitions  
*Anugerah & Pengiktirafan*

### THE REPORTS

#### LAPORAN-LAPORAN

56 Statement on  
Corporate Governance  
66 *Penyata Urus Tadbir Korporat*

78 Statement of Internal Control  
80 *Penyata Kawalan Dalaman*

82 Report on the Audit Committee  
86 *Laporan Jawatankuasa Audit*

90 Additional Compliance Information  
92 *Maklumat Pendedahan Tambahan*

96 Corporate Social Responsibility  
100 *Tanggungjawab Sosial Korporat*

106 Financial Calendar  
*Kalendar Kewangan*

### THE PERFORMANCE

#### PENCAPAIAN

108 Financial Statements  
179 *Penyata Kewangan*

250 Analysis of Shareholding  
253 *Analisis Pegangan Saham*

256 Summary of Properties  
260 *Ringkasan Hartanah*

264 Notice of Annual General Meeting  
267 *Notis Mesyuarat Agung Tahunan*

270 Statement Accompanying Notice  
of Annual General Meeting  
*Penyata Mengiringi Notis  
Mesyuarat Agung Tahunan*

Proxy Form  
*Borang Proksi*

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Third (3rd) Annual General Meeting of MSM Malaysia Holdings Berhad will be held at Ballroom Menara Felda, Platinum Park, No 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur on Wednesday, 11 June 2014 at 10 a.m.

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga MSM Malaysia Holdings Berhad akan diadakan di Ballroom Menara Felda, Platinum Park, No 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur pada 11 Jun 2014, jam 10 pagi.

# STRENGTHENING LEADERSHIP

## MENGUKUHKAN KEPIMPINAN



We are the largest sugar producer in Malaysia, manufacturing 57% of the entire local production of refined granulated sugar. Both the scale of our operations and the strategic locations of our refineries enable us to dominate the local market.

Despite the volatility of raw sugar prices, in 2013 we increased our operational and competitive edge, and are now charting a sustainable long-term growth path.

*Kami merupakan pengeluar gula terbesar di Malaysia, mengilang 57% daripada keseluruhan pengeluaran gula pasir bertapis tempatan. Skala pengeluaran dan lokasi strategik kilang penapis yang dimiliki membolehkan kami menguasai pasaran tempatan.*

*Walaupun harga gula mentah sering mengalami turun naik, namun kami berjaya meningkatkan operasi dan daya saing kami pada tahun 2013 dan kini sedang merangka satu laluan pertumbuhan jangka panjang yang mampan.*

Percentage increase in pre-tax profit from 2012 to 2013: 25.9 percent

Peratus peningkatan keuntungan sebelum cukai dari tahun 2012 hingga tahun 2013: 25.9 peratus

Shareholder return for 2012  
Pulangan kepada Pemegang Saham bagi tahun 2012

12%

Shareholder return for 2013  
Pulangan kepada Pemegang Saham bagi tahun 2013

14%





4  
PENJAGAAN DIRI  
PENJAGAAN GIGI  
SABUN MANDI  
SYAMPOO

5  
UBAT-UBATAN  
PELBAGAI  
TUALA WAN  
BATERI

7

8

GULA  
PRAI  
500g  
PRAI

Fresha  
Pure Ceylon Tea

GULA  
Kopi  
PRAI

Blue Key  
Enriched with  
Vitamins A, B, C,  
D, E, K and  
Omega-3  
Essential  
Fatty Acids

Saji  
MAMIS  
KAT

Saji  
SAJIMEE  
Mi-SUP  
Ayam Kampung  
Kampung Chicken Soup Flavour  
Layan Habibi!

## OUR VISION *WAWASAN KAMI*



To be at the forefront of Southeast Asia's sugar manufacturing industry.

*Untuk menjadi peneraju industri pembuatan gula di Asia Tenggara.*

## OUR MISSION *MISI KAMI*



To excel as a highly competitive and environment friendly sugar manufacturer with exceptional quality recognition.

To be a prominent corporation in the sugar business by providing products and services of superior value so as to sustain consistent long-term growth in volume and profitability.

To achieve consistent and balanced commercial success by:

- satisfying our customer's needs
- providing superior performance to our shareholders
- making available rewarding careers to our people
- having mutually beneficial relationships with our core business associates, and
- participating and contributing effectively towards nation building and the welfare and advancement of the society in which we operate.

*Untuk membangun dengan cemerlang sebagai sebuah syarikat pembuatan gula yang berdaya saing dan mesra alam selain menghasilkan produk yang diiktiraf berkualiti tinggi.*

*Untuk menjadi syarikat terkemuka dalam perniagaan gula dengan menyediakan produk-produk dan perkhidmatan bernilai tinggi untuk mengekalkan pertumbuhan jangka panjang yang konsisten dalam jumlah dan keuntungan.*

*Untuk mencapai kejayaan komersil yang konsisten dan seimbang dengan:*

- memenuhi keperluan pelanggan kami
- memberi prestasi terbaik untuk para pemegang saham
- mewujudkan peluang kerjaya yang memberi kepuasan kepada kakitangan
- membina hubungan yang saling memberi manfaat dengan rakan-rakan niaga utama, dan
- mengambil bahagian dan menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara dan kebajikan serta kemajuan masyarakat di mana kami beroperasi.



AWA  
LANDASAN KER...  
PI

GAMMA  
KUSM  
PRAI  
A Member of FGV

GAMMA  
KUSM  
PRAI  
A Member of FGV



# CORPORATE PROFILE

## PROFIL KORPORAT



### FROM INSPIRATION TO INFLUENCE

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) is the leading sugar producer in Malaysia with an impressive capacity to refine over 1.1 million tonnes of sugar annually.

MSM's business is built on product innovation, a highly efficient global supply chain and strong strategic execution. We refine and manufacture quality crystal sugars through our network of highly efficient plants located around Malaysia.

With products ranging from white refined sugar of various grain sizes to soft brown sugar, MSM offers a variety of products to customers within Malaysia and around the globe. In addition to our two most popular brands Gula Prai and Gula Perlis, we also provide molasses, a by-product of the refining process, to distilleries and producers of other products. Through traders, wholesalers and distributors, our customers include major companies such as the beverage and confectionary industries, hotels, restaurants, food outlets and household consumers.

#### **Together We Are Stronger**

MSM's largest single shareholder is Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), a listed company which holds investments in almost 100 subsidiaries, associate companies and joint ventures in Malaysia and more than 10 other countries.

These companies encompass diverse activities including multi-crop plantations, oils and fats, oleo chemicals, manufacturing, logistics and services.

Working closely together, all the constituent parts of FGV's business and support units draw upon and harness each other's strengths whether tactical, financial or technical, combining to form one of Malaysia's largest conglomerates. The result is a tightly-focused,



“ IN 2013, MSM PRODUCED A TOTAL OF APPROXIMATELY 938,203 TONNES OF REFINED SUGAR PRODUCTS, ACCOUNTING FOR APPROXIMATELY 57 PERCENT OF TOTAL SUGAR PRODUCTION IN MALAYSIA.

***PADA TAHUN 2013, MSM MENGELUARKAN SEJUMLAH KIRA-KIRA 938,203 TAN METRIK, PRODUK GULA BERTAPIS, IAITU KIRA-KIRA 57 PERATUS DARIPADA JUMLAH PENGELUARAN GULA DI MALAYSIA.*** ”

high-performance organisation that makes a significant contribution to the various stakeholders it serves. This enables MSM to leverage on the Group's dynamics and the synergies to grow its business.

MSM's two operating subsidiaries, Malayan Sugar Manufacturing Co Berhad (MSM Co) and Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad (KGFP) are involved primarily in the production, marketing and sales of refined sugar products.

Currently, MSM produces various refined sugar products at two sugar refineries – one in Seberang Prai, Penang; complete with packaging, storage, and distribution capabilities on site and another at Chuping, Perlis. Some of these products are stored at a distribution warehouse in Sungai Buloh, Selangor, and another in Johor Bahru, Johor for onward distribution to consumers in all parts of the country. Each of these facilities is connected to the refinery in Prai by rail.

But the real key to our success is our people. From engineers to agriculturists, we rely on a wide range of professionals. Employing more than 1,022 permanent staff and 283 contract staff, MSM is rich in talent. Through this, we are better able to innovate our processes and deliver quality products – not only to all Malaysians but to our core customers in Australia, New Zealand, Pakistan, the Philippines, Singapore, Vietnam and Indonesia.

## ***DARI INSPIRASI KEPADA PENGARUH***

*MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula terkemuka di Malaysia dengan kapasiti mengagumkan untuk menapis lebih daripada 1.1 juta tan metrik gula setahun.*

*Perniagaan MSM dibina berdasarkan inovasi produk, rangkaian bekalan global yang sangat berkesan dan pelaksanaan strategik yang kukuh. Kami menapis dan mengeluarkan gula kristal berkualiti melalui rangkaian kilang yang sangat efisien yang terletak di seluruh Malaysia.*

*Dengan produk-produk yang terdiri daripada gula putih halus pelbagai saiz ke gula perang lembut, MSM menawarkan pelbagai produk kepada pelanggan dalam Malaysia dan di seluruh dunia. Selain daripada dua jenama yang paling popular iaitu Gula Prai dan Gula Perlis, kami juga menyediakan molases, produk sampingan hasil daripada proses penapisan, kepada penyuling dan pengeluar produk-produk lain. Melalui peniaga, pemborong dan pengedar, pelanggan-pelanggan kami termasuk syarikat-syarikat besar seperti industri minuman dan gula-gula, hotel, restoran, kedai-kedai makanan dan pengguna isi rumah.*

### ***Bersatu Kita Teguh***

*Pemegang saham tunggal terbesar MSM ialah Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), sebuah syarikat tersenarai yang memegang pelaburan dalam hampir 100 anak syarikat, syarikat bersekutu dan usahasama di Malaysia dan lebih 10 negara lain.*

*Syarikat-syarikat ini merangkumi pelbagai aktiviti termasuk perladangan pelbagai tanaman, minyak dan lemak, oleokimia, pembuatan, logistik dan perkhidmatan.*

*Dengan kerjasama erat, semua konstituen perniagaan dan unit sokongan FGV menggunakan dan memanfaatkan kekuatan satu sama lain sama ada dari segi taktikal, kewangan atau teknikal, bergabung untuk membentuk satu daripada konglomerat terbesar di Malaysia. Hasilnya adalah sebuah organisasi yang berfokus, berprestasi tinggi serta memberi sumbangan penting kepada pelbagai pihak berkepentingan berfungsi. Ini membolehkan MSM memanfaatkan dinamik kumpulan dan sinergi untuk mengembangkan perniagaannya.*

*Dua anak syarikat MSM yang beroperasi, Malayan Sugar Manufacturing Co Berhad (MSM Co) dan Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad (KGFP) terlibat terutamanya dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis.*

*Kini, MSM menghasilkan pelbagai produk gula halus di dua buah kilang gula - satu di Seberang Prai, Pulau Pinang, lengkap dengan pembungkusan, penyimpanan, dan keupayaan pengedaran di lokasi dan satu lagi di Chuping, Perlis. Sebahagian produk dihantar ke gudang pengedaran di Sungai Buloh, Selangor, dan satu lagi di Johor Bahru, Johor untuk pengagihan selanjutnya kepada pengguna di seluruh pelusuk negara. Setiap kemudahan ini dihubungkan kepada kilang penapisan di Prai oleh kereta api.*

*Tetapi kunci sebenar kepada kejayaan kami adalah warga kerja kami. Dari jurutera ke petani, kami bergantung kepada semua tahap pekerja profesional. Menggajikan lebih daripada 1022 kakitangan tetap dan 283 kakitangan kontrak, MSM kaya dengan bakat. Melalui ini, kami lebih mampu untuk membuat pembaharuan proses kami dan menyampaikan produk yang berkualiti - bukan sahaja kepada semua rakyat Malaysia tetapi kepada pelanggan utama kami di Australia, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Vietnam dan Indonesia.*

# ENHANCING COMPETENCIES

## MEMPERTINGKATKAN TAHAP KECEKAPAN



Developing a highly skilled workforce is the root of our success, and we are equipping our people with the technical and managerial skills needed to propel the business to the next level.

We foster an atmosphere of collaboration and creativity, enabling both the business and its people to fulfil their potential.

*Membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi merupakan asas kepada kejayaan kami dan kami sedang melengkapkan modal insan dengan kemahiran teknikal dan pengurusan yang diperlukan bagi melonjakkan perniagaan kami ke peringkat yang seterusnya.*


*Kami memupuk satu suasana yang mencetuskan permuafakatan dan kreativiti bagi membolehkan perniagaan serta tenaga kerja kami memenuhi potensi masing-masing.*

.....

Amount of training and development every employee receives each year: at least 8 hours

*Jumlah pembangunan dan latihan yang diterima oleh setiap kakitangan setiap tahun: sekurang-kurangnya 8 jam.*


.....






# BUSINESS OVERVIEW

## TINJAUAN PERNIAGAAN




**MSM'S SALES REVENUE (RM MILLION)**  
*PEROLEHAN JUALAN MSM (RM JUTA)*




- Domestic / Domestik
- Local Export / Eksport Tempahan
- Export / Eksport
- Molasses / Molases

**MSM'S SALES VOLUME (TONNES)**  
*VOLUM JUALAN MSM (TAN METRIK)*




- Domestic / Domestik
- Local Export / Eksport Tempahan
- Export / Eksport
- Molasses / Molases

**GLOBAL PRODUCTION OF RAW SUGAR (MILLION TONNES)**  
*PENGHASILAN GULA KASAR GLOBAL (JUTA TAN METRIK)*




Source / Sumber: Louise Dreyfus Sugar Research

**GLOBAL CONSUMPTION OF REFINED SUGAR (MILLION TONNES)**  
*PENGUNAAN GULA BERTAPIS GLOBAL (JUTA TAN METRIK)*




Source / Sumber: Louise Dreyfus Sugar Research

**GLOBAL PRODUCTION & CONSUMPTION BALANCE (MILLION TONNES)**  
*BAKI PENGELUARAN & PENGGUNAAN GLOBAL (JUTA TAN METRIK)*



**MSM'S SHARE PERFORMANCE**  
*PRESTASI SAHAM MSM*



— MSM — KLCI


# 5-YEAR FINANCIAL HIGHLIGHTS

## SOROTAN KEWANGAN 5 TAHUN PERNIAGAAN




	2013 RM' 000	2012 RM' 000	2011 RM' 000	2010 RM' 000	2009 RM' 000
REVENUE <i>PEROLEHAN</i>	2,202,480	2,301,319	2,299,554	2,168,598	1,643,621
COST OF SALES <i>KOS JUALAN</i>	(1,765,592)	(1,927,133)	(1,845,576)	(1,746,054)	(1,293,033)
GROSS PROFIT <i>KEUNTUNGAN KASAR</i>	436,888	374,186	453,978	422,544	350,588
OTHER OPERATING INCOME <i>LAIN-LAIN PENDAPATAN OPERASI</i>	11,270	3,498	742	805	4,945
OTHER (LOSES) / GAINS - NET <i>LAIN-LAIN (KERUGIAN) / PEROLEHAN - BERSIH</i>	1,501	3,544	(1,494)	(29,574)	23,529
SELLING & DISTRIBUTION EXPENSES <i>PERBELANJAAN JUALAN &amp; AGIHAN</i>	(57,886)	(53,608)	(54,312)	(49,279)	(49,006)
ADMINISTRATIVE EXPENSES <i>PERBELANJAAN PENTADBIRAN</i>	(42,738)	(43,529)	(38,421)	(33,693)	(28,491)
OTHER OPERATING EXPENSES <i>PERBELANJAAN OPERASI LAIN</i>	(252)	(3,254)	(355)	-	-
PROFIT FROM OPERATIONS <i>KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI</i>	348,783	280,837	360,138	310,803	301,565
FINANCE INCOME <i>PENDAPATAN KEWANGAN</i>	15,017	15,371	11,538	3,494	-
FINANCE COSTS <i>KOS KEWANGAN</i>	(4,895)	(11,049)	(12,303)	(8,565)	(2,215)
PROFIT BEFORE TAXATION <i>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</i>	358,905	285,159	359,373	305,732	299,350
ZAKAT <i>ZAKAT</i>	(17,481)	(16,580)	-	-	-
TAXATION <i>CUKAI</i>	(86,747)	(66,551)	(95,557)	(72,866)	(62,057)
PROFIT FOR THE FINANCIAL YEAR <i>KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN</i>	254,677	202,028	263,816	232,866	237,293

REVENUE  
PEROLEHAN




2,202,480  
RM'000

GROSS PROFIT  
KEUNTUNGAN  
KASAR




436,888  
RM'000

PROFIT FROM  
OPERATIONS  
KEUNTUNGAN  
DARIPADA  
OPERASI




348,783  
RM'000

PROFIT BEFORE  
TAXATION  
KEUNTUNGAN  
SEBELUM CUKAI



358,905  
RM'000

PROFIT FOR THE  
FINANCIAL YEAR  
KEUNTUNGAN  
BAGI TAHUN  
KEWANGAN



254,677  
RM'000



"IN 2013, MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (MSM) REMAINED BY FAR THE LARGEST SUGAR PRODUCER IN MALAYSIA, MANUFACTURING SOME 57 PERCENT OF THE ENTIRE LOCAL PRODUCTION OF REFINED GRANULATED SUGAR."

*"PADA TAHUN 2013, MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (MSM) KEKAL SEBAGAI PENGELUAR GULA TERBESAR DI MALAYSIA, MENGILANG KIRA-KIRA 57 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN PENGELUARAN GULA PASIR BERTAPIS TEMPATAN."*

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA  
DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Chairman

*Pengerusi*





# CHAIRMAN'S STATEMENT

## PENYATA PENGERUSI



### DEAR SHAREHOLDERS,

Since our listing three years ago, we have consistently demonstrated our resilience in the face of a very uncertain market, enabling us to post a record profit for the year ended 31 December 2013. At the same time, we have been steadily optimising our resources, laying the foundations for a significant future expansion both in our production capacity and in our regional footprint.

### TAKING STOCK

In 2013, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) remained by far the largest sugar producer in Malaysia, manufacturing some 57 percent of the entire local production of refined granulated sugar.

We produce our sugar products at our refineries in Prai, Pulau Pinang and Chuping, Perlis. Over the years, at both locations, our drive to increase productivity has been relentless. Through various expansion projects, we have now raised our total melt capacity to 3,600 tonnes per day, while our total annual production of refined sugar now stands at 938,203 tonnes.

Recent years have seen us automate our processes, expand our storage and improve our handling and distribution facilities. We have also introduced IT enablers both to consolidate our resources and to further enhance our resource efficiency, thereby advancing our progress towards our production targets. At the same time we have been reducing our

costs and equipping our people with the technical and managerial skills needed to propel the business to the next level.

Despite the volatility of raw sugar prices, we have successfully increased our operational and competitive edge and are now charting a sustainable long-term growth path. Today, we supply major companies in the beverage and confectionery industries, hotels, restaurants, food outlets and household consumers. Both the scale of our operations and the strategic locations of our plants make us highly competitive and we are now exceptionally in a position to accelerate our export sales.

### RIISING TO THE CHALLENGE

The last five years have been very challenging for the global sugar manufacturing industry, with major fluctuations occurring in sugar production and prices. Globally, competition has been fierce and – despite the overall growth in both the production of raw sugar and sugar consumption – higher prices have eroded the consumption growth rate. In 2013, the raw sugar surplus caused prices to fall.

Recently, the regional market has also been specifically affected by a rapid and ongoing increase in output in Thailand, which is already the world's largest shipper of sugar after Brazil.

Locally, under budget 2014, the Malaysian government abolished its 34 sen per kg sugar subsidy, leading to a rise in the selling price of refined sugar. Meanwhile, imports of refined sugar have been permitted. Unsurprisingly, these two factors had a knock-on effect on our local sales volume. To counter this, and to prevent a loss of local market share, we were obliged to cut our margins. More positively, however, we continued to benefit from our long term contracts with suppliers which – for a significant part of our raw sugar supply – fix raw sugar prices for a period of time. We were also highly successful in hedging a portion of our raw sugar requirements through sugar futures contracts.

Against this unsettled background, we nevertheless recorded a 25.9 percent jump in pre-tax profit to RM359 million – a performance that bears witness both to our fundamental strengths and to the skill with which MSM has been navigating choppy seas.

### SPURRING GROWTH

Despite the recent uncertainties in the sugar market, prospects are brighter. International trade and production are set to grow, with the forecast for global sugar consumption to increase as demand from developing regions rises in tandem with income and population growth.



Encouragingly, according to Bloomberg, just as consumption expands to a record level, worldwide sugar production is poised to contract for the first time in five years, diminishing a global glut that has kept prices in a bear market since last September. Indeed, the United States Department of Agriculture predicts a 4.8 percent expansion in global imports as lower prices drive global demand.

Looking further ahead, a 25-27 percent growth in global demand is predicted for the next five years. It will not be long before the demand from Africa will grow as fast as demand from Asia. In addition, it is likely that India will become a net importer of sugar within ten years.

All this bodes well for the future of MSM.

We are already successfully expanding into the export market. In 2013, 21 percent of our sales were abroad, mainly to Australia, New Zealand, Singapore, Pakistan and South Korea.

To facilitate further export growth, we are significantly increasing and optimising our production capacity. Such an increase will not only offset any potential fall in domestic demand for our products, it will also reduce our production costs and further boost our regional and global competitiveness. Meanwhile, in the next two to three years, we are looking to expand into foreign markets through strategic acquisitions or investments.

Since the cessation of our sugarcane plantation in Chuping, Perlis in April 2012, we have also been considering reviving our upstream activities. Our goal would be to leverage both on our synergies with our parent company, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) and on our own technical expertise in the sugar refining industry. With this we are able to tap the growing regional demand for sugar – especially in Indonesia and Indochina where the sugar industry is relatively under developed.

We have conducted a feasibility study on our upstream expansion plan in the ASEAN region, focusing on countries which are suitable for setting up plantations and refineries. Myanmar, in particular, offers an abundance of lower cost labour and has gained considerable foreign interest since the lifting of sanctions by the US.

We are currently recruiting highly trained and experienced professionals to support our regional expansion plans and are equipping our employees with the necessary skills and competencies – both technical and managerial – to enable us to deliver long-term, sustainable growth.

## ENSURING QUALITY

We are fully committed to manufacturing the highest quality refined sugar. All our products meet stringent international export standards. Coupled with our consistency in our products, our refined sugar is highly attractive to regional and global customers.

Our dedication to quality is reflected in the official recognition we have achieved. This includes SIRIM product certification, ISO 9001 Quality Management System, Halal, Kosher and Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) certification. During the year, we were awarded FSSC: 22000 (Food Safety System Certification) – a globally accepted assurance that food safety standards are adhered to within the production process. This enhances our global competitiveness and further supports our export growth.

In 2013, Malayan Sugar Manufacturing Co Bhd (MSM Co) was recognised as one of the Top Ten Exporters and Importers by Container Volume from the Port of Penang. The company also won a Blue Ribbon Certificate by the Malaysian Health Promotion Board (MySihat) for its efforts to promote a smoke-free workplace. Meanwhile, Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd (KGFP) received OHSAS 18001:2007 Occupational Health and Safety Management System certification from SIRIM QAS International, and MS 1722:2011 Occupational Health and Safety Management System certification from SIRIM QAS International and IQ Net.

In 2014, Prai refinery remains on track to achieve OHSAS 18001 certification.

## TAKING RESPONSIBILITY

In everything we do, we seek to enhance stakeholder value. This not only means fulfilling our customers' needs and delivering attractive returns to our investors, but also acting as trustworthy stewards of the natural environment on which our

business is based. At the same time, we seek to provide our employees with rewarding careers in a safe and conducive workplace. We support community development through a broad spectrum of stakeholder engagement programmes. To learn more about our CSR activities, please turn to page 96.

MSM is firmly committed to a system of transparent, sound and accountable governance, and to that end we operate well-established internal control and external oversight systems. For more information on our governance policies, please turn to page 56.

## NOTE OF APPRECIATION


MSM's accomplishments in 2013 reflect the contributions of all our stakeholders and on behalf of the Board of Directors I would like to express our sincere appreciation for this continuing support. Our partners and traders have offered invaluable assistance and our customers, including those in the food and beverage industries, also deserve our warmest thanks.

I am deeply grateful to the MSM management and team, whose clear direction and diligent efforts kept us on track throughout the year. I would also like to extend my appreciation of the vision and guidance so generously given by my fellow Board Members.

In particular, and on a personal note, I wish to record most heartfelt thanks to Mr Chua Say Sin, who stepped down as President and CEO of MSM on 31 December 2013. It was he who piloted MSM from its listing in 2011 to the end of last year, successfully laying the groundwork for our future development. I would also like to take this opportunity to welcome Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, who assumed the mantle of President and CEO on 1 January 2014. I am confident that his skill, commitment and inspiration will carry MSM to fresh heights of achievement.

Finally, I extend my profound gratitude to you, the MSM shareholders. Your faith in us in this, our third year as a publicly listed company, has provided the firm foundation upon which we build and grow.

Thank you.



**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA**  
**DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
Chairman

# CHAIRMAN'S STATEMENT

## PENYATA PENGERUSI



### PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

Sejak disenaraikan tiga tahun lepas, kami telah secara konsisten menampilkan daya ketahanan yang tinggi walaupun berhadapan dengan ketidakpastian pasaran. Kekuatan ini telah membolehkan kami mencatat rekod keuntungan pada tahun berakhir 31 Disember 2013. Pada masa yang sama, kami telah mengoptimalkan penggunaan sumber kami dengan teliti sebagai landasan untuk mengembangkan perniagaan kami secara ketara pada masa hadapan. Ia dilaksanakan dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran dan penguasaan kami di peringkat serantau.

### TINJAUAN PENCAPAIAN

Pada tahun 2013, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) kekal sebagai pengeluar gula terbesar di Malaysia, mengilang kira-kira 57 peratus daripada keseluruhan pengeluaran gula pasir tempatan.

Kami mengeluarkan pelbagai produk gula di kilang penapis kami di Prai, Pulau Pinang dan Chuping, Perlis. Selama beberapa tahun ini, kesungguhan untuk meningkatkan produktiviti di kedua-dua lokasi ini tidak pernah pudar. Menerusi pelbagai projek pengembangan yang dijalankan, kami kini berupaya meningkatkan kapasiti mencair gula mentah kepada 3,600 tan metrik sehari. Sementara itu, bagi jumlah pengeluaran tahunan gula bertapis, kita kini berupaya mengekalkan pada paras 938,203 tan metrik sehari.

Kami telah mengautomatiskan proses kami, meluaskan tempat simpanan dan menambahbaik kemudahan pengendalian dan pengedaran kami sejak beberapa tahun lepas. Kami juga telah memperkenalkan fungsi teknologi maklumat bagi menyatukan sumber-sumber dan mempertingkatkan lagi tahap kecekapan sumber kami. Langkah ini telah mempercepatkan kemajuan kami ke arah mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan.

Pada masa yang sama, kami telah mengurangkan kos dan melengkapkan tenaga kerja kami dengan kemahiran teknikal dan pengurusan yang diperlukan untuk melonjakkan perniagaan kami ke peringkat yang seterusnya.

Walaupun harga gula mentah sering mengalami turun naik, namun kami berjaya meningkatkan kelebihan operasi dan daya saing pada tahun 2013 dan sedang merangka satu laluan pertumbuhan jangka panjang yang mampan. Kini, kami membekal kepada beberapa syarikat besar dalam industri minuman dan manisan, hotel, restoran, kedai makanan dan pengguna isi rumah. Skala operasi dan lokasi kilang kami yang strategik menjadikan kami lebih berdaya saing dan kini berada di kedudukan yang mantap untuk memesatkan lagi jualan eksport kami.

### MENYAHUT CABARAN

Industri pengilangan gula dunia sangat mencabar sepanjang lima tahun lepas kerana pengeluaran dan harganya mengalami turun naik yang sangat ketara. Di peringkat dunia, persaingan amatlah sengit, meskipun mencatat pertumbuhan keseluruhan di kedua-dua bahagian pengeluaran gula mentah serta penggunaannya, namun kenaikan harga telah menyusutkan kadar pertumbuhan penggunaan. Pada tahun 2013, lebih gula mentah telah mengakibatkan kejatuhan harga.

Baru-baru ini, pasaran serantau juga terjejas akibat kepesatan dan pertambahan pengeluaran secara berterusan di Thailand yang telahpun mencipta nama sebagai pengeluar gula terbesar di dunia selepas Brazil.

Di persada tempatan pula, langkah Kerajaan menghapuskan subsidi gula sebanyak 34 sen setiap kg di bawah bajet 2014 telah menyebabkan kenaikan harga jualan gula bertapis. Sementara itu, import bagi gula bertapis telah dibenarkan. Justeru, tidak menghairankan sekiranya kedua-dua faktor ini membawa kesan sampingan kepada volum jualan tempatan. Bagi menangani masalah ini dan mencegah daripada kehilangan bahagian pasaran tempatan, kami bersedia untuk mengurangkan margin. Walau bagaimanapun, dari sudut positif, kami terus mendapat manfaat daripada kontrak jangka panjang dengan beberapa pembekal di mana – bagi sebahagian besar daripada bekalan gula mentah – kami turut mengekalkan harga gula mentah pada harga yang sama untuk satu tempoh masa. Kami juga telah berjaya dalam usaha melindungi nilai sebahagian daripada keperluan gula mentah kami melalui kontrak gula pada masa hadapan.

Berhadapan kesulitan yang tidak berkesudahan ini, kami bagaimanapun, masih mampu mencatatkan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 25.9 peratus kepada RM359 juta – prestasi yang membuktikan kekuatan asas kami dan kemahiran yang dimiliki oleh MSM untuk mengemudi operasi dalam keadaan yang sangat sukar.

### MENDORONG PERTUMBUHAN

Walaupun pasaran gula berhadapan dengan keadaan tidak menentu, namun prospeknya amat cerah. Perdagangan dan pengeluaran di peringkat antarabangsa bakal berkembang dengan ramalan penggunaan gula dunia akan meningkat kerana permintaan dari beberapa rantau yang sedang membangun mencatatkan peningkatan selari dengan pertumbuhan pendapatan dan pertambahan penduduk.



*Bloomberg memberikan kenyataan yang memberangsangkan kerana menurunnya apabila penggunaan berkembang ke tahap rekod yang lebih tinggi, pengeluaran gula sedunia bakal menguncup buat kali pertama dalam tempoh lima tahun, menyusutkan lebih global yang menyebabkan kelembaban harga sejak bulan September tahun lepas. Malah, Jabatan Pertanian Amerika Syarikat meramalkan bahawa import gula global bakal meningkat sebanyak 4.8 peratus kerana penurunan harga akan mendorong pertambahan permintaan global.*

*Permintaan global diramal akan meningkat antara 25-27 peratus sepanjang tempoh lima tahun akan datang. Dalam tempoh yang singkat, permintaan dari Afrika akan berkembang laju selari dengan permintaan dari Asia. Antara lain, kemungkinan besar India akan menjadi pengimport gula dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.*

*Ini memberi petanda yang sangat baik bagi masa depan MSM.*

*Kami telahpun mencapai kejayaan untuk berkembang ke pasaran eksport. Pada tahun 2013, 21 peratus daripada jualan kami adalah ke luar negara, antaranya Australia, New Zealand, Singapura, Pakistan dan Korea Selatan.*

*Bagi mempermudah pertumbuhan eksport selanjutnya, kami sedang mempertingkatkan dan mengoptimumkan kapasiti pengeluaran kami secara ketara. Peningkatan sedemikian bukan sahaja mampu membendung sebarang potensi kejatuhan permintaan domestik bagi produk kami, malah ia juga akan membantu mengurangkan kos pengeluaran dan memperhebatkan lagi daya saing serantau dan sedunia kita. Sementara itu, dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang, kami merancang untuk berkembang ke pasaran luar melalui pengambilalihan atau pelaburan strategik.*

*Sejak perladangan tebu kami di Chuping, Perlis ditamatkan pada bulan April 2012, kami juga telah membuat pertimbangan untuk menghidupkan semula aktiviti huluan kami. Matlamat kami adalah untuk memanfaatkan sinergi yang dimiliki dengan syarikat induk kami, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dan kepakaran teknikal kami dalam industri penapisan gula. Dengan ini kami dapat merebut peluang pertumbuhan permintaan gula di peringkat serantau – terutamanya di Indonesia dan Indochina di mana industri gula di kedua-dua negara ini masih belum maju sepenuhnya.*

*Kami telah melaksanakan satu kajian daya laksana bagi rancangan pengembangan huluan kami di rantau ASEAN dengan memberi tumpuan kepada beberapa negara yang sesuai untuk dibangunkan ladang dan kilang penapis. Negara Myanmar, terutamanya, menawarkan kos buruh yang lebih rendah dan menjadi daya tarikan utama kepada pelabur luar sejak Amerika Syarikat menarik balik sekatan yang dikenakan ke atasnya.*



Kini kami sedang mengambil kakitangan profesional yang terlatih dan berpengalaman bagi menyokong rancangan pengembangan serantau kami dan sedang melengkapkan tenaga kerja kami dengan kemahiran dan tahap kecekapan yang diperlukan – baik teknikal mahupun pengurusan – bagi membolehkan kami menjana pertumbuhan jangka panjang yang mampan.

#### **MEMASTIKAN KUALITI**

Kami meletakkan komitmen yang menyeluruh dalam pengeluaran gula bertapis bagi mendapatkan kualiti yang terbaik. Semua produk kami memenuhi piawaian eksport antarabangsa yang ketat. Tambahan pula, dengan tahap konsistensi di dalam produk-produk kami, ianya menjadikan gula bertapis kami menarik kepada pelanggan serantau dan global.

Kesungguhan kami terhadap kualiti boleh dilihat melalui pelbagai pengiktirafan rasmi yang telah diterima. Ini termasuk pensijilan daripada SIRIM bagi pensijilan produk, Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001, Halal, Kosher serta Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP). Pada tahun ini, kami telah dianugerahi FSSC: 22000 (Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan) – jaminan yang diterima sedunia bahawa piawaian keselamatan makanan dipatuhi dalam proses pengeluarannya. Ini mempertingkatkan daya saing global kami serta menyokong pertumbuhan eksport kita selanjutnya.

Pada tahun 2013, Malayan Sugar Manufacturing Co Bhd (MSM Co) diiktiraf oleh Pelabuhan Pulau Pinang sebagai salah sebuah daripada Sepuluh Pengeksport dan Pengimport Teratas mengikut Volum Kontena. Kita juga memenangi Sijil Riben Biru oleh Lembaga Penggalakan Kesihatan Malaysia (MySiHat) kerana usahanya menggalakkan tempat kerja bebas daripada asap. Sementara itu, Kilang Gula Felde Perlis Sdn Bhd (KGFP) menerima pensijilan OHSAS 18001:2007 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan daripada SIRIM QAS Internasional dan pensijilan MS 1722:2011 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan daripada SIRIM QAS Internasional dan IQ Net.

Pada tahun 2014, usaha kami bagi mendapatkan pensijilan OHSAS 18001 mengikut jadual yang telah ditetapkan.

#### **MEMIKUL TANGGUNGJAWAB**

Kami sentiasa berusaha gigih untuk mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dalam setiap perkara yang kami lakukan. Ia bukan sekadar memenuhi keperluan pelanggan kami dan menyampaikan pulangan yang berbaloi kepada para pelabur, malah kami turut

*bertindak sebagai penjaga alam semula jadi di mana perniagaan kami beroperasi. Pada masa yang sama, kami berusaha untuk menyediakan tenaga kerja kami dengan ganjaran di tempat kerja yang selamat dan kondusif. Kami menyokong pembangunan komuniti melalui pelbagai program melibatkan pemegang kepentingan. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai aktiviti CSR kami, sila rujuk di muka surat 100.*

*Sesungguhnya MSM juga komited sepenuhnya kepada sistem pentadbiran yang telus, teratur dan jelas pertanggungjawabannya dan bagi memenuhi matlamat tersebut, kami mempunyai sistem kawalan dalaman dan pengawasan luar yang mantap. Untuk maklumat lanjut mengenai dasar-dasar tadbir urus kami, sila rujuk di muka surat 66.*

#### **UCAPAN TERIMA KASIH**


*Pencapaian MSM pada tahun 2013 menggambarkan sumbangan semua pemegang kepentingan kami dan saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya ingin menyampaikan ucapan penghargaan setulus ikhlas atas sokongan berterusan yang diberikan. Rakan kongsi dan rakan niaga kami telah menyumbang bantuan yang sangat bernilai, antara lain ialah pelanggan kami, termasuklah mereka yang terlibat dalam industri makanan dan minuman juga berhak mendapat ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada kami.*

*Saya juga amat berterima kasih kepada pengurusan dan kakitangan MSM, kerana hala tuju yang jelas dan ketekunan usaha mereka telah meletakkan kami di landasan yang betul sepanjang tahun. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada rakan-rakan dalam Lembaga Pengarah yang telah membantu meletakkan wawasan dan garis panduan yang sangat berguna.*

*Ucapan ribuan terima kasih setulus ikhlas secara khusus dan peribadi ini saya tujukan kepada Encik Chua Say Sin yang telah meletakkan jawatan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM pada 31 Disember 2013. Beliau telah merintis MSM sejak dari penyenaaraiannya pada tahun 2011 sehingga akhir tahun lepas, dan telah berjaya meletakkan asas yang teguh dalam merintis pembangunan masa depan kami. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kemasukan Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod, yang akan mengambil alih jawatan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan pada 1 Januari 2014. Saya yakin bahawa kemahiran, komitmen dan aspirasi beliau akan membawa MSM ke tahap pencapaian yang lebih cemerlang.*

*Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda sekalian sebagai pemegang saham MSM. Keyakinan anda terhadap kami dalam tahun ketiga sebagai sebuah syarikat senarai awam telah menyediakan asas yang teguh kepada kami di mana kekuatan selanjutnya akan dibina dan dikembangkan dari sini.*

*Terima kasih.*



**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA  
DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
*Pengerusi*

"BASIC EARNINGS PER SHARE ATTRIBUTABLE TO EQUITY HOLDERS OF THE COMPANY STOOD AT 36.23 SEN IN 2013 AS AGAINST 28.74 SEN IN 2012, WHILE NET ASSETS PER SHARE INCREASED TO RM2.64 FROM RM2.49. SHAREHOLDERS' FUNDS ALSO ADVANCED TO RM1.86 BILLION FROM RM1.75 BILLION THE PREVIOUS FINANCIAL YEAR."


*"PENDAPATAN SESAHAM ASAS MILIK PEMEGANG EKUITI SYARIKAT MENGUKUH DI PARAS 36.23 SEN PADA TAHUN 2013 BERBANDING 28.74 SEN PADA TAHUN 2012, MANAKALA ASET SESAHAM BERSIH MENINGKAT KEPADA RM2.64 DARIPADA RM2.49. DANA PEMEGANG SAHAM TURUT MENOKOK KEPADA RM1.86 BILLION DARIPADA RM1.75 BILION PADA TAHUN LEPAS."*

**DATO' SHEIKH AWAB  
SHEIKH ABOD**

President / Group Chief Executive Officer

*Presiden / Ketua Pegawai*

*Eksekutif Kumpulan*





# CEO'S REVIEW

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



### DEAR SHAREHOLDERS,

At MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), our ultimate goal is to be one of the world's top three sugar industry players. Since our public listing in 2011 we have focused on consolidating our strengths and reinforcing our position as the nation's leading producer. As a result, today, we are poised to pursue aggressive growth that will see us expand across the region and beyond.

### LEADING THE MARKET

At home, we are the undisputed market leader, producing 57 percent of Malaysia's entire production of refined granulated sugar. Our main products include PXX of high quality for industrial customers and P1 for the general market. This equates to more than 95 percent of our refined sugar products. Our star product; Gula Prai, is the premier brand in Malaysia and the most popular choice for consumers. Meanwhile, our other products, such as brown and caster sugar are sought after by industries and consumers alike.

Today, our plans for regional and global expansion are based on our ability to deliver competitively priced products of the highest quality. This, in turn, rests on the investments we have made – and continue to make – in both cutting-edge technology and skills-development. The strengths we possess, combined with an ability to recognise and seize opportunities, augur well for the ongoing development of the business.

### ENHANCING RETURNS

In 2013, MSM recorded record-breaking results, underpinned by the low average price of raw sugar combined with favourable FOREX conditions. Pre-tax profit surged 25.9 percent to RM359 million from RM285 million in 2012, and net profit advanced by 26.1 percent to reach RM255 million from RM202 million the previous year. This performance was achieved on the back of a consolidated revenue of RM2.202 billion in 2013 compared to RM2.301 billion in 2012 – the dip in revenue being the result of the weakening world raw sugar price.

Basic earnings per share attributable to equity holders of the Company stood at 36.23 sen in 2013 as against 28.74 sen in 2012, whilst net assets per share increased to RM2.64 from RM2.49. Shareholders' funds also advanced to RM1.86 billion from RM1.75 billion the previous financial year.

We ended the year with total assets of RM2.171 billion, including net cash of RM332 million from our operating activities.

Given these strong results, the Board of MSM has recommended a final dividend payment of 14 sen per share amounting to RM98.4 million, to be paid on 11 July 2014. This is in addition to the interim dividend of 10 sen per share already paid on 27 December 2013. This makes the total dividend paid to shareholders in 2013 of 24 sen per share via a total dividend payment of RM168.7 million.

### INCREASING OUTPUT

In 2013, MSM recorded a total sales volume of 952,740 tonnes (937,430 tonnes in 2012). Of this, 730,040 tonnes (751,668 tonnes in 2012) were purchased by the domestic market, 199,011 tonnes (158,618 tonnes in 2012) being exported.

In total, our two sugar refineries in Prai, Penang and Chuping, Perlis refined an average of 2,900 tonnes of sugar per day to produce an annual total of 938,203 tonnes. Of this, 501,452 tonnes were sold in the domestic market, about 11.5 percent down on the 2012 figure of 566,581 tonnes. The decrease reflected the sugar subsidy withdrawal of RM0.34/kg announced in October 2013. Export sales however, rose by 25.5 percent from 158,618 tonnes in 2012 to 199,011 tonnes in 2013. Our exports were once again mainly to the Asia Pacific region, with Singapore, South Korea, Australia, New Zealand, Indonesia and Pakistan providing our prime markets.

Last year, our total production of refined sugar stood at 938,203 tonnes (900,620 tonnes in 2012).

Meanwhile, our production capacity stood at 3,600 tonnes melt per day – 3,000 tonnes/day being from MSM Co and 600 tonnes/day from KGFP. By the second quarter 2015, we expect to achieve a further overall increase to 3,800 tonnes melt per day.

## LOOKING BACK

In 2013 we allocated RM85 million to enhance our infrastructure, warehouse storage and handling capacity, and our distribution system. As well as boosting output and efficiency, the measures taken are successfully cutting costs and boosting our export capabilities.

### Improving Production, Storage and Distribution

During the year, we continued to increase our production capacity by automating our production processes. This enables us to meet rising demand, maximising output and delivers significant cost savings through economies of scale.

At our warehouse in Sungai Buloh, two new refined sugar silos came into operations in February 2013, each with a storage capacity of 2,500 tonnes. This brings the total silo capacity at Sungai Buloh to 6,000 tonnes.

By the end of 2013, the installation of both a high-bay racking structure and an automated storage and retrieval system (AS/RS) at the Sungai Buloh warehouse was more than 60 percent completed, and the system should be fully operational by September 2014. The system will greatly improve the Group's Good Manufacturing Practice (GMP) standards as our current facility will be transformed into a modern and more hygienic warehouse, well equipped to meet customers' high expectations. Being fully automated and computerised, the facility will increase the speed of distribution by reducing dependence on slower and less efficient conventional systems using forklifts and manual workers. It will improve housekeeping and safety, minimise human error, and reduce the losses caused by damage to products and pallets.

By helping to maximise the usage of packing facilities, the system will deliver more and better storage capacity, accurate stock recording and improved inventory control and management. Proper identification of stock and batch codes will also now allow easy implementation of the standard industry practice of 'First in, First Out' (FIFO). As a result, loading and delivery will be faster and more efficient, which will undoubtedly lead to higher customer satisfaction.

Meanwhile, last year, we increased the number of container loading bays at our Prai refinery to a total of nine bays and an expansion of the container parking area will be completed by mid 2015. In conjunction with this, additional railway tracks will be installed inside the MSM compound to aid wagon loading and shunting activities so as to speed up product delivery to our Sungai Buloh and Johor Bahru depots.

### Strengthening Export Capabilities

Another initiative was the introduction of a flexi-bag container loading facility in Prai. Flexi-bag is a bag large enough to fill a 20 foot shipping container with approximately 20 to 25 tonnes of sugar. Using this bulk transportation system, the empty bag is fitted into the container box, before loose bulk sugar is gravity-fed into the bag. At the receiving end, the customer discharges the sugar by gravity into the receiving silo. The flexi-bag system eliminates the costs of materials and labour associated with the conventional method of packing, unpacking, container stuffing and un-stuffing. Filling and discharging are also quicker than with conventional bags.

MSM installed its first flexi-bag filling station in December 2012, and in 2013 sold and delivered about 45,000 tonnes of sugar to export customers using this system – nearly a quarter of the total export sales volume for the year. A second flexi-bag filling station was installed in January 2014.

At present there is demand from markets in Korea, Australia and New Zealand for flexi-bag sugar, and there are not many sugar producers in this region who can yet offer this delivery mode. This puts MSM in a strong position to capitalise on demand to boost export sales in 2014.

## LOOKING FORWARD

### Boosting Capacity

At home, we are committed to significantly increase our production capacity of our refineries. Our Prai refinery is now working at 87 percent capacity (up from 83 percent in 2012) and at KGFP we are increasing our output from 80 percent to 95 percent of capacity. By the end of 2014, these initiatives will raise our annual production capacity from 1.1 million tonnes to 1.2 million tonnes, making us one of Asia's top five suppliers of refined sugar. By 2016, we aim to be able to produce 1.5 million tonnes of refined sugar a year.

To help us achieve these growth targets, we have embarked on an Enterprise Resource Planning (ERP) initiative, and are planning to roll out Phase 1 in 2014 and Phase 2 in 2015. This will allow us both to consolidate our resources and to enhance resource management. We are currently running training programmes to equip staff with the skills required by ERP.

Meanwhile, at KGFP, we are also improving the production process so as to enhance the quality of the refined sugar and drive an increase in sales.



From 2015 onwards, barring unforeseen circumstances, the demand for sugar is expected to outstrip the supply, and sugar prices are set to rise. To capitalise on this trend, we are planning the construction of a fourth warehouse at our Seberang Prai refinery, which will raise the refinery's raw sugar storage capacity to 180,000 tonnes. Concurrently, we plan to expand our refined sugar storage capacity from 31,000 tonnes to 40,000 tonnes.

#### Cost Optimisation

Another ongoing initiative involves rationalising our distribution channels by dividing our market into several regions, namely North 1, North 2, Central and Southern. This will enable us to service our customers within each region from our storage facilities in Prai, Perlis, Sungai Buloh and Johor Bahru respectively. By the end of 2014, this initiative will be more cost efficient.

#### Expanding Overseas

In the years ahead, we plan a vigorous programme of growth via acquisitions, mergers and joint ventures.

In sugar-producing nations abroad, although there is no shortage of sugar cane plantations and mills, the supply of refineries is inadequate. This presents us with an exceptional opportunities to leverage on our sugar-refining expertise to team up with overseas players. This could involve either entering into joint ventures with partners abroad or collaborating with our parent company, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), to acquire the upstream and midstream operations of foreign sugar producers.

At the same time, MSM is exploring the possibility of expanding to downstream by acquiring or joint-venturing with local and overseas food producers.

In collaboration with FGV, in the long run we plan to cover the entire supply chain from plantation to food production.

Going forward, we therefore see many and great opportunities for MSM – opportunities that will enable us to make major strides towards our goal of becoming one of the world's top three sugar industry players. Not only are circumstances favourable, but we possess the resources and the will to grow both regionally and globally and to build a business that creates greater value for our customers and our stakeholders.

**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**  
President / Group Chief Executive Officer

# CEO'S REVIEW

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



### PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHARGAI SEKALIAN,

Sasaran terunggul kami di MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah untuk menjadi salah sebuah daripada tiga syarikat pengeluar terkemuka di dunia dalam industri pembuatan gula. Sejak menjadi syarikat senaraian awam pada tahun 2011, tumpuan telah diberikan terhadap usaha menggembeng segala kekuatan disamping mengukuhkan kedudukan kami selaku peneraju pengeluar gula negara. Hasilnya pada hari ini, kami bersedia untuk berkembang secara agresif dengan menyaksikan pengembangan ini bakal merentasi sempadan, malah lebih jauh lagi.

### MENERAJUI PASARAN

Memang tidak dinafikan, di dalam negara, kami adalah peneraju pasaran yang mengeluarkan 57 peratus daripada keseluruhan pengeluaran gula pasir Malaysia. Produk utama kami meliputi PXX yang berkualiti tinggi untuk pelanggan perindustrian dan P1 untuk pasaran umum. Ini bersamaan dengan lebih 95 peratus daripada produk gula bertapis kami. Gula Prai yang menjadi produk terkemuka kami merupakan sebuah jenama bertaraf unggul di Malaysia dan ia pilihan popular di kalangan pengguna. Sementara itu, produk kami yang lain seperti gula perang dan gula kastor turut menjadi pilihan ramai, baik di kalangan industri mahupun pengguna.

Kini, rancangan perluasan kami di peringkat serantau mahupun global dilaksanakan berasaskan kepada keupayaan kami untuk menghasilkan produk paling berkualiti pada harga yang kompetitif. Ini sebaliknya bergantung kepada pelaburan yang kami telah salurkan – dan akan terus menyalurkan – baik dalam teknologi terkini mahupun dalam pembangunan kemahiran. Kekuatan yang kami miliki, diganding dengan keupayaan kami mengenalpasti serta merebut peluang, adalah sejajar dengan usaha yang dijalankan untuk meneruskan perkembangan perniagaan.

### MEMPERTINGKATKAN PULANGAN

Dalam persekitaran yang didorong oleh purata harga gula mentah yang rendah dan keadaan tukaran matawang asing yang memberangsangkan pada tahun 2013, MSM berjaya mencatat keputusan yang melangkui rekod yang pernah dicapai sebelum ini. Keuntungan sebelum cukai melonjak sebanyak 25.9 peratus kepada RM359 juta daripada RM285 juta pada tahun 2012, manakala keuntungan bersih meningkat sebanyak 26.1 peratus ke paras RM255 juta berbanding RM202 juta pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dicapai berdasarkan jumlah hasil yang lebih rendah sebanyak RM2.202 bilion pada tahun 2013 berbanding RM2.301 bilion pada tahun 2012 disebabkan oleh penyusutan harga gula dunia.

Pendapatan asas sesaham milik pemegang ekuiti Syarikat mengukuh di paras 36.23 sen pada tahun 2013 berbanding 28.74 sen pada tahun 2012, manakala aset bersih sesaham meningkat kepada RM2.64 daripada RM2.49. Dana pemegang saham turut naik kepada RM1.86 bilion daripada RM1.75 bilion pada tahun kewangan yang lepas.

Kami mengakhiri tahun ini dengan jumlah aset bernilai RM2.171 bilion, termasuk tunai bersih sebanyak RM332 juta daripada kegiatan operasi.

Berdasarkan pencapaian keputusan yang baik ini, Lembaga Pengarah MSM telah mengesyorkan pembayaran dividen akhir sebanyak 14 sen sesaham berjumlah RM98.4 juta yang bakal dibayar pada 11 Julai 2014. Dividen tersebut adalah sebagai tambahan kepada dividen interim sebanyak 10 sen sesaham yang telah pun dibayar pada 27 Disember 2013. Dengan ini, jumlah dividen yang dibayar kepada pemegang saham pada tahun 2013 adalah sebanyak 24 sen sesaham melalui jumlah keseluruhan pembayaran dividen sebanyak RM168.7 juta.

### MENINGKATKAN OUTPUT

Pada tahun 2013, MSM mencatat volum jualan berjumlah 952,740 tan metrik (937,430 tan metrik pada tahun 2012). Daripada jumlah tersebut, 730,040 tan metrik (751,668 tan metrik pada tahun 2012) telah dibeli oleh pasaran dalam negara, manakala jumlah yang dieksport adalah sebanyak 199,011 tan metrik (158,618 tan metrik pada tahun 2012).

Secara keseluruhan, dua buah kilang penapis kami di Prai, Pulau Pinang dan Chuping, Perlis telah menapis secara purata sebanyak 2,900 tan metrik gula sehari bagi menghasilkan jumlah tahunan sebanyak 938,203 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 501,452 tan metrik telah dijual di pasaran dalam negara, iaitu pengurangan sebanyak 11.5 peratus berbanding jumlah pada tahun 2012 sebanyak 566,581 tan metrik. Penurunan tersebut adalah kesan daripada penarikan subsidi gula sebanyak RM0.34/kg yang diumumkan oleh Kerajaan pada bulan Oktober 2013. Walau bagaimanapun, jualan eksport kami meningkat sebanyak 25.5 peratus daripada 158,618 tan metrik pada tahun 2012 kepada 199,011 tan metrik pada tahun 2013. Seperti tahun sebelumnya, sebahagian besar daripada eksport kami adalah ke negara-negara rantau Asia Pasifik, di mana Singapura, Korea Selatan dan Pakistan merupakan pasaran utama kami.

Jumlah keluaran gula bertapis kami pada tahun lepas adalah sebanyak 938,203 tan metrik (meningkat daripada 900,620 tan metrik pada tahun 2012).



Sementara itu, kapasiti pengeluaran kami adalah sebanyak 3,600 tan metrik cair sehari – 3,000 tan metrik/hari daripada MSM Co dan 600 tan metrik/hari daripada Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd (KGFP). Menjelang suku tahun kedua 2015, kami menjangka akan mencapai peningkatan keseluruhan hingga 3,800 tan metrik cair sehari.

#### **TINJAUAN TAHUN 2013**

Pada tahun 2013, kami telah memperuntukkan RM85 juta untuk menambah baik prasarana, gudang simpanan dan kapasiti pengendalian dan sistem pengeluaran. Kami juga sedang meningkatkan pengeluaran dan kecekapan, langkah-langkah yang diambil adalah dengan pengurangan kos dan meningkatkan keupayaan eksport kita.

#### **Menambah baik Kemudahan, Penyimpanan dan Pengedaran**

Sepanjang tahun 2013, kami meneruskan usaha meningkatkan kapasiti pengeluaran dengan mengautomasi proses pengeluaran. Selain membolehkan kami memenuhi permintaan yang kian meningkat, memaksimumkan output dan menghasilkan penjimatan kos melalui pengeluaran perekonomian skala.

Di gudang kami di Sungai Buloh, dua buah silo gula pasir baharu dengan kapasiti simpanan sebanyak 2,500 tan metrik setiap satu telah pun beroperasi pada bulan Februari 2013. Ini menjadikan jumlah kapasiti silo di Sungai Buloh mencecah 6,000 tan metrik.

Sementara itu, pada akhir tahun 2013, pemasangan struktur rak yang tinggi serta sistem automasi penyimpanan dan kutipan di gudang Sungai Buloh telah mencapai tahap lebih 60 peratus siap dan sistem berkenaan akan beroperasi sepenuhnya menjelang bulan September 2014. Sistem ini akan mempertingkatkan lagi piawaian Amalan Perkilangan Terbaik (GMP) Kumpulan apabila ia merubah fasiliti sedia ada kami dalam menjadikannya sebuah gudang yang moden dan bersih bagi memenuhi jangkaan pelanggan. Menggunakan kemudahan berkomputer dan automatik secara sepenuhnya, fasiliti tersebut akan meningkatkan lagi kepantasan pengedaran dengan mengurangkan kebergantungan terhadap sistem-sistem konvensional yang kurang efisien seperti forklif dan pekerja manual. Ianya dapat memperbaiki pengurusan premis dan keselamatan, mengurangkan kejadian kesilapan manusia dan pengurangan kerosakan pada produk dan palet yang boleh membawa kepada kerugian.

Salah satu cara untuk membantu dalam memaksimumkan penggunaan kemudahan fasiliti pembungkusan, sistem ini akan membantu meningkatkan kapasiti penyimpanan, ketepatan rekod stok dan memperbaiki pengurusan dan pengawalan inventori. Pengenalpastian kod stok dan kelompok yang tepat akan membolehkan pelaksanaan Pertama masuk, Pertama keluar (FIFO). Hasilnya, pemunggahan muatan dan penghantaran akan menjadi lebih pantas dan cekap dan seterusnya akan menghasilkan kepuasan pelanggan yang lebih baik.

Antara lain, kami telah menambah bilangan ruang panggah kontena di kilang penapisan di Prai pada tahun lepas kepada sembilan ruang dan menjalankan kerja-kerja meluaskan kawasan parkir kontena yang akan siap menjelang pertengahan tahun 2015. Tambahan bagi landasan kereta api akan diletakkan di dalam kawasan premis MSM untuk membantu memuatkan gerabak dan aktiviti mengubah landasan bagi mempercepatkan penghantaran produk ke depot kami di Sungai Buloh dan Johor Bahru.

#### **Mengukuhkan Keupayaan Eksport**

Satu lagi inisiatif yang dijalankan adalah pengenalan mengenai kemudahan muatan kontena flexi-bag di Prai. Flexi-bag adalah beg dengan saiz yang cukup besar untuk memenuhi ruang dalam kontena kapal 20 kaki yang dapat memuatkan kira-kira 20 hingga 25 tan metrik gula. Menerusi penggunaan sistem pengangkutan pukal ini, beg flexi-bag kosong dipasang di dalam kotak kontena, sebelum gula dituangkan ke dalam beg tersebut. Di pihak penerima, pelanggan akan mengeluarkan gula secara tuangan graviti ke dalam saluran silo. Sistem flexi-bag menghapuskan kos bahan dan pekerja yang berhubung kait dengan kaedah konvensional dalam membungkus, membuka bungkusan, memuatkan kontena dan mengeluarkan kandungan kontena. Proses mengisi dan mengeluarkan juga lebih pantas berbanding penggunaan beg-beg konvensional.

MSM memasang stesen mengisi flexi-bag pertamanya pada bulan Disember 2012 dan pada tahun 2013, telah menjual dan menghantar kira-kira 45,000 tan metrik gula kepada pelanggan eksport yang menggunakan sistem ini. Jumlah tersebut meliputi hampir satu perempat daripada keseluruhan volum jualan ekport bagi tahun tersebut. Antara lain, stesen kedua mengisi flexi-bag telahpun dipasang pada bulan Januari 2014.

Pada masa ini, terdapat permintaan bagi gula flexi-bag daripada pasaran di Korea, Australia dan New Zealand. Tidak banyak syarikat pengeluar gula di rantau ini yang menawarkan kaedah penghantaran sebegini. Ini meletakkan MSM di kedudukan yang kukuh untuk memanfaatkan permintaan ini bagi melonjakkan jualan eksport pada tahun 2014.

#### **MASA DEPAN**

##### **Melonjakkan Kapasiti**

Di Malaysia, kami berazam untuk mencatat lonjakan ketara dalam kapasiti pengeluaran kilang penapisan kami. Kilang penapisan di Prai kini beroperasi pada tahap 87 peratus kapasiti (meningkat daripada 83 peratus pada 2012) manakala di KGFP untuk meningkatkan output daripada 80 peratus ke 95 peratus kapasiti. Usaha-usaha ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan kami daripada 1.1 juta tan metrik kepada 1.2 juta tan metrik menjelang akhir tahun 2014, justeru, menjadikan kami sebagai salah sebuah daripada lima syarikat peneraju di Asia dalam pembekalan gula pasir. Menjelang tahun 2016, kami mensasar untuk mengeluarkan 1.5 juta tan metrik gula pasir setahun.

Bagi membantu mencapai sasaran pertumbuhan ini, kami telah memulakan satu inisiatif Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) dan merancang untuk melancarkan Fasa 1 pada tahun 2014 dan Fasa 2 pada tahun 2015. Ini bakal membolehkan kami mengembleng sumber dan mempertingkatkan pengurusan sumber kami. Kami kini sedang melaksanakan program-program latihan untuk mempersiapkan kakitangan dengan kemahiran yang diperlukan oleh ERP.

Pada masa yang sama, di KGFP, kami turut menambah baik proses pengeluaran untuk meningkatkan lagi kualiti gula pasir dan mendorong dalam peningkatan jualan.

Mulai tahun 2015, melainkan jika berlaku perkara yang tidak dijangka, permintaan bagi gula dijangka akan melebihi bekalan dan harga gula dijangka akan meningkat. Bagi memanfaatkan aliran ini, kami merancang membina gudang keempat di kilang penapisan Prai yang bakal menambah kapasiti penyimpanan gula mentah kepada 180,000 tan metrik. Kesenambungan daripada itu, kami juga merancang untuk memperbesarkan kapasiti penyimpanan gula pasir kami di Prai daripada 31,000 tan metrik kepada 40,000 tan metrik.

##### **Penjimatan Kos**

Satu lagi inisiatif berterusan kami melibatkan rasionalisasi saluran-saluran pengedaran dengan membahagikan pasaran kami kepada beberapa wilayah iaitu Utara 1, Utara 2, Tengah dan Selatan. Ini akan membolehkan kami menyalurkan perkhidmatan kepada para pelanggan di setiap wilayah melalui kemudahan-kemudahan penyimpanan kami di Prai, Perlis, Sungai Buloh dan Johor Bahru. Inisiatif ini akan membantu dalam penjimatan kos menjelang akhir tahun 2014.



### **Berkembang ke Luar Negara**

Pada tahun-tahun akan datang, kami merancang satu program pertumbuhan agresif menerusi pengambilalihan, penggabungan dan usaha sama.

Bagi pengeluar-pengeluar gula di luar negara, meskipun tidak menghadapi masalah kekurangan ladang dan kilang, bekalan terhadap kilang penapisan masih tidak mencukupi. Keadaan ini membuka peluang keemasan kepada kami untuk memanfaatkan kepakaran yang dimiliki dalam penapisan gula untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat di luar negara. Ini boleh melibatkan sama ada pematerian jalinan usaha sama dengan rakan niaga luar atau kerjasama dengan syarikat induk kami, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), untuk memperoleh operasi hiliran dan pertengahan daripada syarikat pengeluar gula asing.

Pada masa yang sama, MSM sedang merisik kemungkinan untuk meluaskan operasi hiliran dengan mengambil alih atau menjalin usaha sama dengan para pengeluar makanan dan syarikat-syarikat lain yang menggunakan gula secara meluas.

Seiring dengan FGV, kami merancang untuk meliputi keseluruhan rantaian bekalan daripada ladang hinggalah kepada pengeluaran makanan untuk jangka masa panjang.

Melangkah ke hadapan, kami melihat banyak peluang besar bagi MSM. Peluang-peluang yang bakal membawa kemajuan besar ke arah matlamat kita untuk menjadi salah sebuah daripada tiga pemain industri gula terunggul di dunia. Bukan hanya memihak kepada situasi, kami juga memiliki sumber serta kemahuan untuk berkembang di peringkat serantau dan global, malah untuk membina perniagaan yang mencipta nilai yang lebih besar untuk pelanggan dan pemegang kepentingan kami.

**DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**  
Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

# BUILDING CAPACITY

## MEMBINA KAPASITI



In 2013 we continued to automate our processes, expand our storage, and improve our handling and distribution facilities. Our automated storage and retrieval system will be fully completed in September 2014 and should also bring an increase in the storage capacity.

Our total production of refined sugar reached 938,203 tonnes, while our raw sugar melt production capacity is 3,600 tonnes per day.

*Pada tahun 2013, kami meneruskan usaha mengautomasi proses, meluaskan tempat simpanan dan menambah baik kemudahan pengendalian dan pagedaran kami. Sistem simpanan dan kutipan automasi kami akan siap sepenuhnya pada bulan September 2014 dan ini akan menyumbang kepada peningkatan kapasiti simpanan.*

*Jumlah pengeluaran gula bertapis kami telah mencapai 938,203 tan metrik, sementara kapasiti pengeluaran gula cair mentah adalah sebanyak 3,600 tan metrik sehari.*

.....  
Targeted annual production capacity by the end of 2014:  
1.2 million tonnes

*Sasaran pengeluaran tahunan menjelang akhir tahun 2014:  
1.2 juta tan metrik*  
.....







# CORPORATE INFORMATION

## MAKLUMAT KORPORAT



### BOARD OF DIRECTORS LEMBAGA PENGARAH

**YB Tan Sri Haji Mohd Isa  
Dato' Haji Abdul Samad**  
Chairman/Non-Independent  
Non-Executive Director  
*Pengerusi / Pengarah Bukan  
Eksekutif Bukan Bebas*

**YM Raja Anuar Raja Abu Hassan**  
Senior Independent  
Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif  
Bebas Kanan*

**Dato' Zainal Haji Ismail**  
Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

**Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari**  
Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

**YB Datuk Noor Ehsanuddin  
Mohd Harun Narrashid**  
Independent Non-Executive Director  
(Previously a Non-Independent Non-Executive Director.  
Re-designate with effect from 22 August 2013)  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*  
(Sebelum ini Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas.  
Ditukar berkuatkuasa 22 Ogos 2013)

**Datuk Haji Faizoull Ahmad**  
Non-Independent Non-Executive Director  
(Appointed on 1 March 2013)  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*  
(Dilantik pada 1 Mac 2013)

**Datuk Lim Thean Shiang**  
Independent Non-Executive Director  
(Appointed on 23 August 2013)  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*  
(Dilantik pada 23 August 2013)

**Mohd Emir Mavani Abdullah**  
Non-Independent Non-Executive Director  
(Appointed on 1 March 2013)  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*  
(Dilantik pada 1 Mac 2013)

**Dr Suzana Idayu Wati Osman**  
Non-Independent Non-Executive Director  
(Appointed on 1 March 2013)  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*  
(Dilantik pada 1 Mac 2013)

**Tan Sri Dato' Sabri Ahmad**  
Non-Independent Non-Executive Director  
(Ceased to be a director on 5 September 2013)  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*  
(Berhenti sebagai pengarah pada 5 September 2013)

**President / Group Chief Executive Officer**  
*Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan*  
Dato' Sheikh Awab Sheikh Abod

**Company Secretaries**  
*Setiausaha Syarikat*  
Shahniza Anom Elias (LS 0006472)  
Koo Shuang Yen (MIA 7556)

**Auditors**  
*Juruaudit*

**PricewaterhouseCoopers**  
Level 10, 1 Sentral, Jalan Travers  
Kuala Lumpur Sentral  
50710 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603 2173 1188  
Fax : +603 2173 1288

**Share Registrar**  
*Pendaftar Saham*

**Symphony Share Registrars Sdn Bhd**  
Level 6, Symphony House,  
Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46  
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel : +603 7841 8000  
Fax : +603 7841 8151 / 8152

**Registered Office**  
*Pejabat Berdaftar*

Level 42, Menara Felda  
Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC  
50088 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603 2859 0000  
Fax : +603 2859 0016

**Investor Relations And Enquiries**  
*Perhubungan Pelabur Dan Pertanyaan*

Level 44, Menara Felda  
Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC  
50088 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603 2181 5018  
Fax : +603 2181 5015  
www.msmholdings.com  
info@msmholdings.com.my

**Stock Exchange Listing**  
*Penyenaraian Pasaran Saham*


**Main Market Of Bursa Malaysia  
Securities Berhad**  
Listed since 28 June 2011  
Stock Code: 5202

**Pasaran Utama Bursa Malaysia  
Sekuriti Berhad**  
Disenaraikan sejak 28 Jun 2011  
Kod Stok: 5202

# CORPORATE STRUCTURE

(as at 17 April 2014)

*STRUKTUR KORPORAT*  
(pada 17 April 2014)



# BOARD OF DIRECTORS

## LEMBAGA PENGARAH



**Fostering a New Path  
for Strategic Leadership**  
*Memupuk Haluan Baru bagi  
Kepimpinan Strategik*

- 01 **YB TAN SRI HAJI MOHD ISA  
DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
Chairman  
Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengerusi  
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*
- 02 **YM RAJA ANUAR RAJA ABU HASSAN**  
Senior Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan*
- 03 **DATO' ZAINAL HAJI ISMAIL**  
Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
- 04 **DATO' HAJJAH ROSNI HAJI ZAHARI**  
Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
- 05 **YB DATUK NOOR EHSANUDDIN  
MOHD HARUN NARRASHID**  
Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
- 06 **DATUK HAJI FAIZOULL AHMAD**  
Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*
- 07 **DATUK LIM THEAN SHIANG**  
Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
- 08 **MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH**  
Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*
- 09 **DR SUZANA IDAYU WATI OSMAN**  
Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*



03

02

01

04



05

07

08

06

09

# SENIOR MANAGEMENT

## AHLI PENGURUSAN KANAN



- 01 **DATO' SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**  
President / Group Chief Executive Officer  
*Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan*
- 02 **MOHAMAD AMRI SAHARI@KHUZARI**  
Deputy Chief Executive Officer  
*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif*
- 03 **RAJA FARIDAH RAJA AHMAD**  
Chief Financial Officer  
*Ketua Pegawai Kewangan*
- 04 **ISMAIL ABDULLAH**  
General Manager, Logistics  
*Pengurus Besar, Logistik*
- 05 **HA CHARM MUN**  
General Manager, Factory Operations  
*Pengurus Besar, Operasi Kilang*



02



03



05

01

04

# PROFILE OF DIRECTORS

## PROFIL PENGARAH

(Information is correct as at 20 May 2014)  
(Maklumat adalah tepat dan benar pada 20 May 2014)



### YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Chairman  
Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengerusi Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*



YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, a Malaysian aged 64, was appointed Chairman and Director of MSM Malaysia Holdings Berhad on 25 March 2011.

He holds a Bachelor of Arts from the University of Malaya.

He began his career in politics in 1974 as the Deputy of the United Malays National Organisation (UMNO) Youth of Teluk Kemang. He has held the positions of Chief of UMNO Youth Teluk Kemang, Chief of UMNO Teluk Kemang (a position he still holds), State Assemblyman of Linggi and member of the Negeri Sembilan State Executive Committee. He was Chief Minister of Negeri Sembilan from 1982 to 2004, and was formerly Member of Parliament for Jempol, Minister of Federal Territories and Vice President of UMNO. He is currently the Chairman of the Federal Land Development Authority (FELDA), Felda Global Ventures Holdings Berhad and Felda Holdings Bhd. He is also a Director of Negeri Sembilan Holdings Bhd, Amanah Saham Negeri Sembilan Bhd and several companies within the Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended five of the seven Board Meetings held during the financial year under review.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, warganegara Malaysia berusia 64 tahun, dilantik sebagai Pengerusi dan Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad pada 25 Mac 2011.*

*Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya.*

*YB Tan Sri Haji Mohd Isa memulakan kerjaya dalam bidang politik pada tahun 1974 sebagai Timbalan Ketua Pemuda Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Teluk Kemang. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Pemuda UMNO Teluk Kemang, Ketua UMNO Teluk Kemang (jawatan yang beliau pegang hingga kini), Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Linggi dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri bagi Negeri Sembilan. Beliau merupakan Ketua Menteri Negeri Sembilan dari tahun 1982 hingga 2004 dan mantan Ahli Parlimen Jempol, Menteri Wilayah Persekutuan dan Naib Presiden UMNO. Beliau kini menyandang jawatan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Felda Global Ventures Berhad dan Felda Holdings Bhd. Beliau juga merupakan pengarah Negeri Sembilan Holdings Bhd, Amanah Saham Negeri Sembilan Bhd dan beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.*

*YB Tan Sri Haji Mohd Isa menghadiri lima daripada tujuh Mesyuarat Lembaga yang diadakan sepanjang tahun kewangan yang berkenaan.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*



## YM RAJA ANUAR RAJA ABU HASSAN

Senior Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan*



YM Raja Anuar Raja Abu Hassan, a Malaysian aged 58, was appointed to the Board on 25 March 2011, and became Senior Independent Non-Executive Director on 26 November 2012. He is also Chairman of the Audit Committee, the Nomination and Remuneration Committee and also a member of the Investment Committee.

He is a Chartered Accountant, a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), a Fellow of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and a Chartered Member of the Chartered Institute of Internal Auditors.

During his career, he has held senior positions in finance and internal audit in several public listed companies in various industry sectors. He has been Internal Audit Manager of PROTON Holdings; Commercial Accounting Manager of Sime Darby Plantations; Head, Overseas Operations of Malayan Banking Bhd; General Manager Internal Audit of Sapura Holdings; and Director, Internal Audit of Golden Hope Plantations Bhd. He is currently a director of Perdana Petroleum Bhd.

He attended all the seven Board Meetings held during the financial year under review.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.

*YM Raja Anuar Raja Abu Hassan, warganegara Malaysia berusia 58 tahun, dilantik menganggotai Lembaga pada 25 Mac 2011 dan menyandang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan pada 26 November 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan.*

*Beliau adalah Akauntan Bertauliah yang menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Felo di Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun dan Ahli Berkanun Institut Juruaudit Dalam Berkanun.*

*Sepanjang kerjaya beliau, YM Raja Anuar telah menyandang pelbagai jawatan kanan dalam bidang kewangan dan audit dalaman di beberapa syarikat senarai awam dalam pelbagai sektor industri. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Audit Dalaman PROTON Holdings; Pengurus Perakaunan Komersial Sime Darby Plantations; Ketua, Operasi Luar Negara di Malayan Banking Bhd; Pengurus Besar Audit Dalaman Sapura Holdings; dan Pengarah di Audit Dalaman Golden Hope Plantations Bhd. Beliau kini merupakan pengarah di Perdana Petroleum Bhd.*

*YM Raja Anuar menghadiri ketujuh-tujuh Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan berkenaan.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

## DATO' ZAINAL HAJI ISMAIL

Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

YBhg Dato' Zainal Haji Ismail, a Malaysian aged 71, has been an Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad since 25 March 2011. He is also a member of the Audit Committee and the Nomination and Remuneration Committee.

He holds a Bachelor of Arts (Hons) and a Diploma in Public Administration from the University of Malaya.

He started his career with the Civil Service Department as an Assistant Secretary.

He was subsequently appointed Director of Training & Career Development of Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA). In 1977, he served the Sarawak Development Department as the State Development Officer and in 1984 was made the first Director in the Sarawak Development Department. He was also appointed General Manager of Yayasan Pahang and in 1988, as the State Finance Officer for the State of Pahang. Currently, he sits on the board of several private limited companies in Malaysia.

He attended all the seven Board Meetings held during the financial year under review.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.



*YBhg Dato' Zainal Haji Ismail, warganegara Malaysia berusia 71 tahun, menyandang jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad sejak 25 Mac 2011. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.*

*Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Sastera (Kepujian) dan Diploma Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya.*

*YBhg Dato' Zainal memulakan kerjaya sebagai Penolong Setiausaha dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.*

*Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Latihan dan Pembangunan Kerjaya Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA). Pada tahun 1977, beliau berkhidmat dengan Jabatan Pembangunan Sarawak sebagai Pegawai Pembangunan Negeri dan dilantik sebagai Pengarah pertama bagi Jabatan Pembangunan Sarawak pada tahun 1984. Beliau turut dilantik sebagai Pengurus Besar Yayasan Pahang dan Pegawai Kewangan Negeri bagi Negeri Pahang pada tahun 1988. Beliau kini menganggotai beberapa lembaga pengarah syarikat sendiri berhad di Malaysia.*

*YBhg Dato' Zainal menghadiri ketujuh-tujuh Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan berkenaan.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

## DATO' HAJJAH ROSNI HAJI ZAHARI

Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

YBhg Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari, a Malaysian aged 53, has been an Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad since 25 March 2011. She is also a Member of the Audit Committee and the Nomination and Remuneration Committee.

She holds a Bachelor in Law from the University of Technology MARA.

She started her career in politics in 1982 and became a Pahang State Assemblywoman in 1999. She has been Chief of Pergerakan Wanita UMNO, Maran since 1992 and Chief of Pergerakan Wanita UMNO Negeri Pahang since 2008. She has also been an Executive Committee member of Pergerakan Wanita UMNO Malaysia since 2004 and now she is the Information Chief for Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. She began her legal career as an Advocate & Solicitor in the High Court of Malaysia in 1990 and also as Syariah Lawyer under the name of Messrs, Rosni, Francis Tan & Co. Currently, she sits on the board of several private limited companies in Malaysia.

She attended six of the seven Board Meetings held during the financial year under review.

She has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. She has not been convicted for any offences within the past ten years.



*YBhg Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari, warganegara Malaysia berusia 53 tahun, menyandang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad sejak 25 Mac 2011. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.*

*Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Teknologi MARA.*

*YBhg Dato' Hajjah Rosni memulakan kerjaya dalam bidang politik pada tahun 1982 dan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang pada tahun 1999. Beliau merupakan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Maran sejak tahun 1992 dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Pahang sejak tahun 2008. Beliau juga telah menjadi Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pergerakan Wanita UMNO Malaysia sejak tahun 2004 dan kini merupakan Ketua Penerangan bagi Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang perundangan sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaysia pada tahun 1990 dan juga sebagai Peguam Syariah di firma Tetuan, Rosni, Francis Tan & Co. Beliau kini menganggotai beberapa lembaga pengarah syarikat sendiri berhad di Malaysia.*

*YBhg Dato' Hajjah Rosni menghadiri enam daripada tujuh Mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan yang ditinjau.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

## YB DATUK NOOR EHSANUDDIN MOHD HARUN NARRASHID

Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid, a Malaysian aged 50, was appointed a Non-Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad on 1 March 2013 and was re-designated as an Independent Non-Executive Director on 22 August 2013.

He holds a Degree in Civil Engineering And Mechanics from Southern Illinois University, Carbondale, USA.

He began his career as an Engineer, working for several private companies including Milford Haven Automation Sdn Bhd and Alfa Laval Sdn Bhd. In 2008, he was made a Director of Seranta (FELDA) in the Prime Minister's Department. He has resigned as a Director of Seranta (FELDA) with effect from 18 April 2013 and he is now a member of Parliament of Kota Tinggi, Johor.

He is currently a Director of Felda Global Ventures Holdings Berhad and of several companies within the Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended five of the six Board Meetings held from April 2013 to December 2013, following his appointment as a Director on 1 March 2013.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.



*YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid, warganegara Malaysia berusia 50 tahun, dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad pada 1 Mac 2013 dan telah ditukar jawatan kepada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 22 Ogos 2013.*

*Beliau adalah lulusan Ijazah Kejuruteraan Awam dan Mekanikal dari Southern Illinois University, Carbondale, Amerika Syarikat.*

*YB Datuk Noor Ehsanuddin memulakan kerjaya sebagai Jurutera dan bekerja di beberapa syarikat swasta termasuk Milford Haven Automation Sdn Bhd dan Alfa Laval Sdn Bhd. Pada tahun 2008, beliau dilantik sebagai Pengarah Seranta (FELDA) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau meletak jawatan sebagai Pengarah Seranta (FELDA) berkuatkuasa dari 18 April 2013 dan kini berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Kota Tinggi, Johor.*

*Beliau merupakan Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad dan beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.*

*YB Datuk Noor Ehsanuddin menghadiri lima daripada enam Mesyuarat Lembaga yang diadakan dari bulan April 2013 hingga Disember 2013, selepas pelantikan beliau sebagai Pengarah pada 1 Mac 2013.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

**DATUK HAJI FAIZOULL AHMAD**

Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

Datuk Haji Faizoull Ahmad, a Malaysian aged 53, has been a Non-Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad since 1 March 2013.

He holds a Masters in Public Administration from Virginia Commonwealth University, USA.

He is a member of the Research Advisory Council of Universiti Teknologi Petronas and a council member of the National Anti-Drug Extinguisher. In 1986, he joined the Federal Land Development Authority (FELDA) where he has held various positions, including Pegawai Tadbir (Jabatan Sosial FELDA), Pegawai Tadbir (Jabatan Belanjawan FELDA), Pengurus Besar Felda Wilayah Terengganu, Pengarah Jabatan Inovasi & Pembangunan Generasi Baru Felda, Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti, FELDA). In 2012, he was appointed Director General of FELDA. He sits on the Board of Felda Global Ventures Holdings Berhad and several companies within the Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended all the six Board Meetings held from April 2013 to December 2013, following his appointment as a Director on 1 March 2013.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.



*Datuk Haji Faizoull Ahmad, warganegara Malaysia berusia 53 tahun, menyangg jawatan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad sejak 1 Mac 2013.*

*Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Virginia Commonwealth University, Amerika Syarikat.*

*Beliau merupakan Ahli Majlis Penasihat Penyelidikan Universiti Teknologi Petronas dan Ahli Majlis Anti-Dadah PEMADAM Kebangsaan. Pada tahun 1986, beliau menyertai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan pernah menyangg pelbagai jawatan, termasuk Pegawai Tadbir (Jabatan Sosial FELDA), Pegawai Tadbir (Jabatan Belanjawan FELDA), Pengurus Besar FELDA Wilayah Terengganu, Pengarah Jabatan Inovasi & Pembangunan Generasi Baru Felda dan Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti, FELDA). Kemudian pada tahun 2012, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengarah FELDA. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad dan beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.*

*YB Datuk Noor Ehsanuddin menghadiri keenam-enam Mesyuarat Lembaga yang diadakan dari bulan April 2013 hingga Disember 2013, selepas pelantikan beliau sebagai Pengarah pada 1 Mac 2013.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

## DATUK LIM THEAN SHIANG

Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

Datuk Lim Thean Shiang, a Malaysian aged 42, has been an Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad since 23 August 2013. He is also Chairman of the Investment Committee.

He holds a Bachelor of Business Administration degree from Universiti Utara Malaysia and a Bachelor of Law degree from the University of London.

He began his career as a Marketing Executive with TA Construction & Properties Sdn Bhd in 1994 and in 1996 joined Wayteam Sdn Bhd as a Business Development Manager. In 1997 he moved to Ideal Palms Sdn Bhd as the Personal Advisor to the Chairman. He set up his own businesses in 1999 and was later appointed Director of Glotel Sdn Bhd, Tripro Engineering Sdn Bhd, Focus Indera Sdn Bhd, Latimax Engineering Sdn Bhd and El Medical Systems Sdn Bhd. In 2004 he became a Director of WWE Holdings Bhd and from 2008 to 2009 he was General Manager of Port Klang Authority and Executive Chairman of Port Klang Free Zone. He also sits on the Board of several companies within the Felda Global Ventures Group of Companies.

He attended one of the two Board Meetings held from November 2013 to December 2013, following his appointment as a Director on 23 August 2013.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.



*Datuk Lim Thean Shiang, warganegara Malaysia berusia 42 tahun, menyandang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad sejak 23 Ogos 2013. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan.*

*Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari University of London.*

*Beliau memulakan kerjaya sebagai Eksekutif Pemasaran dengan TA Construction & Properties Sdn Bhd pada tahun 1994 dan menyertai Wayteam Sdn Bhd sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan pada tahun 1996. Pada tahun 1997 beliau telah bertukar ke Ideal Palms Sdn Bhd sebagai Penasihat Peribadi kepada Pengerusi. Beliau kemudian menubuhkan perniagaan sendiri pada tahun 1999 dan dilantik sebagai Pengarah Glotel Sdn Bhd, Tripro Engineering Sdn Bhd, Focus Indera Sdn Bhd, Latimax Engineering Sdn Bhd dan El Medical Systems Sdn Bhd. Pada tahun 2004, beliau menyandang jawatan Pengarah WWE Holdings Bhd dan dari tahun 2008 hingga 2009, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang dan Pengerusi Eksekutif Zon Bebas Pelabuhan Klang. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures.*

*Datuk Lim Thean Shiang menghadiri satu daripada dua Mesyuarat Lembaga yang diadakan dari bulan November 2013 hingga Disember 2013, selepas pelantikan beliau sebagai Pengarah pada 23 Ogos 2013.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

## MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH

Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

Mohd Emir Mavani Abdullah, a Malaysian aged 50, has been a Non-Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad since 1 March 2013. He is also a member of the Investment Committee.

He holds a Chemistry Degree from Universiti Kebangsaan Malaysia, a Masters in Engineering Management from Warwick University, UK. He had completed various executive education programmes in institutions such as Harvard and Yale in 2002 and 2003, respectively.

He was the Senior Advisor to the United Nations Development Programme for various projects in the Middle East and North Africa from 1998 to 2004; Good Governance Coordinator for the Organisation for Economic Cooperation & Development for the Arab region from 2002 to 2004; Advisor to the Minister of Finance of the United Arab Emirates from 2002 to 2007; and Strategic Advisor to the Executive Council of Abu Dhabi from 2008 to 2010. Before his current post, he was a Director in charge of National Key Economic Areas (NKEA), Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU) in the Prime Minister's Department; Chief Executive Officer of Malaysia Petroleum Resource Corporation in the Prime Minister's Department; and a Director of Malaysia Nuclear Power Corporation. He is Group President and Chief Executive Officer of Felda Global Ventures Holdings Berhad and sits on the Board of several companies within the Felda Global Ventures Group of Companies including Felda Global Ventures Holdings Berhad.

He attended all the six Board meetings held from April 2013 to December 2013, following his appointment as a Director on 1 March 2013.

He has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. He has not been convicted for any offences within the past ten years.



*Mohd Emir Mavani Abdullah, warganegara Malaysia berusia 50 tahun, dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan bebas MSM Malaysia Holdings Berhad pada 1 Mac 2013. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan.*

*Beliau memegang Ijazah Kimia dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ijazah Sarjana Pengurusan Kejuruteraan dari Warwick University, UK. Beliau telah mengikuti pelbagai program pendidikan eksekutif di institusi-institusi seperti Harvard dan Yale, masing-masing pada tahun 2002 dan 2003.*

*Mohd Emir Mavani pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan kepada Program Pembangunan Bangsa Bangsa Bersatu untuk pelbagai projek di Timur Tengah dan Afrika Utara dari tahun 1998 hingga 2004; Penyelaras Tadbir Urus Terbaik bagi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan untuk rantau Arab dari tahun 2002 hingga 2004; Penasihat kepada Menteri Kewangan Emiriah Arab Bersatu dari tahun 2002 hingga 2007; dan Penasihat Strategik kepada Majlis Eksekutif di Abu Dhabi dari tahun 2008 hingga 2010. Sebelum memegang jawatan pada masa ini, beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah yang bertanggungjawab ke atas Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA), Unit Pengurusan dan Penyediaan Prestasi (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia di Jabatan Perdana Menteri; dan Pengarah di Perbadanan Tenaga Nuklear Malaysia. Beliau kini turut menyandang jawatan Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Felda Global Ventures Holdings Berhad dan menganggotai Lembaga Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Syarikat Felda Global Ventures, termasuk Felda Global Ventures Holdings Berhad.*

*Mohd Emir Mavani menghadiri keenam-enam Mesyuarat Lembaga yang diadakan dari bulan April 2013 hingga Disember 2013, selepas pelantikan beliau sebagai Pengarah pada 1 Mac 2013.*

*Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat dan tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah atau pemegang saham utama Syarikat. Beliau tidak pernah didakwa atas sebarang kesalahan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.*

## DR SUZANA IDAYU WATI OSMAN

Non-Independent Non-Executive Director  
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

Dr Suzana Idayu Wati Osman, a Malaysian aged 45, has been a Non-Independent Non-Executive Director of MSM Malaysia Holdings Berhad since 1 March 2013.

She holds a Bachelor of Business Administration (Honours) Degree from the University of Huddersfield, UK and a Master of Business Administration (Finance) and a Doctorate in Finance from Universiti Putra Malaysia. She has also attended the Advanced Management Program at Harvard Business School, Harvard University, USA in 2009.

She started her career in 1990 as an Audit & Accounting Assistant for the London Borough of Barking & Dagenham, UK. In 1993, she worked as a Sales Administration Officer with Metroplex Bhd and then as a Finance & Administration Manager in a manufacturing company. She joined Bank of Tokyo-Mitsubishi in 1994 as an Assistant Vice President in the Forex & Fund Department and in 1998, she joined Sime Bank as a Foreign Exchange Dealer in the International Banking Department. She joined the Federal Land Development Authority (FELDA) in 1998 as an Investment Analyst and progressed to the position of Head of Investment. She was appointed as a Deputy Group Chief Executive Officer of Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd in 2008. In 2010, she was promoted to be the Executive Vice President of Felda Global Ventures Holdings Berhad holding the position as Chief Strategy Officer before assuming her current position as Head of Sugar Cluster. She also sits on the Board of several companies within the Felda Global Ventures Group of Companies.

She attended all the six Board Meetings held from April 2013 to December 2013, following her appointment as a Director on 1 March 2013.

She has no conflict of interest with the Company and does not have any family relationship with any other director or major shareholder of the Company. She has not been convicted for any offences within the past ten years.



*Dr Suzana Idayu Wati Osman, warganegara Malaysia berusia 45 tahun, dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM Malaysia Holdings Berhad pada 1 Mac 2013.*

*Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran (Kepujian) dari University of Huddersfield, UK dan Ijazah Sarjana Pentadbiran perniagaan (Kewangan) dan Doktor Falsafah dalam Kewangan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau juga telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat pada tahun 2009.*

- JP Morgan Asia Pacific Equity Conference
- CIMB 11th Annual Asia Pacific Leaders' Conference

### Directors' Remuneration

The level of directors' remuneration is generally set to be competitive to attract and retain Directors of such calibre to provide the necessary skills and experience as required and commensurate the Board' responsibilities, expertise and complexity of the company's activities for the effective management and operations of the Group.

The Nomination and Remuneration Committee recommends to the Board the remuneration of all Non-Executive Directors, the framework remuneration policy of the Directors and key management and incentive compensation plans.

The Directors are paid annual fees and an attendance allowance of RM2,000 for each Board meeting and Board Committee meeting that they attend.

Directors	Annual Fees MSM			Meeting Allowance (RM)	Benefits In Kind (RM)	Total
	Board (RM)	Audit Committee (RM)	Nomination and Remuneration Committee (RM)			
<b>Non-Executive Directors</b>						
YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	255,000	-	-	10,000	-	265,000
YM Raja Anuar Raja Abu Hassan	96,000	24,000	10,000	34,000	-	164,000
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	96,000	12,000	8,000	30,000	-	146,000
Dato' Zainal Haji Ismail	96,000	12,000	8,000	34,000	-	150,000
Datuk Haji Faizoull Ahmad <sup>1</sup>	80,301	-	-	12,000	-	92,301
YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	80,301	-	-	10,000	-	90,301
Datuk Lim Thean Shiang <sup>2</sup>	33,534	-	-	2,000	-	35,534
Dato' Lim Chee Wah <sup>3</sup>	8,096	-	-	-	-	8,096
Tan Sri Dato' Sabri Ahmad <sup>4</sup>	65,003	-	-	2,000	-	67,003
Mohd Emir Mavani Abdullah <sup>1</sup>	80,301	-	-	-	-	80,301
Dr. Suzana Idayu Wati Osman <sup>1</sup>	80,301	-	-	-	-	80,301
<b>Grand Total</b>	<b>970,837</b>	<b>48,000</b>	<b>26,000</b>	<b>134,000</b>	<b>-</b>	<b>1,178,837</b>

Notes:

<sup>1</sup> Appointed on 1 March 2013

<sup>2</sup> Appointed on 23 August 2013

<sup>3</sup> Resigned on 1 February 2013

<sup>4</sup> Ceased to be a director on 5 September 2013

The aggregate remuneration of Directors of the Company for the financial year ended 31 December 2013, in respective bands of RM50,000 are as follows:

Range of Remuneration per annum	Number of Directors	
	Executive	Non-Executive
RM1 to RM50,000	-	2
RM50,001 to RM100,000	-	5
RM100,001 to RM150,000	-	1
RM150,001 to RM200,000	-	2
RM200,001 to RM250,000	-	-
RM250,001 to RM300,000	-	1
<b>TOTAL</b>	<b>0</b>	<b>11</b>



## RELATIONSHIP WITH SHAREHOLDERS AND OTHER STAKEHOLDERS

### Communication with Shareholders and Investors

The Company acknowledges the importance of maintaining transparency and accountability to its shareholders and investors as good corporate practice. In this respect, the Company continues to strive to keep a high standard in providing relevant and pertinent information on the development of the Group and to ensure that not only the regulatory requirements are met but also the interests of other stakeholders are being addressed. In this regards, in ensuring fairness and promoting greater transparency in its communication to the market, the Company places strong emphasis on the importance of timely and equitable dissemination of information. The Company communicates with its shareholders and stakeholders through the following channels of communication:-

#### 1. Annual Report

The Annual Report is a main channel of communication between the Company and its stakeholders. The annual report communicates information on its business, financial and other key activities which contents are continuously enhanced taking into account developments in areas like corporate governance. In this regard, the Board places great importance on the contents of the Annual Report to provide as comprehensive information as possible and for the Annual Report to become the main source of reference for pertinent information concerning the Group.

As a listed corporation, the contents and disclosure requirements of the annual report are also governed by the Bursa Malaysia Main Market Listing Requirements.

#### 2. Announcement to Bursa Securities

The Company makes announcement of quarterly financial results, circulars and various announcements to Bursa Malaysia to provide stakeholders with key information which affects their decision making, thus enhancing the level of transparency. Announcements released to Bursa Malaysia are subject to review and approval by the Board as applicable. In many instances, announcements are also reviewed by external advisors to ensure that the contents are not only accurate but the relevant information included has taken into consideration disclosure requirements and market perspectives.

#### 3. Media Releases

Media releases are made to the media on all significant corporate developments and business initiatives. Media releases are subject to approval by Chief Executive Officer and whenever necessary, also released to Bursa Securities to increase the visibility of media releases.

To provide opportunity for regular dialogue between the fund managers and research analysts with the Chief Executive Officer and other Senior Management officers, the Company holds a half yearly briefing for analysts/equity fund managers. The briefing is a forum whereby management will present the quarterly/half yearly results immediately after the bursa announcement is made. During the briefing, analysts will have the opportunity to ask and obtain further insights into the MSM Group's results and operations for the period under review. These briefing will facilitate the research analysts to produce their analyses and reports so that these may be made available to investors and the media in a timely manner.

#### 4. Website

The Company's website has become a key communication channel to reach its shareholders and the general public. Financial results, annual reports, Bursa Securities announcement, corporate presentations and other information on the Company can be found on the Company's website. The presentation slides for the research analyst briefings and the press releases are also made available to the public via the Group's website, [www.msmholdings.com](http://www.msmholdings.com).

#### 5. Investors Relations

The Board recognises the importance of an effective communication channel between the Company, its shareholders and the general public. The Chief Executive Officer, CFO and Investor Relations unit regularly engage with the investing community through conferences, non-deal road shows, and one-on-one meetings with equity analysts, fund managers and institutional shareholders to provide updates on the Company's quarterly financial performance, as well as attend to queries on strategic matters, regulatory issues or any changes in operating environment which may impact the Group's performance.

#### 6. Annual General Meeting ("AGM")

Another key avenue of communication with its shareholders is MSM's AGM, which will be the main event for the Board to meet the shareholders of the Company. The Company's AGM, scheduled in June of each year, is the primary platform for communication with the widest range of shareholders.

The AGM provides a useful forum for shareholders to engage directly with the Company's Directors and Senior Management and also the avenue for shareholders to raise questions pertaining to all affairs of the Company. In this regard the Chairman, subject to the line of questions and relevance, answers as many questions as possible raised at the AGM.

At the AGM of the Company, a comprehensive and concise review of the Group's financial performance and value created was presented to the shareholders.

The Chairman, at the commencement of a general meeting, informs shareholders of their right to a vote by poll. Poll voting on Related Party Transactions has now been made mandatory by the Listing Requirements of Bursa Securities.

While the media representatives do not attend the AGM meeting hall, a media conference will be held immediately after the AGM where the Chairman, the Chief Executive Officer and Chief Financial Officer would update the media representatives on the resolutions passed and answer questions on matters related to the Group. This approach provides the Company with a more efficient way to address both the shareholders and the media to their satisfaction. Results of all resolutions are also announced on the same day via Bursa LINK.

## 7. Dividend Policy

The Company presently adopts a dividend pay-out ratio of at least 50 percent of the Company's profits after taxation attributable to shareholders excluding non-recurring income. The dividend policy also takes into consideration the level of cash, gearing, return on equity and retained earnings, expected financial performance, projected levels of capital expenditure and other investment plans and working capital requirements, general financial condition, contractual obligations and other factors considered relevant by the Board.

As the company is an investment holding Company, its income and therefore its ability to pay dividends is dependent upon the dividends received from its subsidiaries, which in turn would depend on the subsidiaries' distributable profits, operating results, financial condition, capital expenditure plans and other factors deemed relevant.

Whilst the dividend policy reflects the Board's current views on the Group's financial and cashflow position, the dividend policy will be reviewed from time to time. It is the policy of the Board, in recommending dividends, to allow shareholders to participate in the Company's profit, as well as to retain adequate reserves for future growth.

In this regard, and consistent with the policy, for financial year ended 2013, the Company has paid a single tier interim dividend of RM 0.10 sen per ordinary share on 27th December 2013 and the Board is seeking its shareholders' approval for payment of a final single tier dividend of RM 0.14 sen per ordinary share.

## CODE OF CONDUCT

The Board is collectively responsible for the overall conduct of MSM Group's business and takes full responsibility for the performance of the Company and the Group. The Board members exercise due diligence and care in discharging their duties and responsibilities to ensure that high ethical standards are applied, through compliance with relevant rules and regulations, directives and guidelines in addition to adopting the best practices in the Code and CG Guide, and act in the best interest of MSM Group and shareholders.

The Directors observe a code of ethics in accordance with the Company's Directors' Code of Ethics established by the Companies Commission of Malaysia.

## WHISTLEBLOWING POLICY

MSM had established, on 22 February 2013, a Whistleblowing policy to maintain the highest standard of ethics and legal conduct within MSM Group. The main objectives of this Whistleblowing Policy are:

- i) To provide avenues for employees to disclose any acts of wrongdoing.
- ii) To assure the employees that they will be protected from reprisals, discrimination or victimization for whistleblowing in good faith.
- iii) To provide a formal mechanism for action on all reports made.

The Whistleblowing policy allows the reporting individual to report on alleged unethical behaviour within MSM Group such as, but not exhaustive to, the following:

1. Malpractice, impropriety, fraud and embezzlements.
2. Misappropriation of assets and funds.
3. Criminal breach of trust.
4. Illicit and corrupt practices.
5. Questionable or improper accounting.
6. Misuse of confidential information.
7. Acts or omissions, which are deemed to be against the interest of MSM Group, laws, regulations or public policies.
8. Breaches of any rules, regulations, policies and procedures of MSM Group.
9. Attempts to deliberately conceal any of the above or other acts of wrongdoing.

The reporting individual is encouraged to report all concerns in a written letter to any of the identified individuals or through e-Alert form on FGV Group's website and [alert@feldaglobal.com](mailto:alert@feldaglobal.com).

The complaints made through FGV Group's website and [alert@feldaglobal.com](mailto:alert@feldaglobal.com) shall be administered by Group Internal Audit's Head of Investigation. All reports or complaints received will be treated with strict confidentiality. Although the Company will treat every report it receives seriously, action may also be considered against the whistle blower if the report is found to be untrue, false, malicious, mischievous, vexatious or reckless allegations.

## RISK MANAGEMENT

In such complex and dynamic business environment in which it operates, the Group is susceptible to various risks which require effective management by the Board to mitigate and/ or minimize the impact of these risks. The effective management of these risks enables the Company to continue to achieve its objectives, and most importantly, to safeguard its assets thus providing the foundation for value creation to shareholders and customer satisfaction. The Group is supported by the Risk Management unit of the parent company, Felda Global Ventures Holdings Berhad. The Risk Management Unit oversees and coordinates the overall risk management activities within the Group.

## CORPORATE DISCLOSURE POLICY

MSM has implemented its Corporate Disclosure Policy to ensure proper disclosure of material information, maintaining the confidentiality of information and the disclosure of information in accordance with the MMLR. This policy forms part of MSM's internal rules and regulations which cover all employees and officers of the Company.

## GROUP INVESTORS RELATION POLICY

MSM had established the Group Investor Relations Policy to provide an internal framework of processes and procedures for investor relations programme and as a statement to guide and keep the Company's shareholders and other stakeholders informed on the Company's material developments as well as to maintain effective communications with the stakeholders.

## ACCOUNTABILITY AND AUDIT

### Financial Reporting

The Board ensures that shareholders are presented with a clear, balanced and comprehensive Group financial performance and prospect through the audited financial statements, quarterly announcement of results, the Chairman's Statement, the Chief Executive Officer's Business Review in the Annual Report as well as corporate announcements on significant developments affecting the Company in accordance with the MMLR.

The AC reviews financial statements and quarterly announcement of results in the presence of external auditors before recommending the same for the Board's approval. Accurate and reliable financial statements are a key outcome of a sound system of internal control and the Audit Committee considers the following on a regular basis:

- Changes in accounting policies and practices, and implementation thereof.
- Significant adjustments arising from the external audit process.
- Going concern assumption.
- Adequacy and appropriateness of disclosure.

The Directors consider that in preparing the financial statements, MSM Group has used appropriate accounting policies, consistently applied and supported by reasonable and prudent adjustment and estimates.

Accounting and finance staffs were required to attend training to enrich their knowledge, keep abreast of the development in the accounting standards and drive for high quality financial reporting.

### Internal Control

The Board recognizes that the ultimate responsibility for ensuring the Group's sound internal control system and reviewing its effectiveness lies with the Board, in order to protect the Group's assets and the Company's shareholders investments.

The Statement on Internal Control which provides an overview of the state of internal control within the Group is set out in the page 78 to 79 of this Annual Report.

### External Auditors

The Board is aware of the potential conflict of interest situation that may arise if the Company's external auditors are engaged to provide other non-audit services to the Group.

The Audit Committee procures a written confirmation from the external auditors that the auditors are, and have been, independent throughout the conduct of the audit engagement in accordance with relevant professional and regulatory requirements. The external auditors also provide a written confirmation that they have reviewed the non-audit services provided to the Group during the year.

The Company's relationship with the external auditors is primarily maintained through the Audit Committee and the Board. Key features underlying the Audit Committee's relationship with both internal auditors and the external auditors are detailed in the Report of the Audit Committee of this Annual Report.

The Company's Annual Report also discloses fees received by the external auditors for non-audit work.

## SUSTAINABILITY

MSM Group manages its business responsibly by managing the environmental, social and governance aspects of its operations and committed to all three principles of sustainability i.e. people, planet and profit (triple bottom line).

MSM has always encouraged balance between its triple bottom line and its role as a responsible corporate citizen whilst approaching it from the four dimensions of marketplace, community, workplace and environment.

This Statement on Corporate Governance is made in accordance with the resolution of the Board of Directors dated 28 April 2014.

On behalf of the Board

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
Chairman

# STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

## PENYATA URUS TADBIR KORPORAT



Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan piawaian tadbir urus, profesionalisme dan integriti korporat tertinggi dalam mendorong MSM Malaysia Holdings Berhad ("MSM" atau Syarikat) mencipta dan menyediakan nilai jangka panjang yang mampan kepada pemegang saham. Lembaga Pengarah memastikan supaya proses, garis panduan dan sistem dalaman Kumpulan MSM Malaysia Holdings ("Kumpulan MSM") dikaji dan / atau diselaraskan dengan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Selaras dengan hasrat korporat Kumpulan, Lembaga Pengarah MSM sentiasa memastikan supaya piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat didukung, dengan hasrat untuk sentiasa memaksimumkan nilai pemegang kepentingan, meningkatkan keyakinan pelabur, mewujudkan kepercayaan pelanggan dan membina sebuah organisasi yang berdaya saing.

Lembaga Pengarah menumpukan sepenuh usaha ke arah mencapai pematuhan menyeluruh dengan prinsip-prinsip dan amalan terbaik yang disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2013 ("Kod"), Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("MMLR") serta Panduan Tadbir Urus Korporat ("Panduan CG") yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

### LEMBAGA PENGARAH

#### Saiz dan Komposisi Lembaga

Lembaga Pengarah mempunyai bilangan yang bersesuaian dengan ciri-ciri perniagaan Syarikat yang kompleks dan

rangkuman geografinya yang luas, serta tuntutan masa yang besar ke atas para Pengarah Bukan Eksekutif yang turut berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Sembilan (9) ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada individu yang berkaliber dan mempunyai integriti yang tinggi dengan pelbagai kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan daya saing yang bersesuaian untuk menangani risiko dan isu utama berkaitan dasar dan strategi Syarikat.

Pelantikan dua (2) orang pengarah wanita menggambarkan pengiktirafan Lembaga Pengarah terhadap nilai yang dibawa oleh ahli wanita dalam Lembaga Pengarah. Ini juga merupakan langkah permulaan yang diambil oleh Lembaga Pengarah ke arah mencapai komposisi jantina yang lebih berpelbagai dalam Lembaga Pengarah.

Profil bagi setiap Ahli Lembaga dibentangkan di muka surat 38 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Terma Rujukan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menerima pakai secara rasmi Terma Rujukan Lembaga Pengarah yang mentakrif peranan, kuasa dan tanggungjawab yang telah dikhususkan oleh Lembaga Pengarah untuknya dan yang dipertanggungjawabkan kepada Pengurusan dan setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Terma Rujukan Lembaga Pengarah berperanan sebagai satu perlembagaan lengkap untuk Lembaga Pengarah dan meliputi, secara ringkasnya, hal-hal penting berikut:

- menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah seperti
- keseimbangan dan komposisi Lembaga Pengarah
- kuasa Lembaga Pengarah
- jadual perkara yang dikhususkan untuk Lembaga Pengarah
- pembentukan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- proses dan prosedur untuk memanggil mesyuarat Lembaga Pengarah
- penilaian dan kajian Lembaga Pengarah ke atas prestasinya, serta pematuhan dengan piawaian etika
- pengisytiharan percanggahan kepentingan.

#### Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka, Ahli Lembaga Pengarah komited sepenuhnya dalam memastikan supaya piawaian tadbir urus dan tatacara korporat tertinggi sentiasa dipatuhi agar MSM mampu mencapai prestasi kewangan yang teguh pada setiap tahun kewangan, justeru, menyediakan nilai jangka panjang dan mampan kepada para pemegang kepentingan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan dan mengkaji rancangan strategik dan dasar-dasar penting Syarikat, serta menggariskan hala tuju operasi perniagaan

Syarikat sambil menyediakan pemantauan berkesan terhadap prestasi Pengurusan serta penilaian risiko dan kawalan dalam operasi perniagaan.

Para Pengarah Bukan Eksekutif adalah bebas daripada Pengurusan. Peranan mereka ialah untuk mempersoalkan pihak Pengurusan secara membina dan memantau kejayaan Pengurusan dalam mencapai sasaran dan rancangan perniagaan yang telah diluluskan dalam lingkungan kesanggupan mengambil risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Mereka mempunyai hubungan yang bebas dan terbuka dengan pihak Pengurusan daripada semua peringkat dan turut berhubung dengan juruaudit luar dan dalaman.

Selain melaksanakan tanggungjawab mengikut undang-undang, fungsi dan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

1. Mengkaji dan menerima pakai pelan strategik bagi Syarikat.
2. Mengawasi pengendalian perniagaan Syarikat untuk menyelia prestasi pengurusan bagi menentukan sama ada perniagaan diuruskan dengan betul.
3. Mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurangan yang sesuai.
4. Perancangan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan.
5. Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan dasar komunikasi pemegang saham untuk Syarikat.
6. Mengkaji kecukupan dan integriti maklumat pengurusan dan sistem kawalan dalaman Syarikat.

Lembaga Pengarah telah mengenal pasti YM Raja Anuar Raja Abu Hassan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan di mana sebarang kemusykilan pemegang saham dan pemegang kepentingan boleh disampaikan kepada beliau.

Para Pengarah boleh mendapatkan nasihat profesional bebas berhubung hal-hal berkaitan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka. Kos pemerolehan

perkhidmatan profesional ini akan ditanggung oleh Syarikat.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, tujuh (7) mesyuarat lembaga telah diadakan untuk mempertimbang dan membincangkan pelbagai isu. Semua Pengarah telah mematuhi keperluan minimum 50 peratus kehadiran di mesyuarat Lembaga sebagaimana yang ditetapkan oleh Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Kehadiran setiap Pengarah berkaitan mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di bawah:

Pengarah	Bilangan Mesyuarat Lembaga dihadiri (sepanjang tempoh Pengarah memegang jawatan)	Peratus
<b>Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas</b>		
YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	5 daripada 7	71%
Datuk Haji Faizoull Ahmad (Dilantik pada 1 Mac 2013)	6 daripada 6	100%
Mohd Emir Mavani Abdullah (Dilantik pada 1 Mac 2013)	6 daripada 6	100%
Dr. Suzana Idayu Wati Osman (Dilantik pada 1 Mac 2013)	6 daripada 6	100%
Tan Sri Dato' Sabri Ahmad (Berhenti sebagai Pengarah pada 5 September 2013)	4 out of 5	80%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</b>		
YM Raja Anuar Raja Abu Hassan	7 out of 7	100%
Dato' Zainal Hj Ismail	7 out of 7	100%
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	5 out of 7	71%
YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	5 out of 6	83%
Datuk Lim Thean Shiang (Dilantik pada 23 Ogos 2013)	1 out of 2	50%

#### **Keseimbangan dan Kebebasan Lembaga**

Keanggotaan Lembaga Pengarah terdiri daripada sembilan (9) orang Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana lima (5) daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Di bawah Tataurusian Pertubuhan Syarikat, bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua (2) dan tidak lebih daripada dua belas (12). Ini mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam MMLR. Di bawah Saranan 3.5 Kod, adalah disyorkan bahawa, jika Pengerusi Lembaga Pengarah bukan merupakan Pengarah Bebas, majoriti keahlian Lembaga Pengarah mestilah terdiri daripada para Pengarah Bebas. Lembaga Pengarah akan sentiasa menilai calon-calon yang sesuai untuk dilantik sebagai Pengarah Bebas supaya majoriti daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada para Pengarah Bebas.

*Para Pengarah Bebas membawa bersama mereka perspektif luar, membahaskan secara membina dan membantu merangka cadangan berhubung strategi, meneliti prestasi Pengurusan dalam mesyuarat, meluluskan matlamat dan objektif serta memantau profil risiko perniagaan Syarikat dan laporan prestasi perniagaan bulanan.*

*Dalam penilaian tahunan mereka, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan serta Lembaga Pengarah telah bersetuju bahawa kelima-lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah sentiasa menampilkan tatacara dan tatalaku yang diperlukan dalam Pengarah menggambarkan kebebasan mereka dan bahawa setiap daripada mereka terus memenuhi takrifan bebas seperti yang digariskan dalam Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia.*

*Komposisi Lembaga Pengarah menggambarkan kepentingan pemegang saham utama, tanpa menjejaskan kepentingan para pemegang saham minoriti. Lembaga Pengarah mengkaji komposisi ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa yang terbabit dari semasa ke semasa untuk memastikan keseimbangan yang sewajarnya dan gabungan kemahiran serta pengalaman yang sesuai. Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada individu yang berkualiti dan berintegriti tinggi dengan pelbagai latar belakang profesional, kemahiran dan pengalaman yang luas serta pengetahuan dalam bidang perakaunan, ekonomi, undang-undang, pengurusan am dan strategi yang diperlukan bagi kejayaan hala tuju Kumpulan. Pengarah Bukan Eksekutif mempunyai kaliber yang diperlukan untuk memastikan supaya strategi yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan dipertimbangkan dan dikaji sepenuhnya demi kepentingan jangka panjang Kumpulan, serta pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.*

*Lembaga Pengarah menggalakkan calon-calon wanita untuk memegang jawatan dalam Lembaga. Pada 25 Mac 2011 dan 1 Mac 2013, Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari dan Dr Suzana Idayu Wati Osman masing-masing telah dilantik sebagai Pengarah. Lembaga Pengarah akan terus menyokong*

*wakil-wakil wanita yang berkebolehan dan berdaya saing bagi menganggotai Lembaga dalam tempoh terdekat.*

#### **Kebebasan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas**

*Lembaga berpendapat kelima-lima (5) orang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, iaitu YM Raja Anuar Raja Abu Hassan, Dato' Zainal Haji Ismail, Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari, YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid dan Datuk Lim Thean Shiang adalah bebas berdasarkan definisi yang dinyatakan di bawah MMLR. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa kelima-lima (5) orang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas tersebut mewakili kepentingan para pemegang saham minoriti berdasarkan peranan dan tanggungjawab mereka.*

*Lembaga Pengarah menilai isu kebebasan pengarah pada setiap tahun dan telah membuat kesimpulan bahawa setiap seorang daripada mereka terus menunjukkan tingkah laku yang mencerminkan kebebasan mereka, selaras dengan definisi di bawah MMLR.*

*Para Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah bertindak sebagai penjaga kepentingan pemegang saham minoriti dan pandangan mereka membawa pengaruh yang besar dalam proses membuat keputusan Lembaga Pengarah. Pengarah Bebas tidak melibatkan diri dalam pengurusan harian Syarikat, tidak mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan atau dalam apa-apa hubungan lain dengan Syarikat. Ini bagi memastikan supaya mereka bebas daripada sebarang percanggahan kepentingan dan yang lebih penting, membolehkan mereka berfungsi secara bebas dan tidak berat sebelah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.*

*Kelima-lima (5) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas telah mengemukakan pengesahan tahunan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan serta kepada Lembaga Pengarah berhubung kebebasan masing-masing. Tiada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat yang telah memegang jawatan pengarah MSM selama sembilan (9) tahun.*

#### **Mesyuarat Lembaga Pengarah**

*Lembaga menghendaki supaya semua ahli memperuntukkan masa yang mencukupi bagi tugas Lembaga Pengarah, untuk melaksanakan tugas mereka sebagai pengarah MSMH secara berkesan, dan berusaha sedaya upaya menghadiri mesyuarat. Mesyuarat Lembaga Khas akan dipanggil jika sebarang arahan atau keputusan diperlukan dengan kadar segera atau serta-merta daripada Lembaga Pengarah di luar mesyuarat berjadual.*

*Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berikutnya akan dijadual terlebih dahulu sebelum akhir tahun kewangan semasa supaya para Pengarah dapat merancang dan memasukkan mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun berikutnya dalam jadual mesyuarat masing-masing. Kalendar tersebut meliputi mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mesyuarat yang melibatkan pemegang saham. Antara perkara yang dipertimbangkan semasa mesyuarat berjadual adalah:*

- Hal-hal yang dikhususkan untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- Penyata dan keputusan kewangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya.
- Aktiviti operasi serta inisiatif strategik dan korporat.
- Laporan oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

*Lembaga bermesyuarat secara berjadual sekurang-kurangnya enam kali setahun dengan mesyuarat tambahan diadakan apabila isu-isu mustahak dan/atau keputusan penting diperlukan di luar mesyuarat yang dijadualkan.*

Pengerusi Jawatankuasa Audit akan memaklumkan para Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, berhubung sebarang penemuan audit penting semasa perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit yang memerlukan perhatian dan arahan Lembaga.

Pengurusan kanan dan/atau penasihat luar boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga untuk menasihati Lembaga Pengarah dan memberi maklumat dan penjelasan yang diperlukan kepada para Pengarah berhubung perkara yang berkaitan dalam agenda bagi membolehkan mereka membuat keputusan yang termaklum.

#### **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Walaupun Lembaga Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah mengakui bahawa tanggungjawab muktamad bagi semua perkara terletak kepada keseluruhan Lembaga Pengarah. Dalam hal ini, perbincangan dan/atau cadangan Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan / atau keputusan.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, Lembaga Pengarah dibantu terutamanya oleh Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan.

Lembaga Pengarah membahagikan perkara-perkara tertentu yang khusus kepada Jawatankuasa Lembaga ad hoc apabila perlu. Setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditadbir oleh satu set Terma Rujukan yang mentakrifkan dengan jelas tugas dan tanggungjawab, fungsi, autoriti dan kuasa masing-masing. Terma Rujukan adalah tertakluk kepada kajian dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa ia sentiasa relevan dan terkini. Ahli-ahli dan Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Dari sudut operasi, semua perbincangan, cadangan dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah direkodkan dan diminitkan dan kemudiannya disahkan oleh Jawatankuasa Lembaga di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Lembaga yang berikutnya. Semasa mesyuarat Lembaga Pengarah, Pengerusi setiap Jawatankuasa menyediakan laporan ringkas mengenai keputusan dan cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dan menyetengahkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perbincangan selanjutnya diperlukan di peringkat Lembaga Pengarah.

#### **Jawatankuasa Audit Lembaga**

Komposisi Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

1. YM Raja Anuar Raja Abu Hassan  
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan
2. YBhg Dato' Zainal Haji Ismail  
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
3. YBhg Dato' Hajah Rosni Haji Zahari  
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Maklumat lanjut mengenai skop dan aktiviti Jawatankuasa Audit pada Tahun Kewangan 2013 dan Terma Rujukan Jawatankuasa Audit dibentangkan secara berasingan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 86 hingga 89 dalam Laporan Tahunan ini.

#### **Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga**

Jawatankuasa pencalonan dan Imbuan ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menguruskan proses pencalonan dan ganjaran ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan terdiri secara eksklusifnya daripada para Pengarah Bebas seperti berikut:

<b>Pengarah</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Bilangan Mesyuarat Dihadiri</b>
Raja Anuar Raja Abu Hassan (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan)	Pengerusi	4 daripada 4
Dato' Zainal Haji Ismail (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	Ahli	4 daripada 4
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	Ahli	4 daripada 4

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para Pengarahnya dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli dengan majoriti daripada mereka adalah Pengarah Bebas.

Tertakluk kepada kajian oleh Lembaga Pengarah, tempoh pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan hendaklah selama dua (2) tahun setiap seorang atau tempoh lain yang mungkin difikirkan sesuai menurut budi bicara Lembaga. Walau bagaimanapun, keahlian seseorang ahli akan terbatal secara automatik jika beliau tidak lagi memegang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif.

Setiasaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiasaha Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan. Setiasaha akan megedarkan minit mesyuarat kepada semua ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan.

Kurum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli, termasuk Pengerusi yang perlu hadir dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan.

Notis Mesyuarat akan diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan sekurang-kurangnya seminggu sebelum mesyuarat yang dijadualkan. Mana-mana ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan boleh meminta agar mesyuarat khas diadakan pada bila-bila masa jika perlu.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan telah diadakan. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan mempertimbang dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara berikut:

- Menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga dan Pengarah secara individu
- Melantik Pengarah baharu
- Pertukaran jawatan bagi para Pengarah
- Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif baharu
- Pelantikan semula/Pemilihan semula para Pengarah yang bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan
- Penilaian tahunan para Pengarah Bebas
- Pembayaran bonus bagi tahun kewangan
- Kenaikan gaji dan bonus bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

#### **Proses Pelantikan Lembaga Pengarah**

Pelantikan para Pengarah baharu ke Lembaga Pengarah dilaksanakan dalam prosedur yang rasmi dan telus, di mana tanggungjawab utama berkaitan dengannya telah diberikan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan. Di peringkat permulaan, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan akan menilai para Pengarah yang bakal melalui pemilihan semula di AGM dan kemudian mengemukakan saranannya kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbang dan diluluskan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan memastikan supaya semua calon memenuhi kemahiran dan daya saing teras yang diperlukan sebelum mereka dianggap layak dan sesuai, dan akan dilantik sebagai Pengarah selaras dengan MMLR.

Lembaga Pengarah menyatakan dengan jelas perkara yang dikehendaki olehnya daripada para Pengarah baharu berhubung komitmen masa mereka.

Program-program induksi yang diselenggarakan oleh Presiden/CEO telah dijalankan untuk semua Pengarah yang baru dilantik. Program berkenaan membolehkan mereka mendapat maklumat dan tinjauan menyeluruh yang perlu untuk membantu mereka memahami operasi Syarikat, isu-isu semasa dan strategi korporat serta struktur dan pengurusan Syarikat.

#### **Pelantikan semula dan pemilihan semula Pengarah**

Selaras dengan Tataurusian Pertubuhan Syarikat, para Pengarah yang baru dilantik pada tahun ini mestilah menawarkan diri masing-masing untuk pemilihan semula di Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) selepas pelantikan mereka dan satu pertiga (1/3) daripada Pengarah hendaklah bersara daripada jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun dan kemudian hendaklah layak untuk pemilihan semula. Pengarah yang tertakluk kepada persaraan mengikut giliran, para Pengarah yang bersara setiap tahun adalah Pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pemilihan atau pelantikan mereka yang lepas. Pengarah yang bersara akan memegang jawatan sehingga tamat Mesyuarat Agung di mana beliau bersara. Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965, para Pengarah yang berusia lebih 70 tahun hendaklah bersara pada setiap mesyuarat agung tahunan dan boleh menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula bagi memegang jawatan hingga mesyuarat agung tahunan akan datang.

Prestasi para Pengarah tertakluk kepada pelantikan semula dan pemilihan semula di mesyuarat agung tahunan, ianya dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan yang akan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan berhubung pembentangan cadangan pelantikan semula atau pemilihan semula Pengarah terbabit untuk kelulusan para pemegang saham pada mesyuarat agung tahunan akan datang.

Keempat-empat (4) orang Pengarah yang akan melalui pemilihan semula pada AGM akan datang, sebagaimana yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah, telah memenuhi syarat-syarat Lembaga Pengarah dan menunjukkan prestasi cemerlang sebagaimana yang ditampilkan oleh, antara lain, sumbangan mereka kepada perbincangan Lembaga Pengarah.

#### **Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah**

Rangka kerja dan proses penilaian prestasi Lembaga Pengarah di MSM telah dibangunkan dan diterima pakai selaras dengan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Panduan TUK dan Kod. Penilaian prestasi tahunan Lembaga Pengarah ini adalah berdasarkan terutamanya kepada jawapan yang diberikan terhadap satu soal selidik terperinci. Soal selidik tersebut diedarkan kepada setiap ahli Lembaga dan meliputi topik-topik, antara lain, tanggungjawab Lembaga berkaitan dengan perancangan strategik, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, laporan kewangan, proses audit dan dalaman, pengurusan modal insan, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat dan kepentingan serta nilai pemegang saham. Bidang-bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah semasa mesyuarat, proses membuat keputusan dan output Lembaga, maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah serta urusan berkaitan mesyuarat.

Topik yang sama turut terkandung dalam soal selidik bagi setiap Jawatankuasa Lembaga. Maka, hasil daripada soal selidik ini akan didokumen dan dilaporkan secara kolektif kepada Lembaga Pengarah, di mana Lembaga Pengarah akan mengenal pasti inisiatif-inisiatif baharu untuk mempertingkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah.



### **Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah**

Jawatankuasa Pelaburan diasaskan pada 28 April 2014 untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan melunaskan tanggungjawabnya dalam menilai cadangan-cadangan pelaburan Syarikat.

Di bawah Terma Rujukannya, Jawatankuasa Pelaburan hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarahnya dan hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang ahli yang terdiri daripada dua (2) orang ahli bebas dan seorang (1) ahli bukan bebas yang mana semuanya dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah. Pengerusi mestilah merupakan seorang pengarah bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

#### **1. Datuk Lim Thean Shiang**

Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

#### **2. YM Raja Anuar Raja Abu Hassan**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

#### **3. Mohd Emir Mavani Abdullah**

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Skop dan fungsi Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

- i) Untuk mengkaji pelan perniagaan dan belanjawan tahunan untuk disyorkan kepada Lembaga Pengarah.
- ii) Untuk melabur dalam aktiviti pertengahan (penapisan gula) dan hiliran (produk pengguna) sahaja.
- iii) Untuk menilai cadangan berhubung pelaburan baharu dan penarikan keluar pelaburan bernilai besar bagi memastikan keselarasan dengan Strategi Global MSM dan memberi pulangan dengan kadar rintangan lebihan yang diselaraskan untuk premium risiko dan prestasi.
- iv) Untuk meluluskan pelaburan hingga ke jumlah yang ditetapkan seperti yang telah ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa, jumlah yang lebih daripada itu akan disyorkan kepada Lembaga Pengarah.
- v) Untuk mengkaji portfolio pelaburan kewangan Syarikat. Ini termasuk dan tidak terhad kepada penggabungan & pengambilalihan sedia ada dan baharu, perkongsian baharu, penarikan keluar pelaburan dan projek-projek perbelanjaan modal yang besar.

- vi) Untuk mengawasi keperluan sumber modal dan kewangan semasa dan masa depan.
- vii) Untuk memantau aktiviti pengumpulan dana Kumpulan.
- viii) Untuk menjalankan penilaian prestasi tahunan terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan Kumpulan.
- ix) Untuk mengkaji dan mengesyorkan kepada Lembaga, dasar dan prosedur lindung nilai tukaran asing dan gula mentah.

### **Pembahagian Peranan dan tanggungjawab antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif**

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas antara peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi Lembaga Pengarah adalah seorang Pengarah Bukan Eksekutif.

Prinsip-prinsip yang dipraktikkan oleh Lembaga Pengarah untuk membezakan individu yang menyandang jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif memberi manfaat kepada keberkesanan fungsi Lembaga Pengarah dan mampu membantu mekanisma pemeriksaan dan keseimbangan. Pengerusi bertanggungjawab ke atas ketersusunan tatacara dan prestasi Lembaga, memastikan keberkesanannya dan memainkan peranan rasmi sebagai ketua dalam semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat pemegang saham. Tanggungjawab utama Pengerusi adalah untuk memastikan supaya Lembaga Pengarah melunaskan kewajipannya seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang yang diguna pakai.

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab atas semua operasi perniagaan, keberkesanan organisasi dan pelaksanaan strategi dan dasar-dasar Lembaga Pengarah.

### **Bekalan Maklumat kepada Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah mengkaji dari semasa ke semasa laporan mengenai kemajuan berdasarkan objektif kewangan, pembangunan perniagaan dan turut menerima laporan dan pembentangan secara kerap berhubung strategi dan kemas kini berkaitan profil risiko dan litigasi penting. Laporan turut disediakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa berhubung perbincangan dan saranan mereka. Agenda dan kertas-kertas berkaitannya diedarkan terlebih dahulu sebelum semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga supaya mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat kajian yang sewajarnya supaya perbincangan yang menyeluruh dapat diadakan semasa mesyuarat.

Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah dan kertas-kertas mesyuarat Lembaga Pengarah yang meliputi, antara lain, laporan-laporan pengurusan lengkap, minit mesyuarat, cadangan projek dan dokumen-dokumen sokongan untuk diedarkan kepada para Pengarah sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah.

Kertas-kertas mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan dan dibentangkan secara padat dan menyeluruh supaya para Pengarah mendapat gambaran yang sewajarnya dan relevan berhubung isu-isu yang akan dibincangkan supaya perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah boleh dijalankan secara sistematik dan termaklum. Untuk memelihara kerahsiaan, kertas-kertas mesyuarat mengenai isu-isu atau cadangan korporat yang dianggap sulit dan berkerahsiaan tinggi, akan hanya diedarkan kepada para Pengarah semasa mesyuarat Lembaga. Pembentangan kepada Lembaga Pengarah disedia dan dipersembahkan dengan cara yang dapat memastikan pembentangan yang jelas dan mencukupi dapat dilakukan berhubung sesuatu perkara. Format kertas Lembaga Pengarah termasuk satu Ringkasan Eksekutif yang menggariskan fakta-fakta penting bagi perkara yang akan dibincangkan.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk mengisytiharkan dengan serta-merta kepada Lembaga Pengarah jika mereka mempunyai kepentingan dalam mana-mana urusan niaga yang dimeterai secara langsung atau tidak langsung oleh Syarikat. Pengarah yang berkepentingan dikehendaki untuk mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah berhubung urusan niaga tersebut dan tidak akan mempengaruhi Lembaga Pengarah berkaitan urusan niaga berkenaan.

Semua isu yang dibangkitkan, dibincang, dipertimbang, diputuskan dan kesimpulan termasuk pandangan yang bertentangan di mesyuarat Lembaga Pengarah berserta tindakan jelas yang akan diambil oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab akan dicatat dalam minit. Ahli Lembaga Pengarah boleh mendapatkan penjelasan mengenai minit tersebut atau meminta pembetulan dilakukan sebelum minit berkenaan disahkan betul.

Lembaga Pengarah sentiasa menerima nasihat dan kemas kini berhubung keperluan berkanun dan penguatkuasaan berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka. Apabila perlu, para Pengarah akan turut disediakan dengan laporan ad hoc, kertas-kertas maklumat dan latihan yang relevan bagi memastikan mereka dimaklumkan tentang perkara-perkara penting perniagaan, operasi, korporat, perundangan, penguatkuasaan dan industri.

Dalam melaksanakan tugas-tugas mereka, Lembaga Pengarah mempunyai akses secara langsung kepada Pengurusan Kanan dan mempunyai akses yang tidak terhalang dan serta-merta kepada sebarang maklumat berkaitan perniagaan dan hal ehwal Syarikat. Di samping pembentangan secara kerap oleh pengurusan kanan kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga, para Pengarah boleh meminta pengurusan kanan memberi taklimat berhubung hal-hal tertentu. Dalam keadaan tertentu, beberapa ahli Lembaga Pengarah telah dijemput oleh pengurusan kanan untuk berbincang dan/atau memberi input mengenai perkara-perkara yang ingin pengurusan kanan cadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Lembaga Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas dari semasa ke semasa dan jika perlu, dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat/anak syarikat berkaitan. Khidmat para profesional atau pakar bebas lazimnya diperoleh untuk mengesahkan atau menghilangkan kemusykilan yang dibangkitkan oleh para Pengarah dalam pelaksanaan tugas mereka. Semua Jawatankuasa Lembaga turut mempunyai akses kepada khidmat nasihat profesional bebas pada asas yang sama.

### **Setiausaha Syarikat**

Para Pengarah mempunyai akses yang tidak terhalang kepada khidmat nasihat Setiausaha Syarikat untuk membantu pelaksanaan tugas-tugas mereka. Setiausaha Syarikat bertanggungjawab dan berkewajipan terhadap Lembaga Pengarah untuk memastikan supaya fungsi kesetiausahaan dalam menyediakan sokongan yang mencukupi kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi semua fungsi pentadbiran yang berkaitan.

### **Program Pembelajaran Berterusan**

Lembaga Pengarah sentiasa menghadiri program-program pendidikan, ceramah, seminar, bengkel dan persidangan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Pada tahun 2013, para Pengarah telah mendapat latihan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka dengan menghadiri pelbagai seminar dan persidangan untuk mendapatkan maklumat tentang keadaan ekonomi serta isu-isu penguatkuasaan terkini yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan.

Menurut keperluan Bursa Malaysia, seseorang Pengarah yang baru dilantik dikehendaki menghadiri ke Program Akreditasi Mandatori (MAP) dan mendapatkan sijil daripada penganjur program berkenaan yang telah diluluskan oleh Bursa Malaysia untuk mengesahkan bahawa beliau telah menyempurnakan MAP. Beliau juga dikehendaki menamatkan MAP dalam tempoh 4 bulan selepas pelantikan.

Lima (5) orang pengarah baharu telah dilantik ke Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan 2013. YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid, Datuk Haji Faizoull Ahmad, Mohd Emir Mavani Abdullah, Dr. Suzana Idayu Wati Osman dan Datuk Lim Thean Shiang telah menghadiri dan berjaya menamatkan MAP mereka.

Seminar dan program latihan yang telah disertai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- Panduan Rangka Kerja Laporan Kewangan Malaysia (MFRS)/Rangka Kerja Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) bagi Jawatankuasa Audit, Pengarah Bebas & Juruaudit Dalaman
- Kawalan & Pengurusan Risiko : Bengkel Bagi Jawatankuasa Audit
- Aspek—aspek Praktikal dalam Menggunakan MFRS – Satu Perspektif Pengurusan
- Pelaburan Malaysia US 2013 (IMUS 2013)
- Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-9 (WIEF)
- Simposium Pasaran Modal Sedunia
- Pelaburan Malaysia Hong Kong 2013
- Persidangan Ekuiti Asia Pasifik JP Morgan
- Persidangan Peneraju Asia Pasifik Tahunan Ke-11 CIMB

### **Imbuan Pengarah**

Tahap imbuan pengarah secara umumnya disediakan untuk menjadi lebih berdaya saing bagi menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkualiti untuk menyumbangkan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan serta setimpal dengan tanggungjawab dan kepakaran Lembaga Pengarah serta kerumitan aktiviti syarikat untuk pengurusan dan operasi Kumpulan yang berkesan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan menyarankan kepada Lembaga Pengarah imbuan bagi semua Pengarah Bukan Eksekutif, rangka kerja dasar imbuan para Pengarah dan pengurusan utama dan pelan pampasan insentif.

Para Pengarah dibayar dengan yuran tahunan dan elaun kehadiran sebanyak RM2,000 bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga yang mereka hadiri.

Butiran imbuhan Pengarah (termasuk manfaat seumpamanya) bagi setiap Pengarah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Pengarah	Yuran Tahunan MSM			Elaun Mesyuarat (RM)	Manfaat Seumpamanya (RM)	Jumlah
	Lembaga (RM)	Jawatan-kuasa Audit (RM)	Jawatan-kuasa Pencalonan dan Imbuhan (RM)			
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>						
YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	255,000	-	-	10,000	-	265,000
YM Raja Anuar Raja Abu Hassan	96,000	24,000	10,000	34,000	-	164,000
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	96,000	12,000	8,000	30,000	-	146,000
Dato' Zainal Haji Ismail	96,000	12,000	8,000	34,000	-	150,000
Datuk Haji Faizoull Ahmad <sup>1</sup>	80,301	-	-	12,000	-	92,301
YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	80,301	-	-	10,000	-	90,301
Datuk Lim Thean Shiang <sup>2</sup>	33,534	-	-	2,000	-	35,534
Dato' Lim Chee Wah <sup>3</sup>	8,096	-	-	-	-	8,096
Tan Sri Dato' Sabri Ahmad <sup>4</sup>	65,003	-	-	2,000	-	67,003
Mohd Emir Mavani Abdullah <sup>1</sup>	80,301	-	-	-	-	80,301
Dr. Suzana Idayu Wati Osman <sup>1</sup>	80,301	-	-	-	-	80,301
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>970,837</b>	<b>48,000</b>	<b>26,000</b>	<b>134,000</b>	<b>-</b>	<b>1,178,837</b>

Nota:

<sup>1</sup> Dilantik pada 1 Mac 2013

<sup>2</sup> Dilantik pada 23 Ogos 2013

<sup>3</sup> Meletak jawatan pada 1 Februari 2013

<sup>4</sup> Berhenti sebagai Pengarah pada 5 September 2013

Jumlah agregat imbuhan Pengarah Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, mengikut julat RM50,000 adalah seperti berikut:

Julat Imbuhan setahun	Bilangan Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
RM1 hingga RM50,000	-	2
RM50,001 hingga RM100,000	-	5
RM100,001 hingga RM150,000	-	1
RM150,001 hingga RM200,000	-	2
RM200,001 hingga RM250,000	-	-
RM250,001 hingga RM300,000	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>11</b>

## **HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM DAN PEMEGANG KEPENTINGAN LAIN**

### **Komunikasi dengan Pemegang Saham dan Pelabur**

Syarikat mengakui kepentingan memelihara ketelusan dan kebertanggungjawaban kepada pemegang saham dan pelabur sebagai amalan korporat yang baik. Sehubungan itu, Syarikat terus berusaha untuk menjaga piawaian yang tinggi dalam penyediaan maklumat yang relevan dan penting mengenai pembangunan Kumpulan dan untuk memastikan bahawa bukan sahaja keperluan penguatkuasaan dipenuhi, tetapi kepentingan para pemegang kepentingan yang lain juga ditangani. Justeru, dalam memastikan keadilan dan menggalakkan tahap ketelusan yang lebih tinggi dalam komunikasi kepada pasaran, Syarikat telah memberi penekanan yang tinggi terhadap kepentingan masa dan penyebaran maklumat yang saksama. Syarikat berkomunikasi dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingan melalui saluran komunikasi berikut:

#### **1. Laporan Tahunan**

Laporan Tahunan adalah saluran komunikasi utama antara Syarikat dan para pemegang kepentingannya. Laporan tahunan menyampaikan maklumat mengenai perniagaannya, aktiviti kewangan utama dan aktiviti-aktiviti di mana kandungannya sentiasa dipertingkatkan dengan mengambil kira perkembangan dalam pelbagai bidang seperti tadbir urus korporat. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah menitikberatkan kandungan Laporan Tahunan supaya dapat menyediakan maklumat selengkap mungkin dan supaya Laporan Tahunan menjadi sumber rujukan utama bagi maklumat penting mengenai Kumpulan.

Sebagai sebuah perbadanan yang tersenarai, keperluan kandungan dan pendedahan laporan tahunan Syarikat turut ditadbir oleh Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia.

#### **2. Pengumuman kepada Bursa Securities**

Syarikat mengeluarkan pengumuman keputusan suku tahunan, pekeliling dan pelbagai pengumuman lain kepada Bursa Malaysia untuk menyediakan maklumat penting kepada para pemegang kepentingan yang mempengaruhi proses membuat keputusan mereka, justeru, mempertingkatkan tahap ketelusan. Pengumuman yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia adalah tertakluk kepada kajian dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah. Dalam banyak keadaan, pengumuman juga dikaji oleh para penasihat luar bagi memastikan supaya kandungannya bukan sahaja tepat malah maklumat yang berkaitan yang dimuatkan turut mengambil kira keperluan pendedahan dan perspektif pasaran.

#### **3. Kenyataan Media**

Kenyataan Media akan dibuat kepada media mengenai semua perkembangan korporat dan inisiatif perniagaan penting. Kenyataan media adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan jika perlu, turut dikeluarkan kepada Bursa Securities untuk meningkatkan keterlihatan siaran media.

Bagi menyediakan peluang berdialog secara kerap antara para pengurus dana dan penganalisis penyelidikan dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan para pegawai Pengurusan Kanan yang lain, Syarikat mengadakan taklimat setengah tahun khusus untuk para penganalisis/pengurusan dana ekuiti. Taklimat tersebut merupakan sebuah forum di mana pihak pengurusan akan membentangkan keputusan suku /setengah tahunan dengan segera sebaik sahaja pengumuman bursa dibuat. Semasa taklimat dibuat, penganalisis berpeluang untuk bertanyakan soalan dan mendapat kefahaman yang lebih mendalam mengenai keputusan dan operasi Kumpulan MSM bagi tempoh yang ditinjau. Taklimat tersebut akan membantu para penganalisis penyelidikan mengeluarkan analisis dan laporan mereka agar boleh disediakan kepada para pelabur dan media tepat pada masanya.

#### **4. Laman Sesawang**

Laman sesawang Syarikat telah menjadi satu saluran komunikasi yang penting untuk berhubung dengan para pemegang sahamnya dan orang ramai. Keputusan kewangan, laporan tahunan, pengumuman Bursa Securities, pembentangan korporat dan maklumat lain berhubung Syarikat boleh didapati di laman sesawang Syarikat. Bahan pembentangan untuk taklimat penganalisis penyelidikan dan siaran-siaran akhbar juga disediakan kepada orang ramai melalui laman sesawangan Kumpulan, [www.msmholdings.com](http://www.msmholdings.com).

#### **5. Hubungan Pelabur**

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan sebuah saluran komunikasi yang berkesan antara Syarikat, para pemegang sahamnya dan orang ramai. Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan unit Perhubungan Pelabur sering berinteraksi dengan komuniti pelabur menerusi persidangan, pameran bergerak bukan urusan perniagaan dan mesyuarat satu sama satu dengan para penganalisis ekuiti, pengurus dana dan para pemegang saham institusi untuk menyediakan maklumat terkini mengenai prestasi kewangan suku tahunan Syarikat, serta melayani pertanyaan mengenai perkara-perkara strategik, isu-isu penguatkuasaan atau sebarang perubahan dalam persekitaran operasi yang boleh memberi kesan kepada prestasi Kumpulan.

## 6. Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”)

AGM MSM adalah satu lagi platform komunikasi dengan para pemegang sahamnya yang merupakan acara utama bagi Lembaga Pengarah untuk bertemu dengan para pemegang saham Syarikat. AGM Syarikat yang dijadualkan pada bulan Jun setiap tahun merupakan platform komunikasi utama dengan kumpulan para pemegang saham paling berpelbagai.

AGM menyediakan forum yang amat berguna bagi para pemegang saham untuk berkomunikasi secara langsung dengan para Pengarah dan Pengurusan Kanan Syarikat dan juga merupakan platform bagi mereka mengajukan soalan berkaitan semua hal ehwal Syarikat. Sehubungan itu, tertakluk kepada jenis soalan dan keberkaitannya, Pengerusi akan menjawab sebanyak mungkin soalan yang diutarakan semasa AGM.

Di AGM Syarikat, satu tinjauan yang lengkap dan padat mengenai prestasi kewangan Kumpulan dan nilai yang dicipta akan dibentangkan kepada para pemegang saham.

Semasa permulaan mesyuarat agung, Pengerusi akan memaklumkan para pemegang saham berkaitan hak mereka untuk mengundi menerusi pungutan suara. Kini undian secara pungutan suara mengenai Urus Niaga Pihak Berkaitan telah dijadikan sebagai mendatori oleh Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

Walaupun wakil-wakil media tidak hadir di dalam dewan mesyuarat AGM, satu sidang media akan diadakan sebaik sahaja Mesyuarat Agung Tahunan tamat di mana Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan akan memaklumkan wakil-wakil media mengenai resolusi yang diluluskan dan menjawab soalan-soalan mengenai perkara yang berkaitan dengan Kumpulan. Pendekatan ini memberi Syarikat cara yang lebih berkesan untuk mengendalikan para pemegang saham dan pihak media dengan cara yang

memuaskan bagi mereka. Keputusan semua resolusi turut diumumkan pada hari yang sama melalui Bursa LINK.

## 7. Dasar Dividen

Syarikat kini menggunakan nisbah pembayaran dividen sebanyak sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keuntungan selepas cukai Syarikat yang boleh diagihkan kepada para pemegang saham tidak termasuk pendapatan tidak berulang. Dasar dividen turut mengambil kira tahap tunai, penggearan, pulangan atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, jangkaan prestasi kewangan, tahap unjuran perbelanjaan modal dan pelan pelaburan yang lain serta keperluan modal kerja, keadaan kewangan umum, obligasi kontrak dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

Sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan, pendapatan dan juga keupayaan Syarikat untuk membayar dividen adalah bergantung kepada dividen yang diterima daripada anak-anak syarikatnya, yang sebaliknya bergantung kepada keuntungan diagihkan anak-anak syarikat, keputusan operasi, keadaan kewangan, rancangan perbelanjaan modal dan yang faktor-faktor lain yang difikirkan berkaitan.

Walaupun dasar dividen menggambarkan pandangan Lembaga Pengarah pada masa ini terhadap kedudukan kewangan dan aliran tunai Kumpulan, namun dasar tersebut akan tetap dikaji semula dari semasa ke semasa. Dalam mengesyorkan dividen, adalah menjadi dasar Lembaga Pengarah untuk membenarkan para pemegang saham mengambil bahagian dalam keuntungan Syarikat, serta untuk mengekalkan rizab yang mencukupi bagi pertumbuhan masa depan.

Sehubungan itu, dan sejajar dengan dasar, bagi tahun kewangan berakhir pada tahun 2013, Syarikat telah membayar dividen interim satu peringkat sebanyak RM0.10 sen sesaham biasa pada 27 Disember 2013 dan Lembaga Pengarah sedang mendapatkan kelulusan para pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak RM0.14 sen sesaham biasa.

## KOD TATACARA

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara kolektif ke atas keseluruhan tatacara perniagaan Kumpulan MSM dan menggalas tanggungjawab penuh terhadap prestasi Syarikat dan Kumpulan. Ahli Lembaga Pengarah melaksanakan usaha wajar dan penuh ketelitian dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka untuk memastikan supaya piawaian etika tertinggi diamalkan, melalui pematuhan dengan peraturan dan penguatkuasaan, arahan dan garis panduan berkaitan selain daripada menerima pakai amalan terbaik dalam Kod dan Panduan TUK, serta bertindak untuk kepentingan Kumpulan MSM dan para pemegang sahamnya.

Para Pengarah mematuhi kod etika yang selari dengan Kod Etika Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

## **DASAR PEMBERITAHUAN MAKLUMAT**

Pada 22 Februari 2013, MSM telah mewujudkan satu dasar Pemberitahuan Maklumat untuk memelihara pawaian etika dan tatacara perundangan tertinggi dalam Kumpulan MSM. Objektif utama Dasar Pemberitahuan Maklumat ini adalah untuk:

- i) Menyediakan platform untuk kakitangan mendedahkan sebarang tindakan yang salah
- ii) Memberi jaminan kepada kakitangan bahawa mereka akan dilindungi daripada tindak balas, diskriminasi atau dijadikan mangsa supaya mereka dapat melakukan pemberitahuan maklumat dengan ikhlas.
- iii) Menyediakan satu mekanisma rasmi untuk tindakan ke atas semua laporan yang dibuat.

Dasar Pemberitahuan Maklumat membolehkan individu yang melapor, melaporkan tentang tuduhan perlakuan tidak beretika dalam Kumpulan MSM seperti, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

1. Penyelewengan, ketidaksopanan, penipuan dan penggelapan wang.
2. Penyalahgunaan aset dan dana.
3. Pecah amanah.
4. Amalan haram dan rasuah.
5. Perakauan yang memusykilkan dan tidak wajar.
6. Penyalahgunaan maklumat sulit.
7. Tindakan atau pengabaian, yang dianggap bertentangan dengan kepentingan Kumpulan MSM, undang-undang, peraturan dan dasar-dasar awam.
8. Pelanggaran sebarang peraturan, penguatkuasaan, dasar dan prosedur Kumpulan MSM.
9. Cubaan untuk menyembunyikan secara sengaja, mana-mana perkara di atas atau sebarang kesalahan lain.

Individu yang melapor digalakkan untuk melaporkan semua kemusykilan melalui surat bertulis kepada mana-mana individu yang telah dikenal pasti atau melalui borang e-Alert di laman sesawang Kumpulan FGV dan email kepada [alert@feldaglobal.com](mailto:alert@feldaglobal.com).

Aduan yang dilakukan menerusi laman sesawang Kumpulan FGV dan [alert@feldaglobal.com](mailto:alert@feldaglobal.com) akan dikendalikan oleh Ketua Penyiasatan Audit Dalaman Kumpulan. Semua laporan atau aduan yang diterima akan dilayan dengan kerahsiaan yang ketat. Walaupun Syarikat akan melayan setiap laporan yang diterima secara serius, namun tindakan juga boleh diambil terhadap pemberitahu maklumat jika laporan itu didapati tidak benar, palsu, berniat jahat, berniat untuk mempermainkan-mainkan, sengaja menyusahkan atau merupakan tuduhan tidak berasas.

## **PENGURUSAN RISIKO**

Dalam persekitaran perniagaan yang kompleks dan dinamik di mana ia beroperasi, Kumpulan terdedah kepada pelbagai risiko yang memerlukan pengurusan yang berkesan oleh Lembaga Pengarah untuk mengurangkan dan / atau meminimumkan kesan risiko tersebut. Pengurusan risiko secara berkesan membolehkan Syarikat terus mencapai objektifnya, dan yang paling penting, untuk melindungi asetnya sekaligus menyediakan asas bagi penciptaan nilai kepada pemegang saham dan kepuasan pelanggan. Kumpulan disokong oleh Unit Pengurusan Risiko syarikat induk, Felda Global Ventures Holdings Berhad. Unit Pengurusan Risiko mengawasi dan menyelaras aktiviti-aktiviti pengurusan risiko dalam Kumpulan.

## **DASAR PENDEDAHAN KORPORAT**

MSM telah melaksanakan Dasar Pendedahan Korporatnya bagi memastikan pendedahan maklumat penting yang sewajarnya, memelihara kerahsiaan maklumat dan pendedahan maklumat selaras dengan MMLR. Dasar ini membentuk sebahagian daripada peraturan dan penguatkuasaan dalaman MSM yang meliputi semua kakitangan dan pegawai Syarikat.

## **DASAR PERHUBUNGAN PELABUR KUMPULAN**

MSM telah mewujudkan Dasar Perhubungan Pelabur Kumpulan untuk menyediakan satu rangka kerja bagi proses dan prosedur dalaman untuk program perhubungan pelabur dan sebagai satu penyata untuk membimbing dan memastikan para pemegang saham Syarikat dan pemegang kepentingan yang lain dimaklumkan mengenai perkembangan penting Syarikat serta untuk mengekalkan komunikasi yang berkesan dengan para pemegang kepentingan.

## **KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT**

### **Laporan Kewangan**

Lembaga Pengarah memastikan supaya pemegang saham dibentangkan dengan prestasi dan prospek kewangan Kumpulan yang jelas, seimbang dan menyeluruh melalui penyata kewangan yang telah diaudit, pengumuman keputusan suku tahunan, Penyata Pengerusi, Tinjauan Perniagaan Ketua Pegawai Eksekutif dalam Laporan Tahunan serta pengumuman korporat berhubung perkembangan penting yang mempengaruhi Syarikat selaras dengan MMLR.

AC mengkaji penyata kewangan dan pengumuman keputusan suku tahunan dengan kehadiran juruaudit luar sebelum mengesyorkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Penyata kewangan yang tepat dan boleh dipercayai adalah hasil utama daripada sistem kawalan dalaman yang berwibawa dan AC turut mempertimbangkan perkara-perkara berikut dari semasa ke semasa:

- Perubahan dasar dan amalan perakaunan serta pelaksanaannya.
- Pelarasan penting yang timbul daripada proses audit luar.
- Andaian usaha niaga berterusan.
- Kecukupan dan kesesuaian pendedahan.

Para Pengarah berpendapat bahawa, dalam menyediakan penyata kewangan, Kumpulan MSM telah menggunakan dasar perakaunan bersesuaian yang digunakan secara konsisten dan disokong oleh pelarasan dan anggaran yang berpatutan dan berhemah.

Kakitangan perakaunan dan kewangan dikehendaki menghadiri latihan untuk memperkayakan pengetahuan mereka, mengikuti perkembangan terkini dalam piawai perakaunan dan mendorong penyediaan laporan kewangan berkualiti tinggi.

#### **Kawalan Dalaman**

Lembaga Pengarah mengakui bahawa tanggungjawab muktamad bagi memastikan sistem kawalan dalaman Kumpulan dan bagi mengkaji keberkesanannya digalas oleh Lembaga Pengarah. Ini adalah untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham Syarikat.

Penyata Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran keseluruhan keadaan kawalan dalaman Kumpulan dibentangkan di muka surat 80 hingga 81 dalam Laporan Tahunan ini.

#### **Juruaudit Luar**

Lembaga Pengarah menyedari kemungkinan timbulnya keadaan percanggahan kepentingan jika juruaudit luar Syarikat ditugaskan untuk menyediakan perkhidmatan bukan audit yang lain kepada Kumpulan.

Jawatankuasa Audit mendapatkan pengesahan bertulis daripada juruaudit luar bahawa juruaudit berkenaan adalah bebas sepanjang pelaksanaan tugas audit selaras dengan keperluan profesional dan penguatkuasaan yang berkaitan. Juruaudit luar turut menyediakan pengesahan bertulis bahawa mereka telah mengkaji perkhidmatan bukan audit yang disediakan kepada Kumpulan pada tahun ini.

Hubungan Syarikat dengan juruaudit luar dikekalkan terutamanya melalui Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Ciri-ciri utama yang menjadi asas perhubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit luar dan dalaman dibentangkan menerusi Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan Tahunan Syarikat ini turut meendedahkan yuran yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

#### **KEMAMPANAN**

Kumpulan MSM menguruskan perniagaannya secara bertanggungjawab dengan menguruskan aspek persekitaran, sosial dan tadbir urus dalam operasinya dan komited terhadap ketiga-tiga prinsip kemampanan, iaitu manusia, planet dan keuntungan (asas tiga serangkai).

MSM sentiasa menggalakkan keseimbangan antara asas tiga serangkai dan peranannya sebagai sebuah warga korporat yang bertanggungjawab menerusi pendekatan empat dimensi iaitu pasaran, komuniti, tempat kerja dan persekitaran.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 April 2014.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
Pengerusi

# STATEMENT OF INTERNAL CONTROL

## *PENYATA KAWALAN DALAMAN*



In accordance to the Main Market Listing Requirements (MMLR) of Bursa Malaysia, the Board of listed companies is required to include a statement in their annual report on the state of internal control of their group. In addition, the Malaysian Code on Corporate Governance 2012 (MCCG 2012) requires listed companies to maintain a sound system of internal control and risk management framework to safeguard shareholders' investments and the Group assets.

The Board is pleased to provide the following Statement on Risk Management and Internal Control that is embedded into the organisation's culture, processes and structures and was prepared according to the guidelines for compliance that was provided by the Bursa Securities Statement on Risk Management and Internal Control: Guidelines for Directors of Listed Issuers.

### **BOARD'S ACCOUNTABILITY**

The Board in discharging its responsibilities is fully committed to maintaining a sound risk management framework and internal control system, and reviewing its adequacy and integrity to safeguard shareholders' investment and the Group's assets. The Board acknowledges that the risk management and internal control system are designed to manage, rather than eliminate risks that hinder the Group from achieving its goals and objective. The Board affirms its overall responsibility for reviewing the adequacy and the integrity of the Group's internal control system including system for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines. The Board is assisted by the Audit Committee to oversee the implementation of a system of risk management and internal controls.

### **RISK MANAGEMENT**

Risk management is an integral part of the Group's organizational process, with the objective of maintaining a sound internal control system and ensuring its continuing adequacy and integrity. The Group has processes for identifying, evaluating, monitoring and managing significant risks that may materially affect the achievement of its corporate objectives. The function is spearheaded by the Group Risk Champion. The Group Risk Champion coordinates the risk management activities within the Group which includes the process of identification, evaluation and management of key risks. The progress of the risk management process is periodically updated to the Audit Committee (AC). The AC reviews this process regularly and enhances it as and when needed to ensure sustainability.

Under the MSMH Risk Management Framework, the Group Risk Management Committee (GRMC) is committed to managing risks in proactive manner and meets regularly to identify, assess and monitor risks related to the strategic direction of the Group, operations and investments. The GRMC is comprised of Risk Champions from each company and submits its report on the key risks facing the Group to the Audit Committee quarterly. The Risk Champions are specifically tasked with ensuring the implementation of risk action plans to effectively mitigate the risks.

### **CONTROL STRUCTURES**

The Board has established control structures and is committed to evaluating, enhancing and maintaining these to ensure effective strategic and operational control over the Group's business operations which are in line with the Board's Terms of Reference. The following key control structures are in place to assist the Board to maintain a proper control environment whilst maintaining a sound risk management framework for the Group:

#### **Board Committees**

To promote corporate governance, transparency and accountability, the Board has set up Board Committees to assist in accomplishing the vision, mission, strategies and objectives set for the Group. In accordance to their Terms of Reference, the Committees oversee the area assigned to them by directing, monitoring and ensuring that the plans and operations are in accordance with the Group's policies and business plans. The Committees are:-

- (i) Audit Committee
- (ii) Nomination and Remuneration Committee

The details of the above mentioned Committees are set out in the Statement on Corporate Governance on pages 56 to 65.



### Organizational Structure

The Group has a comprehensive organizational structure, which organizes the business operations. The organizational structure provides clear lines of reporting, authority and segregation of duties, which promotes ownership and accountability for risk taking and defines lines of accountability and delegated authority for planning, executing, controlling and monitoring of business operations. The organizational structure is reviewed on a regular basis to incorporate any emerging business needs.

### Group Policies and Procedures

The Board has approved policies and procedures to govern the financial and operational functions of the Group. The policies ensure that internal control principles are embedded in the operations. This enables the Group to respond quickly to evolving risks and immediately report on any significant control failure. The policies and procedures are reviewed regularly to ensure relevance and effectiveness.

## MONITORING & REVIEW

### Budgetary Process

The Group performs annual budgeting and forecasting exercise including the development of business strategies and the establishment of key performance indicators (KPI) of the Group. The KPI includes the respective performance of business segments and companies within the Group which can be measured and evaluated. A detailed operating and capital expenditure requirement is tabled to the Board for approval prior to the commencement of a new financial year. The approved Budget key parameters on various business segments are then converted into KPI for the purpose of performance measurement and evaluation.

### Financial and Operational Review

The Audit Committee (AC) reviews the Group's quarterly financial performance and these are subsequently reported to the Board. The quarterly review enables the AC to deliberate and assess the Group's financial results, operational performance and budget variances to enable them to monitor and contribute towards improving performance.

### Group Internal Audit (GIA)

The internal audit function for the Group is outsourced to the Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) Group Internal Audit. In the discharge of its duties, the Audit Committee is supported by the FGVH Group Internal Audit that reports regularly to the Audit Committee.

The FGVH Group Internal Audit conducted independent internal audits to assess the adequacy and effectiveness of risk management, controls and governance processes to provide the level of assurance required by the Board. Built into the audit process is also a process of follow-up of the implementation of recommendations of major issues reported to the Audit Committee to ensure improvement actions are taken. Based on the follow-up conducted during the year, actions have been taken towards improvements in the related areas.

In conducting their independent audits, the FGVH Group Internal Audit adopted a risk based internal audit approach by focusing on the assessment of significant risk areas. These significant risk areas are defined in the Internal Audit Plan which was reviewed and approved by the Audit Committee. Details of the activities undertaken by FGVH Group Internal Audit are set out in the Audit Committee Report on pages 82 to 85.

## REVIEW OF THE STATEMENT BY EXTERNAL AUDITORS

As required by paragraph 15.23 of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, the external auditors have reviewed this Statement on Internal Control. Their review was performed in accordance with Recommended Practice Guide ("RPG") 5 issued by the Malaysian Institute of Accountants. Based on their review, the external auditors have reported to the Board that nothing has come to their attention that causes them to believe that this Statement is inconsistent with their understanding of the process the Board has adopted in the review of the adequacy and integrity of internal control of the Group. RPG 5 does not require the external auditors to and they did not consider whether this Statement covers all risks and controls, or to form an opinion on the effectiveness of the Group's risk and control procedures.

### Conclusion

Based on the processes taken through the Board and its Committees during the financial period and assurance provided by the Group Chief Executive Officer and Chief Financial Officer, the Board is of the view that the risk management and internal control system as described in this Statement is operating adequately and effectively, in all material aspects, to mitigate the Group's major risks. There is continual focus on measures to protect shareholder value and business sustainability.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 28 April 2014.

# STATEMENT OF INTERNAL CONTROL

## PENYATA KAWALAN DALAMAN



Selaras dengan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR) Bursa Malaysia, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat tersenarai dikehendaki menyertakan satu penyata mengenai keadaan kawalan dalaman kumpulan dalam laporan tahunan mereka. Di samping itu, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (MCCG 2012) juga memerlukan agar syarikat-syarikat tersenarai mengekalkan satu sistem kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko yang berwibawa untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan.

Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman berikut yang telah diterapkan ke dalam budaya, proses dan struktur organisasi dan disediakan menurut garis panduan yang disediakan oleh Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman Bursa Securities: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai.

### KEBERTANGGUNGJAWABAN LEMBAGA

Dalam melunaskan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan satu rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang berwibawa serta mengkaji kecukupan dan integritinya untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan. Lembaga Pengarah mengakui bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman tersebut diwujudkan untuk mengurus, bukan menghapuskan risiko yang menghalang Kumpulan mencapai matlamat dan objektifnya. Lembaga Pengarah menegaskan tanggungjawabnya yang menyeluruh dalam mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk sistem pematuhan

dengan undang-undang, penguatkuasaan, peraturan, arahan dan garis panduan. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk mengawasi pelaksanaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

### PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah satu bahagian penting dalam proses organisasi Kumpulan, dengan objektif untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang berwibawa dan memastikan kecukupan dan integritinya yang berterusan. Kumpulan mempunyai proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko-risiko penting yang boleh menjejaskan dengan ketara pencapaian objektif korporatnya. Fungsi tersebut diterajui oleh Peneraju Risiko Kumpulan. Peneraju Risiko Kumpulan menyelaras aktiviti pengurusan risiko dalam Kumpulan yang meliputi proses mengenal pasti, penilaian dan pengurusan risiko-risiko utama. Perkembangan proses pengurusan risiko dikemas kini secara berkala kepada Jawatankuasa Audit (AC). AC kemudian mengkaji proses tersebut dari semasa ke semasa dan mempertingkatkan apabila perlu untuk memastikan kemampuannya.

Di bawah Rangka Kerja Pengurusan Risiko MSMH, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan (GRMC) komited dalam mengurus risiko secara proaktif dan bermesyuarat secara kerap untuk mengenal pasti, menilai dan memantau risiko-risiko berkaitan hala tuju strategik operasi dan pelaburan Kumpulan. GRMC terdiri daripada Peneraju Risiko dari setiap syarikat dan mengemukakan laporannya berhubung risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan kepada Jawatankuasa Audit setiap suku tahun. Para Peneraju Risiko berkenaan ditugaskan secara khusus untuk memastikan agar pelaksanaan rancangan tindakan risiko mampu mengurangkan risiko secara berkesan.

### STRUKTUR KAWALAN

Sejajar dengan Terma Rujukannya, Lembaga Pengarah telah mewujudkan struktur kawalan dan komited dalam menilai, mempertingkat dan memelihara struktur tersebut bagi memastikan kawalan strategik dan operasi yang berkesan ke atas operasi perniagaan Kumpulan. Struktur kawalan utama berikut telah disediakan untuk membantu Lembaga Pengarah memelihara satu persekitaran kawalan yang sesuai sambil mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko yang berwibawa untuk Kumpulan.

#### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi menggalakkan tadbir urus korporat, ketelusan dan kebertanggungjawaban, Lembaga telah membentuk Jawatankuasa Lembaga untuk membantu mencapai visi, misi, strategi dan objektif yang telah ditetapkan untuk Kumpulan. Selaras dengan Terma Rujukan mereka, Jawatankuasa tersebut mengawasi bidang yang ditetapkan bagi mereka dengan mengarah, memantau dan memastikan supaya rancangan dan operasi adalah sejajar dengan dasar dan rancangan perniagaan Kumpulan. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah:-

- (i) Jawatankuasa Audit
- (ii) Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Butiran mengenai kedua-dua Jawatankuasa di atas dibentangkan dalam Penyata Tadbir urus Korporat di muka surat 66 hingga 75.

### **Struktur Organisasi**

Kumpulan mempunyai struktur organisasi menyeluruh yang menyusun operasi perniagaan. Struktur organisasi tersebut menyediakan jujukan laporan, kuasa dan pembahagian tugas yang jelas, justeru menggalakkan pemilihan dan kebertanggungjawaban terhadap pengambilan risiko dan mentakrif had-had kebertanggungjawaban serta mengagihkan kuasa perancangan, pelaksanaan, kawalan dan pemantauan operasi perniagaan. Struktur organisasi ini dikaji dari semasa ke semasa agar sentiasa dikemaskini dengan keperluan perniagaan baharu.

### **Dasar dan Prosedur Kumpulan**

Lembaga Pengarah telah meluluskan dasar dan prosedur untuk mentadbir fungsi kewangan dan operasi Kumpulan. Dasar tersebut memastikan supaya prinsip-prinsip kawalan dalaman disebutkan ke dalam operasi. Ini membolehkan Kumpulan bertindak balas dengan pantas terhadap evolusi risiko dan melapor dengan segera berhubung sebarang kegagalan kawalan. Dasar dan prosedur ini dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan agar kedua-duanya kekal relevan dan berkesan.

### **PEMANTAUAN & KAJIAN**

#### **Proses Belanjawan**

Kumpulan menjalankan pelaksanaan belanjawan dan ramalan tahunan termasuk pembangunan strategi perniagaan dan pembentukan petunjuk prestasi penting (KPI) Kumpulan. KPI merangkumi prestasi bagi setiap segmen perniagaan dan syarikat dalam Kumpulan yang boleh diukur dan dinilai. Satu keperluan perbelanjaan operasi dan modal dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan sebelum tahun kewangan baharu bermula. Parameter penting Belanjawan yang diluluskan bagi setiap segmen kemudian ditukar menjadi KPI untuk tujuan pengukuran dan penilaian prestasi.

#### **Kajian Kewangan dan Operasi**

Jawatankuasa Audit (AC) mengkaji prestasi kewangan suku tahunan Kumpulan dan kajian tersebut kemudian akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Kajian suku tahun ini membolehkan AC mempertimbangkan dan menilai keputusan, prestasi operasi dan perbezaan berbanding belanjawan Kumpulan bagi membolehkan mereka memantau dan menyumbang ke arah penambahbaikan prestasi.

#### **Audit Dalaman Kumpulan (GIA)**

Fungsi audit dalaman bagi Kumpulan diserahkan kepada pihak luar iaitu Audit Dalaman Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH). Dalam melaksanakan tugas mereka, Jawatankuasa Audit disokong oleh Audit Dalaman Kumpulan FGVH yang melapor dari semasa ke semasa kepada Jawatankuasa Audit.

Audit Dalaman Kumpulan FGVH menjalankan audit dalaman secara bebas untuk menilai kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus bagi menyediakan tahap jaminan yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah. Proses audit ini turut merangkumi proses susulan ke atas pelaksanaan saranan mengenai isu-isu utama kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan. Berdasarkan pelaksanaan susulan yang dijalankan pada tahun ini, tindakan telah diambil ke arah menambah baik bidang-bidang yang berkaitan.

Dalam menjalankan audit bebas mereka, Audit Dalaman Kumpulan FGVH menerima pakai pendekatan audit berasaskan risiko dengan memfokus kepada penilaian bidang-bidang berisiko tinggi. Bidang-bidang berisiko tinggi ini ditakrif dalam Rancangan Audit Dalaman yang telah dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Butiran aktiviti yang dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan FGVH dibentangkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 86 hingga 89.

### **KAJIAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR**

Sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 15.23 Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah mengkaji Penyata Kawalan Dalaman ini. Kajian mereka dijalankan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan ("RPG") 5 yang digariskan oleh Institut Akauntan Malaysia. Berdasarkan kajian mereka, juruaudit luar telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa, tiada sebarang perkara yang sampai keperhatian mereka yang boleh menyebabkan mereka menganggap bahawa penyata ini tidak konsisten dengan kefahaman mereka mengenai proses yang diguna pakai oleh Lembaga Pengarah dalam mengkaji semula kecukupan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar dan mereka tidak menganggap yang Penyata ini meliputi semua risiko dan kawalan, atau membentuk pendapat mengenai keberkesanan prosedur risiko dan kawalan Kumpulan.

#### **Kesimpulan**

Berdasarkan proses yang dilaksanakan melalui Lembaga dan Jawatankuasa sepanjang tempoh kewangan dan jaminan yang diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Penyata ini telah beroperasi dengan secukupnya dan berkesan, dalam semua aspek penting, untuk mengurangkan risiko utama Kumpulan. Tumpuan berterusan turut diberikan terhadap langkah-langkah untuk melindungi nilai pemegang saham dan kemampuan perniagaan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 April 2014.

# REPORT ON THE AUDIT COMMITTEE

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



The Board of Directors of MSM Holdings Berhad is pleased to present the Report on the Audit Committee for the financial year ended 31 December 2013.

### COMPOSITION

In line with the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Berhad, the Audit Committee consists of three members. All members are Independent Directors and none of them is an Alternate Director.

YM Raja Anuar Raja Abu Hassan, the Chairman of the Audit Committee, is a Senior Independent Director and a member of the Malaysian Institute of Accountants and the Malaysian Institute of Certified Public Accountants. He is also a Fellow of the Association of Chartered Certified Accountants and a Chartered Member of the Chartered Institute of Internal Auditors, fulfilling the requisite qualifications as stipulated in paragraph 15.09(1)(c)(i) of the Listing Requirements.

### MEETINGS AND ATTENDANCE

The members of the Audit Committee ("the Committee") during the financial year are comprised of the following Directors:-

Directors	Designation	Number of Meetings Attended
<b>YM Raja Anuar Raja Abu Hassan</b> (Senior Independent Non-Executive Director)	Chairman	6 out of 6
<b>Dato' Zainal Haji Ismail</b> (Independent Non-Executive Director)	Member	6 out of 6
<b>Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari</b> (Independent Non-Executive Director)	Member	6 out of 6

The Audit Committee met 6 times throughout the financial year ended 31 December 2013.

In addition to the Audit Committee members, the Chief Executive Officer, the Chief Financial Officer and the Head of the Group Internal Audit of Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) together with the representatives of the external auditors attended the meetings upon the invitation of the Audit Committee. Time was also set aside for the external auditors to have private discussions with the Audit Committee in the absence of management twice during the year.

### TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

#### Composition

The Audit Committee was established by the Board on 25 March 2011 to act as a committee for the Board of Directors.

The Audit Committee shall be appointed by the Board from amongst its directors and shall consist of not less than three (3) members with the majority being Independent Directors.

At least one member of the Audit Committee must be a member of the MIA or have at least three years working experience and have passed the examinations specified in Part 1 of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967 or be a member of one of the associations of accountants specified by Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967.

Subject to review by the Board, the term of appointment of the members of the Audit Committee shall be for a period of two (2) years each or such other period as the Board in

its discretion shall deem fit. Notwithstanding the foregoing, the membership of any member shall automatically terminate in the event that the member ceases to be a Non-Executive Director.

#### **Chairman of the Audit Committee**

The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from among the members who shall be an Independent Non-Executive Director.

#### **Secretary**

The Company Secretary shall be the Secretary of the Audit Committee.

#### **Meetings**

The quorum shall be two members, including the Chairman who must be present during each Audit Committee Meeting.

Notice of Meeting will be distributed to the Audit Committee members at least one week prior to the scheduled meeting. Any member of the Audit Committee may request for a special meeting at any time if so required.

The Company's external auditors may request for a meeting to be convened if they so require. The Chairman of the Audit Committee must hold an Audit Committee Meeting to consider the agendas tabled by the Company's external auditors for the attention of the Board and the shareholders, as the case may be.

The Chief Financial Officer of the Company and the Head of the Group Internal Audit of FGVH together with representatives of the Company Auditors may attend the meetings of the Audit Committee on the invitation of the Audit Committee. Other members of the Board and key management personnel may also attend the meeting as the Audit Committee shall deem fit and necessary.

The Secretary will distribute the minutes of meeting to all members of the Audit Committee.

#### **Authority**

The Audit Committee is authorised by the Board to investigate any activity within its Terms of Reference. It is authorised to seek any information it requires from any employee and all employees are directed to co-operate with any request made by the Audit Committee.

The Audit Committee is also authorised by the Board to obtain external legal or other independent professional advice and to secure the attendance of such experts with relevant experience and expertise if it considers this necessary.

#### **Functions**

The duties of the Audit Committee shall include reviewing, appraising, reporting and/or making appropriate recommendations to the Board on the following and other duties as may be determined by the Board from time to time:

- 1) the appointment of the external auditors, the audit fees and any question in relation to resignation or dismissal of the external auditors;
- 2) the nature and scope of audit by the external auditors, before the audit commences and ensure coordination where more than one audit firm is involved;
- 3) the internal audit plan, the major findings of internal audits and management's responses, and ensure coordination between the internal and external auditors;
- 4) the adequacy of the scope, functions, competency and resources of the internal audit functions and the necessary authority to carry out its work;
- 5) determine the remit of internal audit function which reports directly to Audit Committee as the internal audit function should be independent of the activities they audit and should be performed with impartially, proficiency and due professional care.
- 6) direct and where appropriate supervise any special project or investigation considered necessary by the internal audit function;
- 7) prepare periodic reports to the Board summarising the work performed in fulfilling the Audit Committee's primary responsibilities;
- 8) the quarterly results and year-end financial statements prior to the approval by the Board of Directors, focusing particularly on:
  - i) changes in accounting policies and practices;
  - ii) significant and unusual events;
  - iii) major judgmental areas;
  - iv) significant adjustments resulting from the audit;
  - v) going concern assumption; and
  - vi) compliance with accounting standards and other legal requirements;
- 9) any related party transaction and conflict of interest situation that may arise in the Company including any transaction, procedure or course that raises questions of management integrity;

- 10) the effectiveness of internal control systems and the internal and/or external auditors' evaluation of these systems;
- 11) arrange periodic reports from the management, the external auditors and the internal auditors, or any significant matter that may have a bearing on the annual examination;
- 12) discuss problems and reservation arising from the internal audit, interim and final audits, and matters the internal and external auditors may wish to discuss (in the absence of the management where necessary);
- 13) promptly report matters not satisfactorily resolved resulting in a breach of the Bursa Securities Listing Requirement to the Securities Commission; and
- 14) carrying out any other functions that may be mutually agreed upon by the Audit Committee and the Board.

#### **SUMMARY OF ACTIVITIES OF THE AUDIT COMMITTEE DURING THE FINANCIAL YEAR**

**A summary of the activities performed by the Audit Committee during the financial year is set out below:**

##### **Risk Management**

- Reviewed the progress of the risk management functions and its on-going activities for identifying, evaluating, monitoring and managing risks. This role was supported by the Risk Champions appointed at the Company and subsidiary level who are to ensure that the mitigation plans are carried out accordingly; and
- Received and reviewed quarterly reports from the Management on key strategic and operational risks to ensure they are being managed effectively.

##### **Internal Control**

- Evaluated the adequacy and effectiveness of the system on internal controls by reviewing the outcomes of work performed by internal and external auditors and discussions with the Key Management;
- Reviewed the Statement of Internal Control which had been reviewed by the external auditor for inclusion in the Annual Report; and
- Reviewed and recommended the Group Discretionary Authority Limits as recommended by the Management to align with business best practices and effective internal control processes.

##### **Internal Audit**

- Reviewed and approved the internal audit plan for the Group as proposed by Group Internal Audit of Felda Global Ventures Holdings Berhad to ensure sufficient coverage on auditable entities per risk based assessment;
- Reviewed the adequacy of resources and competency of staff from FGVH Group Internal Audit allocated to execute the internal audit plan for the Group;
- Deliberated on the internal audit reports and recommendations and Management's response to these recommendations. Where appropriate, Audit Committee had instructed Management to rectify and improve control procedures based on FGVH Group Internal Audit's recommendations and suggestions for improvements;
- Updated the implementation of recommendations by Management on outstanding issues to ensure that all key risks and control weaknesses were being properly addressed;
- Conducted yearly review and assessment on the adequacy of performance of FGVH Group Internal Audit in performing the internal audit function for the Group; and
- The Chairman held private discussions with the Head and senior staff of FGVH Group Internal Audit on key internal control and audit related matters as and when required.

##### **External Audit**

- Reviewed and approved the external auditors terms of engagement, audit plan, nature and scope for the financial year. A written assurance from the external auditors has been obtained confirming their independence;
- Reviewed the results and issues arising from the audit by external auditors for the financial year and the resolution of issues highlighted in their report to the Audit Committee and the Management's response;
- Reviewed the scope and engagement strategy of the external auditors and upon satisfactory assessment, recommended the fee payable in respect of the work performed for the Board's approval; and
- Met with the external auditors without the Management's presence, on 3 April 2013 and 19 August 2013 to confirm that there were no restrictions on the scope of their audit and to discuss any matters presented.

### Financial Results

- Reviewed the Quarterly Unaudited Financial Statements of the Group in compliance with Malaysian Financial Reporting Standards and the Main LR; and
- Reviewed the Audited Financial Statements of the Group in compliance with regulatory requirements and concluded that the financial reports presented a true and fair view of the Company's financial performance for the year.

### Annual Reporting

- Reviewed the disclosure on Statement on Corporate Governance, Statement on Internal Control and Report on the Audit Committee for the financial year for inclusion in the Annual Report and recommended their adoption by the Board.

### Related Party Transactions

- Reviewed the internal audit report on the assessment of the procedures and processes for Recurrent Related Party Transactions (RRPTs);
- Periodically reviewed the tracking of RRPTs incurred against their mandated amounts; and
- Reviewed the RRPT circular to seek mandate from the shareholders at the Annual General Meeting of the Company.

### INTERNAL AUDIT FUNCTION

The internal audit function for the Group is outsourced to Group Internal Audit of the holding company, Felda Global Ventures Holdings Berhad. In the discharge of its duties, the Audit Committee is supported by FGVH Group Internal Audit that reports regularly to the Audit Committee.

FGVH Group Internal Audit conducted independent internal audits to assess the adequacy and effectiveness of risk management, controls and governance processes to provide the level of assurance required by the Board.

In conducting their independent audits, FGVH Group Internal Audit adopted a risk based internal audit approach by focusing on the assessment of significant risk areas. These significant risk areas are defined in the Internal Audit Plan which was reviewed and approved by the Audit Committee.

FGVH Group Internal Audit had also undertaken several process review assignments and investigative auditing at the request of the Audit Committee and accordingly reported the outcome of such assignments to the Audit Committee.

During the financial year, FGVH Group Internal Audit had carried out audits according to the Internal Audit Plan approved by the Audit Committee. FGVH Group Internal Audit submitted their findings and recommendations to the Audit Committee on a quarterly basis at its Meetings.

The total cost incurred for FGVH Group Internal Audit for the financial year ended 31 December 2013 is RM1,538,081.

This Report on Audit Committee is made in accordance with a resolution of the Board of Directors duly passed on 28 April 2014.

### TRAINING

During the year, the Audit Committee members attended various conferences, seminars and training programmes. The training attended by the Committee members during the financial year ended 31 December 2013 is reported in the Statement on Corporate Governance on pages 56 to 65 of this Annual Report.

# REPORT ON THE AUDIT COMMITTEE

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



Lembaga Pengarah MSM Holdings Berhad dengan sukacitanya membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### MESYUARAT DAN KEHADIRAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit ("Jawatankuasa") pada tahun kewangan terdiri daripada para Pengarah berikut:-

### KOMPOSISI

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga orang ahli, sejajar dengan Keperluan Penyenaian Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad. Semua ahli adalah Pengarah Bebas dan tiada daripada mereka merupakan Pengarah Gantian.

YM Raja Anuar Raja Abu Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Audit adalah Pengarah Bebas Kanan dan ahli Institut Akauntan Malaysia serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia. Beliau juga merupakan Felo Association of Chartered Certified Accountants dan Ahli Bertauliah Chartered Institute of Internal Auditors, justeru, memenuhi keperluan kelayakan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 15.09(1)(c)(i) Keperluan Penyenaian.

### Pengarah

**YM Raja Anuar Raja Abu Hassan**  
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan)

**Dato' Zainal Haji Ismail**  
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

**Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari**  
(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

### Jawatan

Pengerusi

Ahli

Ahli

### Bilangan Mesyuarat Dihadiri

6 daripada 6

6 daripada 6

6 daripada 6

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak 6 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Selain daripada ahli Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Audit Dalaman Kumpulan bagi Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) serta para wakil juruaudit luar telah menghadiri mesyuarat atas undangan Jawatankuasa Audit. Perbincangan tertutup antara juruaudit luar dengan Jawatankuasa Audit juga telah diadakan dua kali pada tahun ini, tanpa dihadiri oleh pengurusan.

### TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

#### Komposisi

Jawatankuasa Audit dibentuk oleh Lembaga pada 25 Mac 2011 untuk bertindak sebagai sebuah jawatankuasa bagi Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh Lembaga dari kalangan para pengarahnya dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli dengan majoriti daripada mereka adalah para Pengarah Bebas.

Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan ahli MIA atau memiliki pengalaman bekerja selama sekurang-kurangnya tiga tahun dan lulus peperiksaan seperti yang dinyatakan oleh Bahagian 1 dalam Jadual Pertama Akta Akauntan 1967 atau merupakan seorang ahli dalam salah sebuah pertubuhan akauntan seperti yang dinyatakan oleh Bahagian II dalam Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.



Tertakluk kepada kajian oleh Lembaga, tempoh memegang jawatan ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah selama dua (2) tahun seorang atau untuk tempoh yang dianggap sesuai mengikut budi bicara Lembaga. Walau bagaimanapun, keanggotaan mana-mana ahli dengan sendirinya akan tamat jika beliau tidak lagi memegang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif.

#### **Pengerusi Jawatankuasa Audit**

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memilih seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang merupakan seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

#### **Setiausaha**

Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.

#### **Mesyuarat**

Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli, termasuk Pengerusi yang mesti hadir pada setiap Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

Notis Mesyuarat akan diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa Audit selewat-lewatnya seminggu sebelum mesyuarat dijadual untuk diadakan. Mana-mana ahli Jawatankuasa Audit boleh meminta agar mesyuarat khas diadakan pada bila-bila masa diperlukan.

Juruaudit luar Syarikat boleh meminta agar mesyuarat diadakan jika mereka memerlukannya. Pengerusi Jawatankuasa Audit mestilah mengadakan Mesyuarat Audit untuk mempertimbangkan agenda-agenda yang dibentangkan oleh juruaudit luar Syarikat untuk perhatian Lembaga dan para pemegang saham, mengikut kesesuaian.

Ketua Pegawai Kewangan Syarikat dan Ketua Audit Dalaman Kumpulan FGVH serta wakil Juruaudit Syarikat boleh menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit atas jemputan Jawatankuasa Audit. Ahli-ahli lain Lembaga dan kakitangan pengurusan

utama juga boleh menghadiri mesyuarat seperti yang difikirkan sesuai dan perlu oleh Jawatankuasa Audit.

Setiausaha akan mengedarkan minit mesyuarat kepada semua ahli Jawatankuasa Audit.

#### **Kuasa**

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyasat sebarang aktiviti dalam Terma Rujukannya. Ia diberi kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukannya daripada mana-mana pekerja dan semua pekerja diarahkan untuk memberi kerjasama dengan sebarang permintaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit juga diberi kuasa oleh Lembaga untuk mendapatkan nasihat perundangan luar atau daripada profesional bebas lain dan untuk mendapatkan kehadiran pakar-pakar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan jika ia menganggapnya perlu.

#### **Fungsi**

Tugas Jawatankuasa Audit hendaklah termasuk mengkaji, menaksir, melapor dan/atau mengemukakan saranan yang bersesuaian kepada Lembaga berrhubung perkara-perkara di bawah dan tugas-tugas lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

- 1) Pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang persoalan berkaitan peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar;
- 2) bentuk dan skop audit oleh juruaudit luar, sebelum audit dimulakan dan memastikan keselarasan jika melibatkan lebih daripada sebuah firma audit;
- 3) rancangan audit dalaman, penemuan utama audit dalaman dan tindak balas pengurusan serta memastikan keselarasan antara juruaudit dalaman dan luar;
- 4) kecukupan skop, fungsi, daya saing dan sumber fungsi audit dalaman dan kuasa yang diperlukan untuk menjalankan kerjanya;
- 5) menentukan bidang kuasa fungsi audit dalaman yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit memandangkan fungsi audit dalaman hendaklah bebas daripada aktiviti yang diauditnya dan hendaklah dilaksanakan tanpa berat sebelah, dengan cekap dan ketelitian profesional yang sewajarnya.
- 6) mengarah dan jika sesuai, menyelia sebarang projek khas atau penyiasatan yang dianggap perlu oleh fungsi audit dalaman;
- 7) menyediakan laporan berkala kepada Lembaga dengan merumuskan kerja yang telah dijalankan dalam melunaskan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit;
- 8) keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan memberi tumpuan khusus kepada:
  - i) perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
  - ii) peristiwa penting dan luar biasa;
  - iii) bidang-bidang pertimbangan utama;
  - iv) pelarasan ketara natijah daripada audit;

- v) andaian usaha niaga berterusan; dan
- vi) pematuhan dengan piawaian perakaunan dan keperluan-keperluan perundangan lain;
- 9) sebarang urus niaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang menimbulkan persoalan terhadap kewibawaan pengurusan;
- 10) keberkesanan sistem kawalan dalaman dan penilaian juruaudit dalaman dan/ atau luar terhadap sistem-sistem tersebut;
- 11) menyusun laporan berkala daripada pengurusan, juruaudit luar dan juruaudit dalaman, atau sebarang perkara penting yang mungkin mempengaruhi pemeriksaan tahunan tersebut;
- 12) membincangkan masalah dan pandangan yang timbul daripada audit dalaman, interim dan audit akhir serta sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit luar (tanpa kehadiran pengurusan jika perlu);
- 13) melaporkan kepada Suruhanjaya Sekuriti dengan segera berhubung perkara-perkara yang tidak diselesaikan dengan memuaskan sehingga menyebabkan pelanggaran Keperluan Penyenaraian Bursa Sekurites; dan
- 14) menjalankan sebarang fungsi lain yang mungkin dipersetujui secara bersama oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga.

## **RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT PADA TAHUN KEWANGAN**

Berikut dibentangkan ringkasan aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan:

### **Pengurusan Risiko**

- Mengkaji perkembangan fungsi pengurusan risiko dan aktiviti berterusannya bagi mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko. Peranan ini telah disokong oleh Risk Champions yang dilantik di peringkat Syarikat dan anak syarikat yang bertanggungjawab memastikan supaya rancangan pengurangan dijalankan dengan sewajarnya; dan
- Menerima dan mengkaji laporan suku tahunan daripada Pengurusan berhubung risiko strategik dan operasi penting bagi memastikan kesemuanya diuruskan dengan berkesan.

### **Kawalan Dalaman**

- Menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dengan mengkaji hasil kerja yang dilaksanakan oleh juruaudit dalaman dan luar serta berbincang dengan Pengurusan Kanan;
- Mengkaji Penyata Kawalan Dalaman yang telah pun dikaji oleh juruaudit luar untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan; dan
- Mengkaji dan mengesyorkan Had-had Kuasa Budi Bicara Kumpulan sebagaimana yang disarankan oleh Pengurusan agar selaras dengan amalan terbaik perniagaan dan proses-proses kawalan dalaman yang berkesan.

### **Audit Dalaman**

- Mengkaji dan meluluskan rancangan audit dalaman bagi Kumpulan seperti yang dicadangkan oleh Audit Dalaman Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Berhad bagi memastikan kecukupan liputan ke atas entiti-entiti yang boleh diaudit bagi setiap penilaian berasaskan risiko;
- Mengkaji kecukupan peruntukan sumber dan daya saing kakitangan daripada Audit Dalaman Kumpulan FGVH untuk melaksanakan rancangan audit dalaman bagi Kumpulan;
- Mempertimbangkan laporan dan saranan audit dalaman serta tindak balas Pengurusan terhadap saranan tersebut. Jawatankuasa Audit telah mengarahkan Pengurusan untuk memperbetul dan menambah baik prosedur kawalan berdasarkan saranan dan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Audit Dalaman Kumpulan FGVH, apabila perlu.
- Mengemas kini pelaksanaan saranan oleh Pengurusan berhubung isu-isu tertanggung bagi memastikan supaya semua risiko utama dan kelemahan kawalan telah ditangani dengan sewajarnya;
- Menjalankan kajian dan penilaian tahunan terhadap kecukupan prestasi Audit Dalaman FGVH dalam melaksanakan fungsi audit dalaman untuk Kumpulan; dan
- Pengerusi mengadakan perbincangan tertutup dengan Ketua dan kakitangan kanan Audit Dalaman Kumpulan FGVH berhubung hal-hal penting berkaitan kawalan dalaman dan audit apabila perlu.

### **Audit Luar**

- Mengkaji dan meluluskan terma-terma pelantikan juruaudit luar, rancangan audit, bentuk dan skop audit bagi tahun kewangan. Satu jaminan bertulis daripada juruaudit luar telah diperolehi bagi mengesahkan kebebasan mereka;

- Mengkaji keputusan dan isu-isu yang timbul daripada audit oleh juruaudit luar bagi tahun kewangan ini dan resolusi bagi isu-isu yang ditonjolkan dalam laporan mereka kepada Jawatankuasa Audit serta tindak balas Pengurusan;
- Mengkaji skop dan strategi pelantikan juruaudit luar dan setelah dinilai sewajarnya, mengesyorkan yuran yang perlu dibayar berhubung kerja yang dijalankan untuk kelulusan Lembaga; dan
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran Pengurusan pada 3 April 2013 dan 19 Ogos 2013 untuk mengesahkan bahawa tiada sekatan ke atas skop audit mereka dan untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkit.

#### **Keputusan Kewangan**

- Mengkaji Penyata Kewangan Suku Tahunan Belum Diaudit Kumpulan sejajar dengan pematuhan dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Keperluan Penyenaian Utama; dan
- Mengkaji Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan sejajar dengan pematuhan dengan keperluan penguatkuasaan dan merumuskan bahawa laporan kewangan tersebut telah memberi gambaran yang benar dan saksama berhubung prestasi kewangan Syarikat bagi tahun kewangan ini.

#### **Laporan Tahunan**

- Mengkaji pendedahan Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Kawalan Dalaman dan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan dan disyorkan untuk diterima pakai oleh Lembaga.

#### **Urus Niaga Pihak Berkaitan**

- Mengkaji laporan audit dalaman berhubung penilaian prosedur dan proses bagi Urus Niaga Pihak Berkaitan yang Berulangan (RRPT);
- Mengkaji secara berkala jumlah yang ditanggung dalam RRPT berbanding jumlah yang telah dimandatkan; dan
- Mengkaji pekeliling RRPT untuk mendapatkan mandat daripada para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

#### **LATIHAN**

Pada tahun ini, ahli-ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai persidangan, seminar dan program latihan. Latihan yang dihadiri oleh mereka pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti yang dilaporkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 56 hingga 65 dalam Laporan Tahunan ini.

#### **FUNGSI AUDIT DALAMAN**

Fungsi audit dalaman bagi Kumpulan telah diserahkan kepada penyedia perkhidmatan luar iaitu kepada Audit Dalaman Kumpulan syarikat induk, Felda Global Ventures Holdings Berhad. Dalam pelaksanaan tugasnya, Jawatankuasa Audit disokong oleh Audit Dalaman Kumpulan FGVH yang melapor dari semasa ke semasa kepada Jawatankuasa Audit.

Audit Dalaman Kumpulan FGVH telah menjalankan audit dalaman secara bebas untuk menilai kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan, kawalan dan tadbir urus risiko untuk menyediakan tahap jaminan yang dikehendaki oleh Lembaga.

Dalam melaksanakan audit bebas mereka, Audit Dalaman Kumpulan FGVH telah menerima pakai pendekatan audit dalaman berasaskan risiko dengan memberi tumpuan kepada penilaian bidang-bidang risiko utama. Bidang-bidang risiko utama tersebut ditakrif dalam Rancangan Audit Dalaman yang telah pun dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit.

Audit Dalaman Kumpulan FGVH juga telah melaksanakan beberapa tugas kajian proses dan audit siasatan atas permintaan Jawatankuasa Audit dan telah melaporkan hasil tugas berkenaan kepada Jawatankuasa Audit.

Pada tahun kewangan ini, Audit Dalaman Kumpulan FGVH telah menjalankan audit mengikut Rancangan Audit Dalaman yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Audit Dalaman Kumpulan FGVH mengemukakan penemuan dan saranan mereka kepada Jawatankuasa Audit pada setiap suku tahun semasa mesyuaratnya.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Audit Dalaman Kumpulan FGVH bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM1,538,081.

Laporan Jawatankuasa Audit ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang akan diluluskan pada 28 April 2014.

# ADDITIONAL COMPLIANCE INFORMATION

## MAKLUMAT PENDEDAHAN TAMBAHAN



In compliance with the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, the following information is provided:

### 1 UTILISATION OF PROCEEDS

There were no proceeds raised from corporate proposals during the financial year ended 31 December 2013.

### 2 SHARE BUY-BACKS

During the financial year ended 31 December 2013, there were no share buy-backs by the Company.

### 3 OPTION, WARRANTS OR CONVERTIBLE SECURITIES

There were no option, warrant or convertible securities issued by the Company during the financial year ended 31 December 2013.

### 4 AMERICAN DEPOSITORY RECEIPT (ADR), OR GLOBAL DEPOSITORY RECEIPT (GDR) PROGRAMME

The Company did not sponsor any ADR or GDR programme during the financial year ended 31 December 2013.

### 5 SANCTIONS

During the financial year ended 31 December 2013, there were no sanctions and/ or penalties imposed on the Company and its subsidiaries, directors or management by the relevant regulatory bodies.

### 6 NON-AUDIT FEES

The amount of non-audit fees paid and payable to the external auditors by the Company for the financial year ended 31 December 2013 was RM70,000 (31 December 2012: RM70,000)

### 7 VARIATION IN RESULTS

The Company did not release any profit estimate, forecast or projection for the financial year ended 31 December 2013.

### 8 PROFIT GUARANTEE

No profit guarantee was given by the Company in respect of the financial year ended 31 December 2013.

### 9 MATERIAL CONTRACTS

There were no material contracts or loan entered into by the Company or its subsidiaries involving directors' or major shareholders' interests, either still subsisting at the end of the financial year ended 31 December 2013 or entered into since the end of the previous financial year.

### 10 DISCLOSURE OF RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS OF REVENUE NATURE (RRPT)

The RRPT entered into by the Company during the financial year ended 31 December 2013 are as follows:

Transacting Parties	Nature of Relationship	Nature of Transaction	Transaction Value for the year ended 31 December	
			2013 (estimate) RM'000	2013 (actual) RM'000
Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM Co.) and Felda Trading Sdn Bhd (FTSB)	<b>Interested major shareholder</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF)</li> </ul> <b>Interested Director</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nil</li> </ul>	Sale of sugar from MSM to FTSB	20,000	10,616
Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad (KGFP) and Felda Trading Sdn Bhd (FTSB)	<b>Interested major shareholder</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> </ul> <b>Interested Director</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nil</li> </ul>	Sale of sugar from KGFP to FTSB	6,000	421

Transacting Parties	Nature of Relationship	Nature of Transaction	Transaction Value for the year ended 31 December	
			2013 (estimate) RM'000	2013 (actual) RM'000
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and Felda Engineering Services Sdn Bhd (FESSB)	<b>Interested major shareholder</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> <li>• FGV</li> <li>• FELDA</li> </ul> <b>Interested Director</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> </ul>	Provision of logistic and renovation services	2,000	417
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and Felda Prodata Services Sdn Bhd (FPSSB)	<b>Interested major shareholder</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> <li>• FGV</li> <li>• FAHC</li> <li>• FELDA</li> </ul> <b>Interested Director</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> <li>• Mohd Emir Mavani Abdullah</li> <li>• Dr. Suzana Idayu Wati Osman</li> </ul>	Provision of IT services	2,000	289
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGV)	<b>Interested major shareholder</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• FAHC</li> <li>• FELDA</li> </ul> <b>Interested Director</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> <li>• YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid</li> <li>• Mohd Emir Mavani Abdullah</li> <li>• Datuk Haji Faizoull Ahmad</li> <li>• Tan Sri Dato' Sabri Ahmad</li> </ul>	Management Fees and miscellaneous	5,000	3,946
KGFP and Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB)	<b>Interested major shareholder</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> <li>• FGV</li> <li>• FELDA</li> </ul> <b>Interested Director</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> <li>• Mohd Emir Mavani Abdullah</li> <li>• Tan Sri Dato' Sabri Ahmad</li> </ul>	Laboratory expenses, provision of chemicals for agricultural, provision of oil palm seedling and material mulching mat	1,000	11

# ADDITIONAL COMPLIANCE INFORMATION

## MAKLUMAT PENDEDAHAN TAMBAHAN



Maklumat berikut disediakan selaras dengan pematuhan kepada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad:

### 1 PENGGUNAAN KUTIPAN

Tiada kutipan dikumpul daripada cadangan korporat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### 2 PEMBELIAN BALIK SAHAM

Tiada pembelian balik saham oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### 3 OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Tiada opsiyen, waran atau sekuriti boleh tukar diterbitkan oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### 4 PROGRAM RESIT DEPOSITORI AMERIKA (ADR) ATAU RESIT DEPOSITORI GLOBAL (GDR)

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### 5 SEKATAN

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, tiada sekatan dan/atau denda dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikat, para pengarah atau pengurusannya oleh badan penguatkuasaan yang berkaitan.

### 6 YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar dan akan dibayar kepada juruaudit luar Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM70,000 (31 Disember 2012: RM70,000).

### 7 PERBEZAAN DALAM KEPUTUSAN

Syarikat tidak mengeluarkan sebarang anggaran, ramalan atau unjuran keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### 8 JAMINAN KEUNTUNGAN

Tiada jaminan keuntungan telah diberikan oleh Syarikat berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

### 9 KONTRAK-KONTRAK PENTING

Tiada kontrak atau pinjaman penting telah dimeterai oleh Syarikat atau anak-anak syarikatnya yang melibatkan kepentingan para pengarah atau pemegang saham utamanya, sama ada yang masih berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 atau yang dimeterai sejak akhir tahun kewangan yang lalu.

### 10 PENDEDAHAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN YANG BERULANGAN BERBENTUK HASIL (RRPT)

RRPT yang dimeterai oleh Syarikat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Pihak Berurus Niaga	Bentuk Hubungan	Bentuk Urus Niaga	Tiadaai Urus Niaga bagi tahun berakhir 31 Disember	
			2013 (anggaran) RM'000	2013 (sebenar) RM'000
Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM Co.) and Felda Trading Sdn Bhd (FTSB)	Pemegang saham utama berkepentingan <ul style="list-style-type: none"> <li>Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF)</li> <li>Pengarah Berkepentingan</li> <li>Tiada</li> </ul>	Penjualan gula daripada MSM kepada FTSB	20,000	10,616
Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad (KGFP) and Felda Trading Sdn Bhd (FTSB)	Pemegang saham utama berkepentingan <ul style="list-style-type: none"> <li>KPF</li> <li>Pengarah Berkepentingan</li> <li>Tiada</li> </ul>	Penjualan gula daripada MSM kepada FTSB	6,000	421

Pihak Berurus Niaga	Bentuk Hubungan	Bentuk Urus Niaga	Tiadaai Urus Niaga bagi tahun berakhir 31 Disember	
			2013 (anggaran) RM'000	2013 (sebenar) RM'000
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and Felda Engineering Services Sdn Bhd (FESSB)	<p><i>Pemegang saham utama berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> <li>• FGV</li> <li>• FELDA</li> </ul> <p><i>Pengarah Berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> </ul>	Penyediaan perkhidmatan logistik dan pengubahsuaian	2,000	417
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and Felda Prodata Services Sdn Bhd (FPSSB)	<p><i>Pemegang saham utama berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> <li>• FGV</li> <li>• FAHC</li> <li>• FELDA</li> </ul> <p><i>Pengarah Berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> <li>• Mohd Emir Mavani Abdullah</li> <li>• Dr. Suzana Idayu Wati Osman</li> </ul>	Penyediaan perkhidmatan IT	2,000	289
MSM Malaysia Holdings Berhad (MSMH) and Felda Global Ventures Holdings Sdn Bhd (FGV)	<p><i>Pemegang saham utama berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• FAHC</li> <li>• FELDA</li> </ul> <p><i>Pengarah Berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> <li>• YB Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid</li> <li>• Mohd Emir Mavani Abdullah</li> <li>• Datuk Haji Faizoull Ahmad</li> <li>• Tan Sri Dato' Sabri Ahmad</li> </ul>	Yuran Pengurusan dan dan lain-lain	5,000	3,946
KGFP and Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB)	<p><i>Pemegang saham utama berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPF</li> <li>• FGV</li> <li>• FELDA</li> </ul> <p><i>Pengarah Berkepentingan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad</li> <li>• Mohd Emir Mavani Abdullah</li> <li>• Tan Sri Dato' Sabri Ahmad</li> </ul>	Perbelanjaan makmal, penyediaan bahan kimia untuk pertanian, penyediaan anak benih kelapa sawit dan bahan lapisan sungkupan	1,000	11

# CARING FOR THE COMMUNITY

## MENYAYANGI MASYARAKAT



As a responsible corporate citizen, we are committed to running our business in ways that benefit our people, the environment and the communities where we operate.

We focus on projects that strengthen communities through improved education and health care, and which generate economic opportunities that help them to thrive.

*Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kami amat prihatin dalam menjalankan perniagaan kami dengan cara yang memanfaatkan masyarakat, alam sekitar dan komuniti di mana kami beroperasi.*

*Kami memfokus kepada projek-projek yang mengukuhkan masyarakat melalui usaha mempertingkatkan taraf pendidikan dan penjagaan kesihatan serta aktiviti menjana peluang ekonomi yang dapat memakmurkan kehidupan mereka.*



.....

Amount contributed in business  
tithe in 2013:  
**RM17.48 million**

*Jumlah zakat perniagaan yang  
disumbangkan pada tahun 2013:  
**RM17.48 juta***

.....





# CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Creating shared value between MSM and its people, the environment and the community defines our approach to corporate social responsibility (CSR). This philosophy helps us to develop positive relationships, to promote best practice and to strengthen the market for our products and services through local capacity-building.

Throughout our 50-year history as a corporation, including the last three years as a public listed company, we have been committed to being a responsible global citizen and conducting ourselves in ways that respect and benefit our people, the environment and the communities where we operate.

While maximising shareholders value and continuously leveraging on growth opportunities, we believe that progress also comes from the integrated approach to CSR that is embedded in our core business operations.

### Prioritising Safety and Health

MSM is deeply committed in maintaining a working environment that fosters safety and wellbeing for our employees and ultimately for our customers as well. We have established a sound framework of policies

which come under regular review, ensuring the safety of our employees and the purity of our products. We also offer a broad range of wellness programmes to help our employees stay at the peak of health.

Setting and maintaining high operational standards is the foundation of our success. MSM's Occupational Health & Safety programmes follow industry-standard best practices, which our local teams implement and monitor with the goal of reducing the risk of illness or injury in every area of our organisation.

MSM's diligent compliance with all national health, workplace safety and food safety laws and regulations reflects our commitment to being a responsible corporate citizen but also earns the trust of our shareholders, customers and employees.

Our OSHA teams stay attuned to the global regulatory and industry standards as they continually develop and review our internal policies and procedures. MSM provides all of our compliance data to the local regulatory agencies and government authorities routinely inspect our facilities. We are pleased to report that our inspection record has remained completely free of any violation to date.

In addition to regulatory inspections, we conduct internal reviews of our safety management, training programmes, and operational practices. We meet monthly to appraise and, if necessary, implement our approach to maintain the highest possible levels of safety throughout the company.

One of the risks involved in the sugar refining process is fire. MSM places special emphasis on the training of our internal fire-fighting teams, ensuring that they can respond quickly and effectively to an on-site emergency. To minimise the risk of such an event, we regularly inspect the production facilities to reduce the likelihood of a flare-up or combustion.

MSM is proud to have won the Best Director and 1st-place Best Video awards for our entry in the Video Festival of Occupational Health and Safety. The festival was organised in 2013 by the Department of Occupational Safety and Health of Penang.



### Investing in Human Capital

A workplace that invites each of its diverse members to contribute his or her unique experiences, insights and talents to the community will be enriched by its employees' contributions. At MSM, we foster an atmosphere of collaboration and creativity, in which our staff can develop both their own strengths and those of the company as a whole.

Developing a highly skilled workforce is at the root of our economic competitiveness. We strive to recruit and hire employees with core skills, and then we work with them to map out their career paths, offering flexible learning opportunities to ensure they achieve their goals. Through various formal and informal programmes, staff improve their job skills and knowledge both in classrooms and through hands-on training. Every employee receives no less than eight hours of training and development every year, a policy which adheres to ISO standards. Meanwhile, the MSM Sports Club offers staff a place to socialise and stay fit as they participate in sport and recreational activities.

### Preserving the Environment

We acknowledge our simultaneous responsibilities to operate sustainably in conserving the natural environment and to innovate so as to maximise shareholder value. Fortunately these two goals are not mutually exclusive. High quality and sustainability are integrated into every MSM business decision and practice. We are confident that operating more sustainably

delivers both financial and ecological benefits to the company, all of its stakeholders and indeed to the planet.

Our operations fall under the regulatory oversight of various Malaysian federal, state and local environmental agencies, including the Department of the Environment (DOE). We fully comply with all of the laws and regulations pertaining to emissions, management of water and air, handling and disposal of toxins and waste products, and emergency preparedness in the event of disaster. As required, we provide all compliance-related data to the local regulatory offices and undergo periodic inspection.

MSM, however, views regulatory compliance as merely the starting point for our conservation efforts. In all aspects of our operations, we strive to reduce our material consumption and recycle whenever possible. Our eyes are always open to new ways to reduce our waste products and to minimise our facilities' energy consumption. We believe it is innovations that help us run more cleanly and will ultimately boost us from the bottom line.

### Boosting Sustainability

We are making noteworthy progress as we move toward higher energy efficiency, reduced consumption of consumable materials, and minimised impact upon the environment. Our Prai sugar refinery in particular has made strides towards these goals with the deployment of new technologies.

MSM has collaborated with a nano-membrane manufacturer in the joint development of a cutting-edge nano-filtration waste treatment system to handle the discharge produced by Ion Exchange Resin (IER). The new system allows us to recycle the salt for resin-regeneration, and the remaining ingredients are filtered, thus cleansing the effluent before being discharged.

Our facilities use the lowest amount of steam in the industry, a ranking which we have been proud to hold for many years. We devised a system which includes a Mechanical Vapour Re-compressor (MVR) evaporator and a Vertical Crystallization Tower (VKT). This system

reduces the amount of cooling water that we use and the amount of heat we release into the atmosphere.

The use of local natural gas has markedly reduced the levels of carbon soot and sulphur emissions from our boiler flues. MSM was quick to recognise the environmental and financial benefits of natural gas when the resources were discovered, and we were the first in the industry to capitalise upon it.

We have also installed back pressure turbines, which enable us to generate electricity for the generation thus create our sustainability efforts on our own electrical power needs. The turbines use exhaust steam for heating, eliminating the need for additional boilers. Overall, this arrangement reduces our consumption of fossil fuel and the emission of heat and carbon dioxide into the atmosphere.

Our relentless focus on both efficiency and sustainability has resulted in a marked decrease in our consumption of resources such as fuel, electricity, lime, water and salt. These efforts have paid off in not only reduced operational costs but also decreased waste and pollution.

### Giving Back to the Community

As a subsidiary of FGV, whose largest shareholder is the Federal Land Development Authority (FELDA), MSM is part of a Group which acknowledges its place in the larger communities in which it operates, and that the wellbeing of these



communities is the fundament of our own success. Throughout our years of operation, we have developed assistance programmes to settler communities across Malaysia. MSM's profits contribute to FGV, which in turn helps to fund FELDA's community service programmes.

MSM has chosen to focus on projects that strengthen communities through improved education and health care, and which generate economic opportunities for them. Communities that are healthy and thriving create a beneficial environment for both the people and the businesses that we live and work in.

As part of our community development efforts, we offer training and personnel development programmes. We also contribute to building public infrastructure and facilities. Over the last 57 years, FELDA has recorded great successes, and Malaysia's plantation sector has become more vibrant.

In 2013, we held a groundbreaking ceremony which was done by our Chairman, YB Tan Sri Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad for the refurbishment of our surau located at the factory in Seberang Prai. The surau can accommodate up to 150 people at a time and it aims to improve facilities for the better comfort of Muslim staff at MSM and also public staying nearby.

We also visited 30 children at the Rumah Permata Kasih orphanage, Pulau Pinang, distributing a range of 'back to school' items as well as sugar and a variety of culinary products made by FGV subsidiary Delima Oil Products. We made a cash donation to the orphanage as well.

In 2013, MSM contributed RM17.48 million in business tithe to be distributed in Perlis, Pulau Pinang and Kuala Lumpur. MSM was the biggest tithe payer in Perlis and Pulau Pinang – a reflection of the Group's tremendous financial performance, especially given the fluctuating price of sugar in the world market.



One of our CSR initiatives was a visit to the Al-Ikhlas old folks nursing home in Puchong, Selangor, home to 66 residents who need 24-hour care and attention. During the visit, we made donations to the residents of both cash and products. The contribution was handed by MSM Chief Finance Officer, Raja Faridah Raja Ahmad.

A CSR presentation ceremony was also held, in Perlis with the presence of DYMM Raja Muda Perlis. Asnaf from all walks of life received various financial help, such as subsistence support, home repair assistance, *fi sabilillah* contributions (for IPT students) and assistance to maahad tahfiz.

Meanwhile, an Open Chess Challenge was held at Kilang Gula Felde Perlis (KGFP) in conjunction with the anniversary of the installation of DYMM Raja Perlis. The national rated championship attracted 280 competitors nationwide.

In the spirit of the holy month of Ramadhan, we collaborated with the Batu Bertangkup mosque in Perlis, in organising a break-fast event of which donations were given to the elderly, the poor and destitute, orphans and new converts. 'Bubur Lambuk' cooking programme was also held among our employees in Perlis, and the porridge was also distributed to personnel from the police force, fire brigade as well as various old folks homes and orphanages. Then, to celebrate Hari Raya Aidilfitri, we organised an open house for employees and their families as well as guests from government departments and the private sector from around Perlis.

In conjunction with Hari Raya Qurban, two cows were sponsored as part of Qurban activity. In the following month, our Senior Management distributed zakat dues to eligible, elderly and disabled recipients.

#### CSR from the Heart

MSM has thoughtfully devised a social investment strategy that places priority on the areas in which our people and our technologies can have the most significant effect. Our activities are aimed at having measurable impact and at establishing long-term, positive change, radiating outward from our own workplace to our marketplace, our communities, and ultimately to the natural environment which sustains us all. In 2013, as in the years past, we remained true to our central tenet of conducting our business with conscience and awareness of the larger world in which we operate.

# CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



*Pendekatan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami ditakrif melalui penglibatan kami dengan alam sekitar dan komuniti bagi mencipta nilai-nilai yang dikongsi antara MSM dan warga kerjanya. Falsafah ini membantu kami membina hubungan positif, menggalakkan amalan baik dan mengukuhkan pasaran produk dan perkhidmatan kami melalui usaha pembinaan kapasiti tempatan.*

*Sepanjang sejarah kami selama 50 tahun sebagai sebuah perbadanan, termasuk tiga tahun sebagai sebuah syarikat senarai awam, kami sentiasa komited memainkan peranan sebagai sebuah warga global yang bertanggungjawab dan menampilkan tatacara yang menghormati dan memberi manfaat kepada warga kerja kami, alam sekitar dan komuniti di mana kami beroperasi.*

*Dalam usaha kami memaksimumkan nilai pemegang saham dan terus memanfaatkan peluang pertumbuhan, kami percaya bahawa kemajuan juga boleh dicapai melalui pendekatan CSR bersepadu yang telah sebati dalam teras operasi perniagaan kami.*

### **Mengutamakan Keselamatan dan Kesihatan**

*MSM sesungguhnya amat komited dalam memelihara persekitaran kerja yang menitikberatkan keselamatan dan kesejahteraan para pekerja serta para pelanggan kami. Kami telah mewujudkan sebuah rangka kerja dasar berwibawa yang dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan kakitangan dan ketulenan produk kami. Kami juga turut menawarkan rangkaian program kesihatan yang meluas untuk membantu para pekerja kami mengekalkan tahap kesihatan yang optimum.*



*Mematuhi dan memelihara piawaian operasi yang tinggi adalah asas kejayaan kami. Program Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan MSM mematuhi piawaian amalan terbaik industri dan telah dilaksanakan dan dipantau oleh pasukan tempatan kami dengan matlamat untuk mengurangkan risiko penyakit atau kecederaan di setiap bidang dalam organisasi kami.*

*Pematuhan MSM secara teliti terhadap segala undang-undang dan peraturan kesihatan, keselamatan di tempat kerja serta keselamatan makanan nasional adalah gambaran komitmen kami sebagai sebuah warga korporat yang bertanggungjawab. Ia juga menjamin keyakinan para pemegang saham, pelanggan dan kakitangan.*

*Pasukan OSHA kami sentiasa peka terhadap kawal selia global dan piawaian industri dalam usaha mereka membangun dan mengkaji dasar dan prosedur dalaman kami. MSM menyediakan segala data pematuhannya kepada agensi penguatkuasaan tempatan manakala pihak berkuasa kerajaan turut menjalankan pemeriksaan ke atas kemudahan kami dari semasa ke semasa. Kami bangga untuk melaporkan di sini bahawa sehingga kini, rekod pemeriksaan kami kekal bersih daripada sebarang pelanggaran peraturan.*

*Selain pemeriksaan oleh pihak berkuasa, kami turut menjalankan kajian secara dalaman terhadap pengurusan keselamatan, program latihan dan amalan operasi kami. Mesyuarat bulanan diadakan untuk menaksir, dan jika perlu, untuk menerima pakai pendekatan kami dalam mengekalkan keselamatan di seluruh syarikat agar berada di tahap yang tertinggi.*

*Salah satu risiko yang dihadapi dalam proses penapisan gula adalah kebakaran. MSM memberi penekanan khusus kepada latihan pasukan kebakaran dalaman kami bagi memastikan agar mereka mampu bertindak balas secara pantas dan berkesan terhadap situasi kecemasan di tempat kejadian. Bagi meminimumkan risiko kejadian sedemikian, kami memeriksa kemudahan pengeluaran kami secara kerap untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya nyalaan atau kebakaran.*

*MSM berasa bangga kerana telah memenangi anugerah Pengarah Terbaik dan tempat pertama bagi Video Terbaik melalui penyertaan kami dalam Festival Video Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Festival tersebut dianjurkan pada tahun 2013 oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang.*



### **Melabur dalam Modal Insan**

Tempat kerja yang mengalu-alukan sumbangan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran daripada setiap ahlinya yang memiliki latar belakang yang berbeza kepada komuniti, dapat diperkayakan lagi dengan sumbangan oleh para pekerjanya. Di MSM, kami memupuk persekitaran yang merangsang kerjasama dan kreativiti di mana kakitangan kami dapat mempertingkatkan kelebihan masing-masing dan syarikat secara keseluruhan.

Membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi merupakan tunjang daya saing ekonomi kami. Kami berusaha untuk melatih dan mengambil para pekerja yang memiliki kemahiran teras. Seterusnya kami bekerjasama dengan mereka untuk merangka laluan kerjaya dengan menawarkan peluang pembelajaran yang fleksibel untuk memastikan mereka mencapai matlamat kerjaya masing-masing. Kakitangan mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan kerja mereka menerusi pembelajaran dalam kelas atau latihan secara amali menerusi pelbagai program rasmi dan tidak rasmi. Setiap pekerja mengikuti program latihan dan pembangunan selama tidak kurang daripada lapan jam setiap tahun, sejajar dengan dasar MSM yang mematuhi piawaian ISO. Di samping itu, Kelab Sukan MSM pula menawarkan persekitaran untuk bersosial dan memelihara kesihatan kepada kakitangan melalui penyertaan mereka dalam pelbagai kegiatan sukan dan rekreasi.

### **Memelihara Alam Sekitar**

Kami memperakui tanggungjawab kami untuk beroperasi secara mampan dalam memelihara persekitaran semulajadi serta mencetuskan inovasi bertujuan untuk

memaksimumkan nilai pemegang saham. Bagaimanapun, berlaku pertindihan di antara kedua-dua matlamat ini. Kualiti yang tinggi dan kemampuan disepadukan dalam setiap keputusan dan amalan perniagaan MSM. Kami yakin dengan menjalankan operasi secara lebih mampan dapat membawa manfaat dari sudut kewangan dan ekologi kepada syarikat, semua pemegang kepentingannya dan seterusnya kepada bumi kita.

Operasi kami berada di bawah pengawasan penguatkuasaan pelbagai agensi persekutuan, negeri dan alam sekitar di Malaysia, termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS). Kami mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan berkaitan pelepasan asap, pengurusan air dan udara, pengendalian dan pelupusan bahan bertoksik dan sisa serta persediaan kecemasan jika berlaku sebarang bencana. Seperti yang dikehendaki, kami mengemukakan semua data berkaitan pematuhan kepada pejabat pihak berkuasa tempatan dan turut menjalani pemeriksaan secara berkala.

Walau bagaimanapun, MSM menganggap pematuhan terhadap penguatkuasaan hanya sebagai titik permulaan dalam usaha pemuliharaan kami. Dalam semua aspek operasi, kami berusaha sekiranya berpeluang untuk mengurangkan penggunaan bahan dan menjalankan inisiatif kitar semula. Kami sentiasa mencari cara-cara baharu untuk mengurangkan bahan sisa dan meminimumkan penggunaan tenaga di kemudahan kami. Kami juga percaya bahawa inovasi yang membantu kami beroperasi dengan lebih bersih dan cekap akan terus melonjakkan asas kami.

### **Melonjakkan Kemampanan**

Kami sedang mencatatkan kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha ke arah mencapai kecekapan tenaga yang lebih tinggi, mengurangkan penggunaan bahan guna habis dan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar. Kilang penapisan gula kami di Prai telah mencapai matlamat ini menerusi penggunaan pelbagai teknologi baharu.

MSM telah bekerjasama dengan sebuah syarikat pengeluar termaju membran nano dalam satu usaha pembangunan sistem rawatan sisa penapisan nano untuk mengendalikan bahan buangan yang dikeluarkan oleh Resin Tukaran Ion (IER). Sistem baharu ini membolehkan kami mengitar semula garam untuk menghasilkan resin manakala kandungan selebihnya ditapis, justeru, dibersihkan cairan buangan sebelum disalurkan keluar.



Kemudahan kami menggunakan jumlah wap paling rendah dalam industri dan penarafan ini telah kami pegang dengan bangga sejak bertahun-tahun. Kami telah merekacipta satu sistem yang menggabungkan penyejukan Mampatan Semula Wap Mekanikal (MVR) dan sebuah Menara Penghabluran Menegak (VKT). Sistem ini mengurangkan jumlah air pendingin yang kami gunakan dan jumlah haba yang kami lepaskan ke atmosfera.

Penggunaan gas asli telah mengurangkan jelaga karbon dan pelepasan sulfur dengan ketara dari serombong dandang kami. MSM pantas dalam mengenal pasti faedah gas asli kepada alam sekitar dan kewangan sebaik sahaja sumber tersebut ditemui dan kami merupakan syarikat pertama dalam industri yang memanfaatkannya.

Sebagai salah satu usaha kemampunan yang dilaksanakan, kami telah memasang turbin tekanan balik yang membolehkan kami menjana elektrik untuk memenuhi keperluan tenaga elektrik sendiri. Penggunaan wap ekzos oleh turbin tersebut untuk pemanasan berjaya menghapuskan keperluan penggunaan dandang tambahan. Secara keseluruhan, kaedah ini mampu mengurangkan penggunaan bahan api fosil dan pelepasan haba serta karbon dioksida ke atmosfera.

Tumpuan kami yang berterusan terhadap kecekapan dan kemampunan telah menghasilkan pengurangan ketara dalam penggunaan sumber kami seperti bahan api, elektrik, kapur, air dan garam. Usaha ini telah membuahkan hasil bukan sahaja dari sudut pengurangan kos operasi, malah turut mengurangkan bahan buangan dan pencemaran.

#### **Menyumbang Semula kepada Komuniti**

Sebagai anak syarikat kepada FGV, dimana pemegang saham terbesarnya adalah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), MSM merupakan sebahagian daripada sebuah Kumpulan yang menitikberatkan kedudukannya dalam komuniti di mana ia beroperasi dan kesejahteraan komuniti tersebut adalah asas kepada kejayaan kami. Sepanjang kami beroperasi selama beberapa tahun ini, kami telah membangunkan pelbagai program bantuan untuk komuniti peneroka di seluruh Malaysia. Keuntungan yang diperoleh oleh MSM menyumbang kepada FGV yang seterusnya membantu untuk membiayai program khidmat masyarakat FELDA.

MSM memilih untuk menumpukan perhatian terhadap projek-projek yang berperanan mengukuhkan komuniti melalui penambahbaikan dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan serta dapat menjana peluang ekonomi untuk mereka. Komuniti yang sihat dan berkembang maju mampu mewujudkan persekitaran yang bermanfaat bagi masyarakat serta operasi perniagaannya.

Sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan komuniti, kami menawarkan program latihan dan pembangunan kakitangan. Kami turut menyumbang kepada pembinaan prasarana dan kemudahan awam. Sepanjang 57 tahun yang lalu, FELDA telah mencatat pelbagai kejayaan cemerlang dalam membantu memajukan sektor perladangan Malaysia.

Pada tahun 2013, kami telah mengadakan satu majlis pecah tanah yang disempurnakan oleh Pengerusi kami, YB Tan Sri Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad untuk menambah baik surau di kilang kami di Seberang Prai. Surau tersebut mampu memuatkan seramai 150 jemaah pada satu masa dan penambahbaikannya bertujuan untuk mempertingkatkan kemudahan untuk keselesaan kakitangan Muslim di MSM serta penduduk di sekitarnya.





Kami juga turut membuat kunjungan ke Rumah Permata Kasih di Pulau Pinang yang menempatkan 30 orang anak-anak yatim. Dalam program tersebut, kami telah menyumbangkan pelbagai barangan persekolahan serta pelbagai produk gula dan kulineri keluaran anak syarikat FGV, Delima Oil Products. Di samping itu, kami juga memberi sumbangan wang tunai kepada rumah anak yatim tersebut.

Pada tahun 2013, MSM telah menunaikan zakat perniagaan berjumlah RM17.48 juta untuk diagihkan di Perlis, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. MSM merupakan pembayar zakat terbesar di negeri Perlis dan Pulau Pinang – menggambarkan prestasi kewangan Kumpulan yang cemerlang, khususnya ketika persekitaran harga pasaran gula dunia yang tidak menentu.

- (b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan untuk direalisasi dalam perjalanan biasa perniagaan, nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilai kepada satu jumlah mungkin dijangkakan dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

- (a) yang mungkin menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang ketara; atau
- (b) yang mungkin menjadikan nilai dikaitkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (c) yang telah timbul dan menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang gadaian ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang mungkin menjadikan mana-mana jumlah dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) tidak timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan dilaporkan.

### SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA

Para Pengarah menganggap Felda Global Ventures Holdings Berhad, syarikat diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagai syarikat pemegang utama.



## JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi bertarikh 28 April 2014.

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD  
PENGERUSI

MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH  
PENGARAH

Kuala Lumpur

## *PENYATA PARA PENGARAH*

Kami, Tan Sri Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad dan Mohd Emir Mavani Abdullah, dua Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, set penyata kewangan dikemukakan pada muka surat 187 hingga 248 disediakan untuk memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai hal-ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965.

Maklumat tambahan dinyatakan dalam Nota 43 pada muka surat 249 telah disediakan selaras dengan Garis Panduan mengenai Perkara Khas No.1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalis dan Tidak Direalis dalam Konteks Pendedahan Selaras Dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi bertarikh 28 April 2014.

**YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
PENGERUSI

**MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH**  
PENGARAH

Kuala Lumpur

## *PERAKUAN BERKANUN*

Saya, Raja Faridah Raja Ahmad, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 187 hingga 248 adalah betul pada pendapat saya dan saya membuat perakuan ini dengan secara sedar mempercayai yang sama sebagai benar, dan selaras dengan peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

**RAJA FARIDAH RAJA AHMAD**

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui di hadapan saya oleh Raja Faridah Raja Ahmad tersebut di atas di Kuala Lumpur pada 28 April 2014, di hadapan saya.

**PESURUHJAYA SUMPAN**

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**KEPADA AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD**  
 (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)  
 (NO. SYARIKAT 935722 K)

**LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Kami telah mengaudit penyata kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad pada muka surat 187 hingga 248, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2013 Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada ketika itu, dan ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, sebagaimana dikemukakan pada Nota 1 hingga 42.

**Tanggungjawab para Pengarah Bagi Penyata Kewangan**

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana para Pengarah putuskan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian diluluskan mengenai pengauditan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan agar kami mematuhi syarat-syarat etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyataan material.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyataan material penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang berkenaan kepada penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama untuk mereka prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

**Pendapat**

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberikan gambaran sebenar dan saksama kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

**LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN BERPERATURAN LAIN**

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disusun dengan teratur selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta.
- (b) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat dalam bentuk dan kandungan sewajarnya dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang diperlukan oleh kami untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan anak-anak syarikat tidak mengandungi sebarang syarat atau sebarang ulasan kurang baik yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

*LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
KEPADA AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (SAMBUNGAN)  
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)  
(NO. SYARIKAT 935722 K)*

**LAIN-LAIN TANGGUNGJAWAB PELAPORAN**

Maklumat tambahan dinyatakan dalam Nota 43 pada muka surat 249 dinyatakan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata kewangan. Para Pengarah bertanggungjawab bagi penyediaan maklumat tambahan selaras dengan Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalis dan Tidak Direalis dalam Konteks Pendedahan Selaras dengan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia, sebagaimana dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (“Panduan MIA”) dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan disediakan dalam semua hubungan material, selaras dengan Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia.

**PERKARA-PERKARA LAIN**

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS**  
(No. AF-1146)  
Akauntan Bertauliah

**THAYAPARAN A/L S. SANGARAPILLAI**  
(No. 2085/09/14 (J))  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
28 April 2014

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Hasil	6	2,202,480	2,301,319	160,685	145,756
Kos jualan		(1,765,592)	(1,927,133)	(5,105)	(4,880)
Keuntungan kasar		436,888	374,186	155,580	140,876
Lain-lain pendapatan kendalian	7	11,270	3,498	-	-
Lain-lain keuntungan – bersih	8	1,501	3,544	-	-
Perbelanjaan jualan dan pengedaran		(57,886)	(53,608)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(42,738)	(43,529)	-	-
Lain-lain perbelanjaan kendalian		(252)	(3,254)	-	-
Keuntungan daripada operasi		348,783	280,837	155,580	140,876
Pendapatan kewangan	9	15,017	15,371	-	-
Kos kewangan	9	(4,895)	(11,049)	-	-
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	10	358,905	285,159	155,580	140,876
Zakat	11	(17,481)	(16,580)	(7,409)	(6,398)
Cukai	12	(86,747)	(66,551)	(328)	(633)
Keuntungan bagi tahun kewangan		254,677	202,028	147,843	133,845
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat		254,677	202,028	147,843	133,845
Perolehan asas/dicairkan setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (Sen)	13	36.23	28.74		

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>ASET</b>					
<b>Aset bukan semasa</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	15	445,158	398,526	544	391
Bayaran pajakan prabayar	16	565	716	-	-
Aset tidak ketara	17	651,702	652,595	135	-
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	18	-	-	2,022,929	2,022,929
Aset biologi	19	23,364	11,711	-	-
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	20	-	-	35,000	-
Penghutang	21	7,425	8,198	-	-
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>1,128,214</b>	<b>1,071,746</b>	<b>2,058,608</b>	<b>2,023,320</b>
<b>Aset semasa</b>					
Inventori	22	570,862	442,268	-	-
Penghutang	21	196,571	222,262	8	36
Cukai boleh didapati semula		5,758	6,773	1,577	1,239
Jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat	23	-	-	5,099	639
Jumlah terhutang daripada lain-lain syarikat berkaitan	24	2,536	-	-	-
Jumlah terhutang daripada lain-lain pihak berkaitan	25	-	2,885	-	-
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	20	-	-	167,000	20,000
Aset kewangan derivatif	27	-	561	-	-
Tunai dan setara tunai	28	267,154	594,555	226,492	410,431
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>1,042,881</b>	<b>1,269,304</b>	<b>400,176</b>	<b>432,345</b>
Aset dipegang untuk jualan	29	36	1,941	-	-
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>2,171,131</b>	<b>2,342,991</b>	<b>2,458,784</b>	<b>2,455,665</b>

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>					
<b>Modal dan rizab</b>					
Modal saham	30	351,490	351,490	351,490	351,490
Premium saham	31	366,765	366,765	366,765	366,765
Defisit penyusunan semula	31	(1,039,632)	(1,039,632)	-	-
Rizab relief penggabungan	31	1,733,939	1,733,939	1,733,939	1,733,939
Perolehan tertahan	31	443,635	336,584	2,175	1,958
<b>Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat</b>		<b>1,856,197</b>	<b>1,749,146</b>	<b>2,454,369</b>	<b>2,454,152</b>
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>1,856,197</b>	<b>1,749,146</b>	<b>2,454,369</b>	<b>2,454,152</b>
<b>Liabiliti bukan semasa</b>					
Liabiliti cukai tertunda	32	79,694	81,773	-	-
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>79,694</b>	<b>81,773</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Liabiliti semasa</b>					
Pemiutang	34	194,804	43,456	1,590	556
Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat	23	-	-	-	5
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	24	2,770	-	2,555	-
Jumlah terhutang kepada lain-lain pihak berkaitan	25	-	1,316	-	920
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegang utama	26	3,764	1,060	270	32
Pinjaman	35	29,000	461,000	-	-
Liabiliti cukai semasa		4,902	5,240	-	-
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>235,240</b>	<b>512,072</b>	<b>4,415</b>	<b>1,513</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>314,934</b>	<b>593,845</b>	<b>4,415</b>	<b>1,513</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>2,171,131</b>	<b>2,342,991</b>	<b>2,458,784</b>	<b>2,455,665</b>

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Nota	Modal saham (Nota 30) RM'000	Premium saham (Nota 31) RM'000	Defisit pen- yusunan semula (Nota 31) RM'000	Rizab relief penggabung- an (Nota 31) RM'000	Per- olehan tertahan (Nota 31) RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan</b>							
Pada 1 Januari 2013		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	336,584	1,749,146
<b>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</b>							
Dividen	14	-	-	-	-	(147,626)	(147,626)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	254,677	254,677
<b>Pada 31 Disember 2013</b>		<b>351,490</b>	<b>366,765</b>	<b>(1,039,632)</b>	<b>1,733,939</b>	<b>443,635</b>	<b>1,856,197</b>
Pada 1 Januari 2012		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	268,122	1,680,684
<b>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</b>							
Dividen	14	-	-	-	-	(133,566)	(133,566)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	202,028	202,028
<b>Pada 31 Disember 2012</b>		<b>351,490</b>	<b>366,765</b>	<b>(1,039,632)</b>	<b>1,733,939</b>	<b>336,584</b>	<b>1,749,146</b>



	Nota	Modal saham (Nota 30) RM'000	Premium saham (Nota 31) RM'000	Rizab relief penggabung- bungan (Nota 31) RM'000	Per- olehan tertahan (Nota 31) RM'000	Jumlah RM'000
<b>Syarikat</b>						
Pada 1 Januari 2013		351,490	366,765	1,733,939	1,958	2,454,152
<b>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</b>						
Dividen	14	-	-	-	(147,626)	(147,626)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	147,843	147,843
<b>Pada 31 Disember 2013</b>		<b>351,490</b>	<b>366,765</b>	<b>1,733,939</b>	<b>2,175</b>	<b>2,454,369</b>
<b>Pada 1 Januari 2012</b>						
Pada 1 Januari 2012		351,490	366,765	1,733,939	1,679	2,453,873
<b>Urus niaga dengan pemilik-pemilik:</b>						
Dividen	14	-	-	-	(133,566)	(133,566)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	133,845	133,845
<b>Pada 31 Disember 2012</b>		<b>351,490</b>	<b>366,765</b>	<b>1,733,939</b>	<b>1,958</b>	<b>2,454,152</b>

**PENYATA ALIRAN TUNAI**

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN</b>					
Keuntungan bagi tahun kewangan		254,677	202,028	147,843	133,845
Pelarasan bagi:					
Cukai		86,747	66,551	328	633
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		38,885	39,649	15	12
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan - bersih		(561)	(1,197)	-	-
Keuntungan atas pelupusan aset dipegang untuk jualan		(5,379)	-	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira		89	298	20	-
Pelunasan bayaran pajakan prabayar		151	69	-	-
Pelunasan aset tidak ketara		3,226	3,226	-	-
Keuntungan nilai saksama ke atas derivatif		-	(3,144)	-	-
Pendapatan dividen		-	-	(147,626)	(131,972)
Pendapatan faedah		(15,017)	(15,371)	(13,059)	(13,784)
Perbelanjaan faedah		4,895	11,049	-	-
Keterbalikan manfaat persaraan		-	(178)	-	-
Hutang lapuk dihapus kira		-	19	-	-
Keterbalikan kerosotan nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan		(28)	(529)	-	-
Pengurangan nilai dalam aset dipegang untuk jualan		807	-	-	-
Keuntungan tidak direalis ke atas terjemahan pertukaran asing		(4,345)	-	-	-
Aset biologi dihapus kira		1	11,909	-	-
Zakat		17,481	16,580	7,409	6,398
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja:		381,629	330,959	(5,070)	(4,868)
Inventori		(128,520)	(162,314)	-	-
Penghutang		32,328	(9,963)	29	(28)
Pemiutang		145,419	11,769	1,027	483
Baki pihak berkaitan		4,370	1,236	(2,730)	1,048
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) operasi		435,226	171,687	(6,744)	(3,365)
Manfaat persaraan dibayar		-	(290)	-	-
Zakat dibayar		(17,481)	(16,580)	(7,409)	(6,398)
Cukai dibayar		(88,149)	(88,777)	(666)	(2,076)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian		329,596	66,040	(14,819)	(11,839)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN</b>					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	37	(81,065)	(34,507)	(44)	(44)
Pembelian aset tidak ketara		(2,333)	–	(135)	–
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		756	3,397	–	–
Perolehan daripada pelupusan aset dipegang untuk jualan		6,511	–	–	–
Aset biologi – Tambahan		(11,654)	(11,800)	–	–
Faedah diterima		15,012	15,371	13,059	13,784
Pengurangan dalam deposit tetap disandar		–	53	–	–
Dividen diterima		–	–	147,626	131,972
Pinjaman kepada anak-anak syarikat		–	–	(202,000)	90,000
Bayaran balik pinjaman oleh anak-anak syarikat		–	–	20,000	–
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada kegiatan pelaburan		(72,773)	(27,486)	(21,494)	235,712
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>					
Pengeluaran pinjaman		476,000	1,035,400	–	–
Bayaran balik pinjaman		(908,000)	(862,700)	–	–
Dividen dibayar		(147,626)	(133,566)	(147,626)	(133,566)
Faedah dibayar		(4,598)	(11,049)	–	–
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan pembiayaan		(584,224)	28,085	(147,626)	(133,566)
<b>PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI</b>		(327,401)	66,639	(183,939)	90,307
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN</b>		594,555	527,916	410,431	320,124
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	28	267,154	594,555	226,492	410,431

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

### 1 MAKLUMAT AM

Syarikat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat awam berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 42, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dikemukakan dalam Nota 18 penyata kewangan.

Syarikat adalah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia.

Syarikat pemegangan utama adalah Felda Global Ventures Holdings Bhd (“FGVH”), syarikat yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan padas Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

### 2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Kumpulan termasuk entiti-entiti peralihan dan telah memilih untuk terus menggunakan FRS dalam tahun kewangan. Dalam tahun kewangan yang akan datang, Kumpulan akan terus menggunakan FRS. Kumpulan akan menerima pakai rangka kerja mematuhi IFRS yang baru, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) apabila Rangka Kerja MFRS diberi mandat oleh MASB. Dalam menerima pakai rangka kerja baru, Kumpulan akan menggunakan MFRS 1 “Penerimaan pakai kali pertama MFRS”.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam penyata polisi individu dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu. Ia memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontigen pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Keputusan-keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Ia juga memerlukan pengurusan untuk melaksanakan pertimbangan dalam proses menggunakan polisi-polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Bidang-bidang melibatkan tahap pertimbangan kekompleksan lebih tinggi, atau bidang-bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

(i) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2013:

- FRS 10, ‘Penyata Kewangan Disatukan’
- FRS 11 ‘Pengaturan Bersama’
- FRS 13, ‘Pengukuran Nilai Saksama’
- FRS 127 disemak, ‘Penyata Kewangan Berasingan’
- Pindaan kepada FRS 101 ‘Pembentangan perkara lain-lain pendapatan komprehensif’
- Pindaan kepada FRS 7, ‘Instrumen Kewangan: Pendedahan’
- Pindaan kepada FRS 10, 11 & 12 ‘Penyata Kewangan Disatukan, Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Lain-lain Entiti: Panduan Peralihan’.

## 2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

- (i) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2013: (sambungan)

Penerimaan pakai piawaian di atas, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan tidak mempunyai kesan kewangan ketara ke atas Kumpulan dan Syarikat, dan tidak menyebabkan perubahan ketara dalam polisi-polisi perakaunan Kumpulan, kecuali bagi piawaian-piawaian berikut yang mempunyai kesan material ke atas Kumpulan dan Syarikat:

Pindaan kepada FRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' memerlukan agar peralatan penservisan sepatutnya dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila ia digunakan lebih daripada satu tempoh dan sebagai inventori sebaliknya.

Sila rujuk kepada Nota 15 bagi kesan ke atas penyata kewangan.

- (ii) Pindaan kepada piawaian-piawaian disiarkan yang terpakai kepada Kumpulan dan Syarikat dan telah diterima pakai secara awal:

Dalam tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai secara awal Pindaan kepada FRS 136 'Kerosotan nilai aset' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2014) dan telah menggunakan piawaian ini dari tahun kewangan bermula 1 Januari 2013.

Pindaan kepada FRS 136 'Kerosotan nilai aset' mengeluarkan pendedahan-pendedahan tertentu mengenai jumlah boleh diperoleh semula unit penghasilan tunai ("CGU") yang telah dimasukkan dalam FRS 136 melalui pengeluaran FRS 13.

Kesan penerimaan pakai awal tidak ketara kepada Kumpulan dan Syarikat.

- (iii) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan kepada piawaian-piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuat kuasa dan masih belum diterima pakai secara awal:

### Berkuat kuasa dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2014

- Pindaan kepada MFRS 132 'Instrumen Kewangan: Pembentangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2014) tidak mengubah model pengimbangan semasa dalam FRS 132. Ia menjelaskan maksud 'pada masa ini mempunyai hak penolakan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang hendaklah tersedia pada hari ini (bukan kontigen ke atas peristiwa masa hadapan) dan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang bagi semua pihak satu lagi dalam perjalanan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa beberapa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang secara berkesannya bersamaan dengan penyelesaian bersih akan memenuhi kriteria pengimbangan FRS 132.
- Pindaan kepada FRS 10, FRS 12 dan FRS 127 (berkuat kuasa dari 1 Januari 2014) memperkenalkan pengecualian kepada penyatuan bagi entiti pelaburan. Entiti pelaburan adalah entiti-entiti yang tujuan perniagaannya adalah untuk melabur dana semata-mata bagi pulangan daripada peningkatan nilai modal, pendapatan pelaburan atau kedua-dua dan menilai prestasi pelaburannya berasaskan nilai saksama. Pindaan-pindaan memerlukan entiti untuk mengukur anak-anak syarikat tertentu pada nilai saksama dan bukannya menyatukannya.
- Tafsiran IC 21 'Levi' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2014) mengemukakan perakaunan bagi obligasi untuk membayar levi yang bukan merupakan cukai pendapatan. Tafsiran menjelaskan bahawa liabiliti untuk membayar levi diiktiraf apabila peristiwa obligasi berlaku. Peristiwa obligasi adalah peristiwa dikenal pasti oleh perundangan yang mencetuskan bayaran levi.

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan piawaian-piawaian di atas dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2014.

Kesan-kesan piawaian di atas pada masa ini sedang dinilai oleh para Pengarah.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

- (iii) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan kepada piawaian-piawaian sedia ada yang terpakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum berkuat kuasa dan masih belum diterima pakai secara awal: (sambungan)

#### Tarikh berkuat kuasa masih belum ditentukan

- FRS 9 'Instrumen Kewangan – Pengelasan dan Pengukuran Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan' menggantikan bahagian-bahagian MFRS 139 yang berkaitan dengan pengelasan dan pengukuran instrumen kewangan. FRS 9 memerlukan aset kewangan untuk dikelaskan kepada dua kategori pengukuran: yang diukur pada nilai saksama dan yang diukur pada kos dilunas. Penentuan dibuat pada pengiktirafan awal. Pengelasan bergantung pada model perniagaan entiti bagi mengurus instrumen kewangannya dan ciri-ciri aliran tunai kontrak instrumen. Bagi liabiliti kewangan, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan FRS 139. Perubahan utama adalah, dalam kes-kes di mana opsyen nilai saksama digunakan bagi liabiliti kewangan, sebahagian daripada perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti sendiri direkodkan dalam lain-lain pendapatan komprehensif selain daripada penyata pendapatan, melainkan ini membentuk salah padanan perakaunan. Kumpulan masih belum menilai kesan penuh FRS 9. Kumpulan juga akan menimbangankan kesan fasa-fasa FRS 9 selebihnya apabila diselesaikan oleh Lembaga.

Kesan-kesan piawaian di atas pada masa ini sedang dinilai oleh para Pengarah.

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan penting terpakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah digunakan secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan.

#### (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun. Anak-anak syarikat adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) ke atas yang mana Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mengawal entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Anak-anak syarikat disusutnilai sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindah kepada Kumpulan. Ia dinyahsatukan dari tarikh kawalan berhenti.

#### Perakaunan pengambilalihan

Kaedah pengambilalihan perakaunan digunakan untuk mengakaunkan pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan. Balasan dipindah bagi pengambilalihan anak syarikat adalah nilai saksama aset dipindah, liabiliti ditanggung bekas pemilik syarikat mengambil alih dan kepentingan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan. Balasan dipindah termasuk nilai saksama sebarang aset atau liabiliti berpunca daripada pengaturan balasan kontigen. Kos berkaitan pengambilalihan dijadikan perbelanjaan apabila ditanggung. Aset-aset boleh dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti kontigen diambil alih dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap kepentingan bukan mengawal. Kumpulan mengiktiraf mana-mana kepentingan bukan mengawal dalam syarikat mengambil alih atas dasar pengambilalihan-demi-pengambilalihan, sama ada pada nilai saksama atau bahagian berkadar kepentingan bukan mengawal daripada jumlah diiktiraf aset bersih boleh dikenal pasti syarikat diambil alih. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan mengawal terdiri daripada jumlah dikira pada tarikh kombinasi dan bahagian daripada perubahannya dalam ekuiti anak syarikat sejak tarikh kombinasi.

Sekiranya kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, tarikh pengambilalihan nilai saksama kepentingan ekuiti dipegang sebelumnya syarikat mengambil alih dalam syarikat diambil alih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui keuntungan atau kerugian.

Sebarang balasan kontigen yang akan dipindah oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan-perubahan berikutnya kepada nilai saksama balasan kontigen yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf selaras dengan FRS 139 sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai perubahan kepada lain-lain pendapatan komprehensif. Balasan kontigen yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya diakaunkan dalam ekuiti.

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat (sambungan)

##### Perakaunan pengambilalihan (sambungan)

Lebih balasan dipindah, jumlah mana-mana kepentingan bukan mengawal dalam syarikat diambil alih dan tarikh pengambilalihan nilai saksama akan mana-mana kepentingan ekuiti sebelum ini dalam syarikat diambil alih ke atas nilai saksama aset bersih boleh dikenal pasti diambil alih diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya jumlah balasan dipindah, kepentingan bukan mengawal diiktiraf dan kepentingan dipegang sebelum ini diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih dalam kes tawaran pembelian, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian (Nota 3(d)).

##### Perakaunan dengan syarikat-syarikat terdahulu

Pengambilalihan anak-anak syarikat dan perniagaan-perniagaan di bawah kawalan bersama yang memenuhi syarat-syarat penggabungan diakaunkan dengan menggunakan asas perakaunan terdahulu

Urus niaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalis ke atas urus niaga antara syarikat-syarikat Kumpulan dihapus kira, kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh diperolehi semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan kekonsistenan dengan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Semua perolehan dan kerugian anak syarikat dikaitkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan mengawal, walaupun sekiranya pengaitan kerugian kepada kepentingan bukan mengawal mengakibatkan baki debit dalam kepentingan bukan mengawal.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat ditunjukkan pada kos tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Di mana petunjuk kerosotan nilai wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya (Nota 3(g)).

Di bawah kaedah perakaunan syarikat-syarikat terdahulu, keputusan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berlaku di sepanjang tahun kewangan semasa atau sebelumnya dari tarikh apabila entiti berada di bawah kawalan pihak mengawal bersama (sekiranya lebih pendek). Aset dan liabiliti digabung diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh penyatuan. Atas penyatuan, perbezaan di antara nilai dibawa pelaburan dalam anak-anak syarikat ke atas nilai nominal saham-saham dibeli dimasukkan sebagai rizab relief penggabungan dan dianggap sebagai rizab tidak boleh diagih. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan jumlah dibawa aset bersih diambil alih dimasukkan secara langsung kepada defisit penyusunan semula.

#### (b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam anak-anak syarikat tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diakaunkan sebagai urus niaga ekuiti – iaitu, sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik dalam keupayaan mereka sebagai pemilik-pemilik. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang balasan dibayar dan saham berkenaan diambil alih nilai dibawa aset bersih anak syarikat direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan bukan mengawal juga direkodkan dalam ekuiti.

#### (c) Pelupusan anak-anak syarikat

Apabila Kumpulan berhenti mempunyai kawalan mana-mana kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksamanya pada tarikh apabila kawalan hilang, dengan perubahan dalam jumlah dibawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama adalah jumlah dibawa pada awal bagi tujuan perakaunan berikutnya bagi kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Selain itu, sebarang jumlah diiktiraf sebelum ini dalam lain-lain pendapatan komprehensif berhubung dengan entiti tersebut diakaunkan seolah-olah Kumpulan secara langsung telah melupuskan aset atau liabiliti berkaitan. Ini mungkin bermaksud jumlah diiktiraf sebelum ini dalam lain-lain pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (d) Muhibah

Muhibah mewakili lebih kos pengambilalihan anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti dikawal bersama ke atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersihnya yang boleh dikenal pasti termasuk liabiliti kontigen pada tarikh pengambilalihan. Muhibah atas pengambilalihan berhubung dengan anak syarikat dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai aset tidak ketara, atau sekiranya timbul berhubung dengan syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama, dimasukkan dalam pelaburan dalam syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama.

Untuk tujuan pengujian kerosotan nilai, muhibah diambil alih dalam kombinasi perniagaan diperuntukkan kepada setiap unit penghasilan tunai ("CGU"), atau kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi-sinergi kombinasi. Setiap unit atau kumpulan unit kepada yang mana muhibah diperuntukkan mewakili tahap paling rendah dalam entiti pada mana muhibah diawasi bagi tujuan pengurusan dalaman.

Semakan kerosotan nilai muhibah dilaksanakan secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan potensi kerosotan nilai. Nilai dibawa muhibah dibandingkan dengan jumlah boleh diperoleh semula, yang merupakan nilai dalam penggunaan dan nilai saksama yang mana lebih tinggi tolak kos untuk menjual. Sebarang kerosotan nilai diiktiraf dengan serta-merta sebagai perbelanjaan dan tidak diterbalikkan kemudiannya.

#### (e) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan diukur atas pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tidak ketara diperoleh dalam kombinasi perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dinyatakan pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada sebagai pasti atau tidak pasti. Aset tidak ketara dengan hayat pasti dilunas atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat ekonomi berguna dan dinilai bagi kerosotan nilai di mana sahaja terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara mungkin rosot nilai.

Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semulanya sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat polisi-polisi perakaunan penting Nota 3(l) mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti disemak sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset tidak ketara dengan hayat berguna tidak pasti dan aset tidak ketara di bawah pembangunan tidak dilunas tetapi diuji bagi kerosotan nilai secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin rosot nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit penghasilan tunai. Hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak pasti juga disemak secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna terus menjadi boleh disokong.

#### (i) Jenama

Jenama diperoleh berkaitan dengan jenama gula 'Prai' telah diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Jenama mempunyai hayat berguna pasti dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul. Pelunasan dikira dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang hayat jenama dijangka 20 tahun.

#### (ii) Perisian

Perisian ini berkait dengan pembangunan sistem IT yang bermula dalam tahun kewangan semasa. Pelunasan akan dikira dengan menggunakan kaedah garisan lurus ke atas hayat perisian dijangka 5 tahun.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan jumlah dibawa aset dan dimasukkan dalam 'lain-lain pendapatan kendalian', dalam keuntungan atau kerugian.



### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (f) Aset kewangan

##### Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori-kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan pinjaman dan penghutang. Pengelasan bergantung atas tujuan untuk apa aset kewangan telah diperolehi. Pengurusan menentukan pengelasan aset kewangannya pada pengiktirafan awal.

##### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperolehi atau ditanggung terutamanya untuk tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif-derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia ditetapkan sebagai pelindung nilai. Aset-aset dalam kategori ini dikelaskan sebagai aset semasa sekiranya dijangka akan diselesaikan dalam masa 12 bulan; jikalau tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

Derivatif-derivatif pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif ditandatangani dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksamanya. Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian terhasil bergantung sama ada derivatif dinamakan sebagai instrumen melindungi nilai, dan sekiranya demikian, sifat perkara telah dilindungi nilai. Kumpulan tidak menggunakan perakaunan melindungi nilai dalam akhir tahun kewangan.

##### (ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan, yang dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan terdiri daripada 'penghutang, 'pinjaman daripada anak-anak syarikat', "jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat", "jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan", "jumlah terhutang daripada pihak-pihak berkaitan" dan 'tunai dan baki bank' dalam penyata kedudukan kewangan (Nota 20, 21, 23, 24, 25 dan 28).

##### Pengiktirafan dan pengukuran awal

Pembelian dan jualan biasa aset kewangan diiktiraf pada tarikh-perdagangan, tarikh bila mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset

Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama campur kos urus niaga bagi semua aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dijadikan perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

##### Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan-kesan terjemahan mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana perubahan timbul.

##### Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat atau telah dipindah dan Kumpulan telah memindah sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan.

Penghutang yang difaktorkan kepada bank-bank dan lain-lain institusi kewangan dengan rekursa kepada Kumpulan tidak lagi diiktiraf sehingga tempoh rekursa telah tamat dan risiko dan ganjaran penghutang telah dipindah sepenuhnya. Tunai sepadan diterima daripada institusi kewangan direkodkan sebagai pinjaman.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (f) Aset kewangan (sambungan)

##### Pengimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan jumlah diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

#### (g) Kerosotan nilai aset kewangan

##### Aset dinyatakan pada kos dilunas

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah terjejas dan kerugian penjejasan nilai ditanggung hanya sekiranya terdapat bukti objektif penjejasan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan betul.

Kriteria yang Kumpulan gunakan untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif kerugian penjejasan nilai termasuk:

- Kesukaran kewangan ketara pembuat terbitan atau pemikul tanggungjawab;
- Pemungkiran kontrak, seperti pemungkiran atau delinkuens dalam faedah atau bayaran pokok;
- Kumpulan, atas alasan ekonomi atau undang-undang berkaitan dengan kesukaran kewangan peminjam, memberi kepada peminjam konsesi yang pemberi pinjaman tidak akan pertimbangkan sebaliknya;
- Ia menjadi berkemungkinan bahawa peminjam akan mengisytiharkan kebangkrapan atau lain-ain penyusunan semula kewangan;
- Kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kesukaran kewangan; atau
- Data boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada portfolio aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut, walaupun pengurangan masih belum dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam portfolio, termasuk:
  - (i) Perubahan kurang baik dalam status bayaran peminjam dalam portfolio; dan
  - (ii) Keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berkait dengan pemungkiran ke atas aset dalam portfolio.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang tidak ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Sekiranya pinjaman atau pelaburan dipegang sehingga matang mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun bagi mengukur mana-mana kerugian kerosotan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa ditentukan di bawah kontrak. Sebagai suai manfaat yang praktikal, Kumpulan mungkin mengukur kerosotan nilai atas dasar nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf (seperti penambahbaikan dalam penarafan kredit penghutang), keterbalikan kerugian kerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Apabila aset menjadi tidak boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan berkaitan. Aset-aset sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur diperlukan telah selesai dilaksanakan dan jumlah kerugian telah ditentukan.

#### (h) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, campur, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung.

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (h) Liabiliti kewangan (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan kecuai bagi derivatif, sekiranya ada, yang diukur pada nilai saksama.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Yuran dibayar atas pewujudan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan telah dikeluarkan. Dalam kes ini, yuran ditunda sehingga pengeluaran berlaku. Sehingga tahap tidak ada bukti yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan akan dikeluarkan, yuran dipermodalkan sebagai prabayaran bagi perkhidmatan mudah tunai dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan kepada mana ia berkait.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset-aset yang layak, yang mana aset-aset yang perlu mengambil tempoh yang lama untuk sedia bagi kegunaan atau jualan dihasratkan, adalah ditambah kepada kos aset-aset tersebut, sehingga masa tertentu apabila aset-aset sebahagian besarnya sedia bagi kegunaan atau jualan dihasratkan.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh dalam mana ia ditanggung.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada diganti oleh liabiliti yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma-terma yang berbeza secara ketaranya, atau terma-terma liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, seperti pertukaran atau modifikasi dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam jumlah dibawa masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

#### (i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan nilai. Kos perkara hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuklah harga pembeliannya dan mana-mana kos yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembawaan masuk aset ke kawasan dan keadaan yang perlu bagi membolehkan ia beroperasi dalam cara yang dihasratkan oleh pengurusan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak.

Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dikaitkan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh diukur dengan betul. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak pasti dan aset sedang dalam pembinaan tidak disusutnilaikan sehingga aset sedia untuk kegunaan dihasratkannya.

Alat ganti utama, peralatan tunggu sedia dan peralatan penservisan dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan selain daripada inventori apabila ia dijangka akan digunakan lebih daripada satu tempoh.

Lain-lain hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai baki selebihnya sepanjang anggaran hayat bergunanya.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****(i) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)**

Kadar tahunan utama digunakan diringkaskan seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	66 – 99 tahun
Bangunan	5 – 20 tahun
Loji dan mesin	3 – 20 tahun
Perabot, pemasangan, peralatan dan kenderaan bermotor	3 – 11 tahun

Nilai baki aset-aset dan hayat berguna disemak, dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan berhenti pada penyahiktirafan dan pengelasan sebagai dipegang untuk jualan yang mana lebih awal. Susut nilai ke atas aset sedang dalam pembinaan bermula apabila aset sedia untuk kegunaannya yang dihasratkan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan jumlah dibawa dan dimasukkan dalam lain-lain pendapatan kendalian dalam penyata pendapatan komprehensif.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semulanya sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat polisi-polisi perakaunan penting nota 3(l) mengenai kerosotan nilai aset bukan kewangan.

**(j) Aset biologi**

Aset biologi dinyatakan pada kos sejarah tolak kerugian kerosotan nilai terkumpul. Aset biologi terdiri daripada kos pembangunan penanaman baru ditanggung bagi penanaman baru getah, kelapa sawit dan lain-lain tanaman yang diakaunkan di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah penyelenggaraan modal, kos pembangunan penanaman baru ditanggung (sebagai contoh pembersihan tanah, penanaman dan penjagaan pokok-pokok) sehingga tempoh matangnya dipermodalkan dan tidak dilunas.

Walau bagaimanapun, kos dipermodalkan akan dilunaskan kepada penyata pendapatan komprehensif atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan selebihnya sekiranya aset biologi ditanam atas tanah pegangan pajak dan tempoh pajakan selebihnya adalah lebih pendek daripada hayat berguna ekonomi aset biologi.

Apabila kawasan ditanam semula dengan tanaman berbeza, kos dipermodalkan sebelum ini di kawasan tersebut dijadikan perbelanjaan kepada penyata pendapatan komprehensif.

Perbelanjaan penanaman semula, yang mewakili kos ditanggung dalam menanam semula tanaman yang sama di atas kawasan-kawasan ditanam sedia ada, dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh kewangan dalam mana perbelanjaan ditanggung.

Kos tapak semaian terdiri daripada kos pembenihan kelapa sawit dan getah dan kos pembangunan berkaitan ditanggung (sebagai contoh pembajaan dan pembersihan rumput-rumpai) dalam menyediakan tapak semaian.

Kos tapak semaian berkaitan penanaman baru dipindah kepada perladangan kelapa sawit dan getah selepas mencapai tahap kematangan tertentu, yang adalah di antara 10 hingga 12 bulan bagi kelapa sawit dan 5 hingga 6 bulan bagi getah, manakala lain-lain jenis (dijual semula atau ditanam semula) dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (k) Inventori

Inventori yang terdiri daripada bahan mentah, kerja dalam pelaksanaan, barangan siap, molases dan barangan pakai habis dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah.

Kos ditentukan atas dasar purata wajaran kos. Kos bahan mentah terdiri daripada kos berkaitan tanah barangan dibeli dan dalam hal kerja dalam pelaksanaan dan barangan siap, termasuk bahan, buruh langsung, lain-lain caj langsung dan perkadaran sewajarnya overhead kilang. Barangan pakai habis terdiri daripada kos pembelian asal.

Nilai boleh direalis bersih mewakili anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos jualan dan pengedaran dan lain-lain anggaran kos sehingga penyediaan.

#### (l) Kerosotan nilai aset bukan kewangan

Aset-aset yang mempunyai hayat berguna tidak pasti sebagai contoh muhibah atau aset tidak ketara tidak sedia untuk kegunaan, adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji secara tahunan bagi kerosotan nilai, atau apabila peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan berlaku menunjukkan bahawa kerosotan nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset bukan semasa, termasuk aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti, disemak bagi kerosotan nilai apabila peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah dibawa mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf bagi jumlah yang mana jumlah dibawa aset melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya.

Kerugian kerosotan nilai dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif. Jumlah boleh diperolehi semula adalah nilai saksama aset tolak kos untuk menjual yang mana lebih tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menilai kerosotan nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap paling rendah untuk yang mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset-aset yang telah rosot nilai kecuali muhibah disemak bagi keterbalikan yang mungkin akan kerosotan nilai pada setiap tarikh pelaporan.

#### (m) Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara-perkara yang diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini, cukai masing-masing juga diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah jumlah dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar balik berhubung dengan keuntungan boleh dicukai bagi tahun kewangan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh penyata kedudukan kewangan dalam negara-negara di mana anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan beroperasi menghasilkan pendapatan boleh dicukai.

Cukai tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia untuk digunakan terhadap perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara timbul di antara jumlah dikaitkan kepada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diakaunkan sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan yang pada masa urus niaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai. Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal sebelum akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan terpakai apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu, kecuali bagi liabiliti cukai pendapatan tertunda di mana pemasaan daripada keterbalikan perbezaan sementara dikawal oleh Kumpulan dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan diterbalikkan pada masa hadapan boleh diramal.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (m) Cukai pendapatan semasa dan tertunda (sambungan)

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan cukai pendapatan diseimbangkan apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa sekali lagi liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan cukai dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama sama ada entiti boleh dicukai atau entiti-entiti boleh dicukai yang berlainan di mana terdapat hasrat untuk menyelesaikan baki atas dasar bersih.

Manfaat daripada elaun pelaburan semula diiktiraf apabila kredit cukai digunakan dan tiada aset cukai tertunda diiktiraf apabila kredit cukai tersedia.

#### (n) Zakat

Kumpulan mengiktiraf obligasi-obligasinya ke arah bayaran zakat ke atas perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf bila dan apabila Kumpulan mempunyai obligasi zakat semasa berpunca daripada taksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan ditaksir apabila anak syarikat telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, iaitu bagi tempoh dikenali sebagai "haul (tempoh layak)".

Kadar zakat digubal atau sebahagian besarnya digubal sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat ke atas perniagaan, sebagaimana ditentukan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bagi 2013 adalah 2.5% daripada asas zakat. Asas zakat Kumpulan ditentukan dengan menggunakan kaedah modal kerja dikira berdasarkan aset semasa bersih, diselaraskan bagi perkara-perkara yang tidak memenuhi syarat-syarat bagi aset dan liabiliti zakat. Zakat ke atas perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat ditaksir diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan dalam mana ia ditanggung.

#### (o) Mata wang asing

##### Mata wang kefungsiian dan mata wang pembentangan

Perkara-perkara termasuk dalam penyata kewangan Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang daripada persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti beroperasi ('mata wang kefungsiian'). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang kefungsiian dan mata wang pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

##### Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing adalah diterjemahkan kepada mata wang kefungsiian dengan menggunakan kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana perkara-perkara diukur semula. Keuntungan dan kerugian mata wang asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasi dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Kuntungan dan kerugian mata wang asing berkaitan dengan pinjaman dan tunai dan setara tunai dibentangkan dalam penyata pendapatan komprehensif dalam 'lain-lain perbelanjaan kendalian'. Keuntungan dan kerugian mata wang asing berkaitan dengan kontrak hadapan mata wang asing dibentangkan dalam penyata pendapatan komprehensif dalam "lain-lain (kerugian)/keuntungan – bersih".

#### (p) Pengiktirafan hasil

Hasil terdiri daripada nilai diinvois bagi jualan barangan, tolak cukai jualan, rebat dan diskaun dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf selepas penghantaran barangan, apabila risiko ketara dan ganjaran pemilikan barangan dipindahkan kepada pembeli.

Subsidi boleh diterima daripada Kerajaan Malaysia bagi barangan dijual berkaitan dengan perbezaan di antara anggaran harga pasaran dan harga dikawal ditentukan oleh Kerajaan bagi jualan gula bertapis dalam pasaran domestik terhad kepada jumlah yang dipersetujui dengan Kerajaan atas dasar tahunan. Subsidi dipersetujui dengan Kerajaan atas dasar tahunan dan dikreditkan kepada penyata pendapatan komprehensif dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada hasil dalam tempoh perakaunan dalam mana jualan barangan sepadan diiktiraf.

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (p) Pengiktirafan hasil (sambungan)

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Apabila pinjaman dan penghutang rosot nilai, Kumpulan mengurangkan jumlah dibawa kepada jumlah boleh diperolehi semulanya, merupaka anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal instrumen, dan terus meleraikan diskaun sebagai pendapatan faedah. Pendapatan faedah ke atas pinjaman rosot nilai dan penghutang diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan asal.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang-pemegang saham untuk menerima dibuktikan.

#### (q) Pengagihan dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila dicadangkan atau diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

#### (r) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai termasuk tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, lain-lain pelaburan jangka pendek amat mudah ditunaikan dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang, dan overdraf bank. Overdraf bank ditunjukkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.

#### (s) Pajakan

##### Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindah sebahagian besar kepada Kumpulan semua risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan kendalian pajakan kewangan dalam cara yang sama sebagai pajakan lain-lain aset dan ciri-ciri pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakan. Semua pajakan yang tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

##### Pajakan kewangan

Bayaran pajakan kewangan dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan. Agregat manfaat insentif disediakan oleh pemajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garisan lurus.

Apabila pajakan kendalian ditamatkan sebelum tempoh pajakan telah tamat, sebarang bayaran diperlukan untuk dibuat kepada pemajak melalui penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana penamatan berlaku.

Kos langsung awal ditanggung oleh Kumpulan dalam berunding dan mengatur pajakan kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila ditanggung.

Bayaran bagi hak untuk mengguna tanah dan bangunan sepanjang tempoh ditentukan terlebih dahulu, sekiranya ia memenuhi keperluan pajakan kendalian, dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan nilai terkumpul. Bayaran pajakan prabayar dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan berkisar dari 15 hingga 49 tahun.

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama hartanah dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum yang mana lebih rendah.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (s) Pajak (sambungan)

##### Pajak kewangan (sambungan)

Setiap bayaran pajak diperuntukkan di antara caj liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti yang selebihnya. Obligasi-obligasi sewa yang sepadan, tolak caj kewangan, dimasukkan dalam lain-lain pemiutang jangka panjang. Ciri faedah kos kewangan dicaj kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajak untuk menghasilkan kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Hartanah, loji dan peralatan diperoleh di bawah pajak kewangan disusutnilaikan sepanjang hayat berguna dan tempoh pajak aset yang mana lebih pendek.

Kos langsung awal ditanggung oleh Kumpulan dalam merundingkan dan mengatur pajak kewangan ditambah kepada jumlah dibawa aset dipajak dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajak atas dasar yang sama seperti perbelanjaan pajak.

#### (t) Manfaat kakitangan

##### (i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan berupa wang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

##### (ii) Pelan caruman dinyatakan

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan manfaat selepas perkhidmatan di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya mana-mana daripada dana tidak mempunyai aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif sebagaimana ditanggung.

Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman tertentu kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

##### (iii) Pelan manfaat

Pelan manfaat dinyatakan adalah pelan persaraan yang mentakrifkan jumlah manfaat persaraan yang akan dibayar, kebiasaannya sebagai fungsi satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat ditakrifkan tidak dibiayai bagi kakitangan-kakitangan yang berkenaan. Di bawah pelan, manfaat persaraan adalah boleh ditentukan melalui rujukan kepada gaji akhir dan tahun perkhidmatan kakitangan-kakitangan, dan perlu dibayar selepas mencapai umur persaraan biasa.

Liabiliti manfaat dinyatakan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan tolak nilai saksama aset pelan, diselaraskan bagi keuntungan/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan masa lepas tidak lagi diiktiraf. Kumpulan menentukan nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan dengan kekerapan mencukupi seperti jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan adalah tidak berbeza secara material daripada jumlah yang mungkin telah ditentukan pada akhir tempoh pelaporan. Penilaian aktuari terakhir telah dijalankan pada 10 April 2009.

Nilai semasa obligasi manfaat dinyatakan, dikira dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjurkan, telah ditentukan oleh aktuari bebas, dengan mendiskaunkan anggaran aliran keluar tunai masa hadapan dengan menggunakan kadar hasil pasaran pada akhir tempoh pelaporan ke atas bon-bon kerajaan yang mempunyai mata wang dan terma-terma kepada kematangan menyamai terma-terma obligasi manfaat dinyatakan.



### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (t) Manfaat kakitangan (sambungan)

##### (iii) Pelan manfaat (sambungan)

Keuntungan dan kerugian aktuari timbul daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian-andaian aktuari dicaj atau dikreditkan kepada ekuiti dalam lain-lain pendapatan komprehensif dalam tempoh dalam mana ia timbul.

Kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan lepas dan kos faedah diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (iv) Manfaat penamatan

Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan perlu dibayar balik sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ianya secara boleh digambarkan komited untuk menamatkan perkhidmatan kakitangan-kakitangan semasa mengikut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan penarikan balik yang realistik.

#### (u) Instrumen ekuiti

Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf dalam tempoh dalam mana ia diisytiharkan.

Kos urus niaga daripada urus niaga ekuiti diakaunkan sebagai penolakan daripada ekuiti, tolak cukai. Urus niaga ekuiti terdiri hanya daripada kos luaran tambahan secara langsung boleh dikaitkan kepada urus niaga ekuiti yang akan sebaliknya dielakkan.

#### (v) Liabiliti kontigen

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen adalah kemungkinan obligasi yang timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa hadapan tidak pasti yang di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontingen juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh diukur dengan betul.

#### (w) Pelaporan berseghmen

Maklumat segmen dibentangkan dalam cara yang seimbang dengan pelaporan dalaman yang disediakan oleh ketua pembuat keputusan kendalian. Ketua pembuat keputusan kendalian, yang bertanggungjawab bagi memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen kendalian, telah dikenal pasti sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

#### (x) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif berpunca daripada peristiwa lepas;
- ia berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi; dan
- anggaran yang betul jumlah boleh dibuat.

Di mana Kumpulan menjangkakan peruntukan akan dibayar balik (sebagai contoh, di bawah kontrak insurans), bayaran balik diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila bayaran balik adalah hampir pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian kendalian masa hadapan.

Di mana terdapat beberapa obligasi serupa, kemungkinan bahawa aliran keluar akan diperlukan dalam penyelesaian ditentukan dengan menimbangkan kelas obligasi secara menyeluruh. Peruntukan diiktiraf walaupun sekiranya kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana satu perkara dimasukkan dalam kelas obligasi yang sama mungkin kecil.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

### 3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### (x) Provisions (sambungan)

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar pra-cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada obligasi. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh berlalunya masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

#### (y) Kontrak membebaskan

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi kontrak-kontrak membebaskan apabila manfaat dijangka untuk diperoleh daripada kontrak adalah kurang daripada kos memenuhi obligasi yang tidak dapat dielakkan di bawah kontrak.

#### (z) Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan apabila jumlah dibawanya akan diperoleh semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan jualan dianggap amat berkemungkinan. Ia dinyatakan pada jumlah dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual.

### 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

#### (a) Polisi pengurusan risiko kewangan

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran (termasuk risiko mata wang asing, risiko harga komoditi dan risiko kadar faedah), risiko kredit dan risiko mudah tunai timbul daripada kegiatan perniagaannya. Strategi pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan cuba untuk meminimumkan kesan-kesan kurang baik daripada ketidakbolehan diramal pasaran kewangan ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif berkenaan untuk melindungi nilai risiko daripada pendedahan komersial sedemikian dan untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan risiko bagi mengurangkan risiko-risiko sedemikian secara berkesan. Instrumen kewangan derivatif sedemikian tidak dipegang bagi perdagangan atau untuk tujuan spekulatif.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh bagi memantau pengurusan risiko kewangan yang termasuk pengenalanpastian risiko, operasi atau strategik, dan pelan-pelan tindakan berikutnya untuk menguruskan risiko-risiko ini. Pengurusan bertanggungjawab bagi mengenal pasti, mengawasi dan mengurus pendedahan risiko Kumpulan.

#### Risiko pasaran

##### (i) Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan terdedah kepada risiko mata wang berpunca daripada urus niaga mata wang asing dimasuki selain daripada mata wang kefungsiannya.

Kumpulan memasuki kontrak mata wang asing hadapan untuk menghadkan pendedahannya ke atas penghutang dan pemiutang didenominasikan dalam mata wang asing.

Analisis kesensitifan telah dilaksanakan berdasarkan mata wang asing belum dijelas yang mendenominasikan perkara monetari pada akhir tahun. Sekiranya USD mengukuh atau menjadi lemah sebanyak 10% berbanding dengan RM dengan semua angka boleh ubah kekal tidak berubah, keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan akan merosot atau meningkat sebanyak RM6,366,449 (2012: RM8,291,276).

##### (ii) Risiko harga komoditi

Kumpulan terdedah kepada harga gula mentah yang tertakluk kepada naik turun disebabkan oleh faktor-faktor tidak boleh diramal seperti cuaca, perubahan dalam permintaan global, pengeluaran global dan harga gula mentah. Kumpulan tidak mempunyai kawalan ke atas harga jualan sebanyak 69% (2012: 80%) daripada jualan gula bertapisnya kepada pelanggan perindustrian dan runcit. Pada sela masa berkala, Kerajaan menetapkan harga jualan dan subsidi berkaitan. Bermula dari Oktober 2013, Kerajaan telah menghapuskan subsidi gula kecuali bagi Malaysia Timur.

#### 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

##### (a) Pengurusan risiko kewangan (sambungan)

###### Risiko pasaran (sambungan)

##### (ii) Risiko harga komoditi (sambungan)

Pengurusan bertanggungjawab untuk mengawal pendedahan Kumpulan kepada kos input gula mentah terhadap harga jualan gula bertapis yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pengurusan bermesyuarat dengan kerap untuk menyemak keperluan gula mentahnya dan trend harga dan kemudiannya memutuskan apabila untuk membeli dan harga konsainan gula mentah agar margin penapisan dikunci untuk memastikan keuntungan dibajetkan dipenuhi.

Pengurusan juga menandatangani kontrak jangka panjang dengan pembekal bagi bekalan gula mentah yang menetapkan harga gula mentah untuk tempoh masa tertentu. Selain itu, pengurusan melindungi nilai bahagian daripada keperluan gula mentahnya melalui kontrak hadapan gula.

Tidak ada kontrak niagaan hadapan gula belum diselesaikan pada 31 Disember 2013 dan dengan yang demikian, tiada kesan kepada keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan sekiranya harga gula mentah meningkat atau merosot sebanyak 10% dengan semua angka boleh ubah lain kekal tidak berubah (2012: keuntungan sebelum cukai dan ekuiti Kumpulan meningkat atau merosot sebanyak RM1,335,234).

##### (iii) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pinjaman dan deposit tetap Kumpulan dan Syarikat adalah pada kadar faedah tetap dan dengan itu, Kumpulan tidak terdedah kepada risiko kadar faedah aliran tunai.

Pada 31 Disember 2013, Kumpulan dan Syarikat tidak terdedah kepada risiko kadar faedah.

##### Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko bahawa pihak satu lagi akan memungkirkan obligasi-obligasi kontraknya mengakibatkan kerugian kewangan kepada Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat menerima pakai polisi dalam berurusan dengan pelanggan-pelanggan dengan sejarah kredit yang sesuai, dan memperoleh cagaran mencukupi termasuk jaminan bank dan bayaran pendahuluan di mana sesuai untuk mengurangkan risiko kredit. Anggaran pendedahan maksimum menyamai dengan jumlah dibawa aset kewangan.

Selain itu, pendedahan penghutang perdagangan terus diawasi dan disusuli dengan teliti oleh jabatan kewangan dan pemasaran. Dua belas pelanggan utama Kumpulan terdiri daripada 60% penghutang perdagangan pada 31 Disember 2013.

Kumpulan cuba untuk melabur dalam aset tunainya secara selamat dengan mendepositkannya dengan institusi-institusi kewangan berlesen.

Baki bank dan tunai Kumpulan sebahagian besarnya diletakkan dengan institusi-institusi kewangan utama di Malaysia. Para Pengarah berpendapat bahawa kemungkinan ketidaklaksanaan oleh institusi-institusi kewangan ini, termasuk institusi-institusi kewangan bukan bertaraf tersebut, adalah amat kecil berdasarkan kekukuhan kewangannya.

##### Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai adalah risiko bahawa Kumpulan akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi obligasi-obligasi disebabkan oleh kekurangan dana. Kumpulan mengekalkan tahap tunai dan setara tunai mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja Kumpulan dengan mengawasi secara teliti aliran tunainya. Disebabkan oleh sifat perniagaannya, Kumpulan telah menerima pakai pengurusan risiko mudah tunai berhemah dalam mengekalkan dan memperoleh kemudahan kredit mencukupi daripada institusi-institusi kewangan.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(a) Pengurusan risiko kewangan (sambungan)****Risiko mudah tunai (continued)**

Peramalan aliran tunai dilaksanakan dalam entiti-entiti kendalian Kumpulan dan kemudiannya diagregatkan oleh pengurusan. Pengurusan mengawasi ramalan berkisar keperluan mudah tunai Kumpulan untuk memastikan ia mempunyai tunai mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi manakala mengekalkan lebih mencukupi ke atas kemudahan pinjaman komited tidak dikeluarkannya pada sepanjang masa agar Kumpulan tidak melanggar had atau waad pinjaman (di mana berkenaan) ke atas mana-mana daripada kemudahan pinjamannya. Peramalan sedemikian mengambil kira pelan pembiayaan hutang, pematuhan waad, pematuhan dengan penyata sasaran nisbah kedudukan kewangan dalaman Kumpulan dan, sekiranya terpakai, keperluan berperaturan atau undang-undang luaran – sebagai contoh, sekatan mata wang.

Lebih tunai dipefang oleh entiti-entiti kendalian melebihi dan di atas baki diperlukan bagi pengurusan modal kerja dipindah kepada fungsi perbendaharaan berpusat Kumpulan. Lebih tunai dilaburkan dalam akaun semasa menerima keuntungan, deposit masa, deposit pasaran wang dan sekuriti boleh pasar, memilih instrumen dengan kematangan sesuai atau mudah tunai mencukupi untuk menyediakan lebih mencukupi sebagaimana ditentukan oleh ramalan tersebut di atas. Pada tarikh pelaporan, Kumpulan memegang pelaburan tunai sebanyak RM242,433,000 (2012: RM560,282,000) dan lain-lain aset mudah tunai sebanyak RM24,720,000 (2012: RM34,273,000) yang dijangka untuk sedia ada menghasilkan aliran masuk tunai bagi mengurus risiko mudah tunai. Pada tarikh pelaporan, Syarikat memegang pelaburan tunai sebanyak RM225,351,000 (2012: RM409,769,000) dan lain-lain aset mudah tunai sebanyak RM1,141,000 (2012: RM662,000) yang dijangka untuk sedia ada menghasilkan aliran masuk tunai bagi mengurus risiko mudah tunai.

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan bukan derivatif Kumpulan ke dalam pengumpulan kematangan berkenaan berdasarkan tempoh-tempoh kematangan selebihnya pada tarikh pelaporan sehingga tarikh kematangan kontrak. Liabiliti kewangan derivatif dimasukkan dalam analisis sekiranya kematangan kontraknya adalah penting bagi memahami pemasaan aliran tunai. Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat berdasarkan tempoh-tempoh kematangan selebihnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah dinyatakan dalam jadual adalah berdasarkan aliran tunai tidak didiskaunkan secara kontrak.

	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 2 tahun RM'000	Antara 2 dan 5 tahun RM'000	Lebih daripada 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan</b>					
<b>Pada 31 Disember 2013</b>					
Pemiutang	194,804	–	–	–	194,804
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	2,770	–	–	–	2,770
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegang utama	3,764	–	–	–	3,764
Pinjaman	29,000	–	–	–	29,000
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan	230,338	–	–	–	230,338
<b>Pada 31 Disember 2012</b>					
Pemiutang	43,456	–	–	–	43,456
Jumlah terhutang kepada lain-lain pihak berkaitan	1,316	–	–	–	1,316
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegang utama	1,060	–	–	–	1,060
Pinjaman	461,000	–	–	–	461,000
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan	506,832	–	–	–	506,832

#### 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

##### (a) Pengurusan risiko kewangan (sambungan)

###### Risiko mudah tunai (sambungan)

Syarikat	Kurang daripada 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 2 tahun RM'000	Antara 2 dan 5 tahun RM'000	Lebih daripada 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada 31 Disember 2013</b>					
Pemiutang	1,590	–	–	–	1,590
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	2,555	–	–	–	2,555
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegang utama	270	–	–	–	270
<b>Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan</b>	<b>4,415</b>	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>4,415</b>
<b>Pada 31 Disember 2012</b>					
Pemiutang	556	–	–	–	556
Jumlah terhutang kepada anak-anak syarikat	5	–	–	–	5
Jumlah terhutang kepada lain-lain syarikat berkaitan	920	–	–	–	920
Jumlah terhutang kepada syarikat pemegang utama	32	–	–	–	32
<b>Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaunkan</b>	<b>1,513</b>	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>–</b>	<b>1,513</b>

##### (b) Polisi-polisi pengurusan risiko modal

Objektif-objektif utama Kumpulan ke atas polisi-polisi pengurusan modal adalah untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang baik dan untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk mengekalkan nisbah-nisbah modal yang sihat sebagai usaha berterusan untuk menyediakan pulangan bagi pemegang-pemegang saham dan manfaat bagi lain-lain pemegang pelbagai kepentingan dan untuk mengekalkan struktur modal optimum untuk mengurangkan kos modal.

Kumpulan mengurus struktur modalnya dan membuat pelarasan kepadanya, berdasarkan perubahan dalam keadaan-keadaan ekonomi dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan risiko untuk mengurangkan risiko-risiko dengan berkesan. Untuk mengekalkan atau menyelaraskan struktur modal, Kumpulan boleh menyelaraskan bayaran dividen kepada pemegang-pemegang saham, mengembalikan modal kepada pemegang-pemegang saham atau menerbitkan saham-saham baru. Tiada perubahan telah dibuat dalam objektif, polisi atau proses dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012.

Kumpulan mengawasi modal dengan menggunakan nisbah penggearan. Nisbah ini dikira sebagai hutang bersih dibahagikan dengan jumlah modal Kumpulan. Hutang bersih dikira sebagai jumlah pinjaman (termasuk 'pinjaman semasa dan bukan semasa' sebagaimana ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan). Jumlah modal dikira sebagai ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Kumpulan sebagaimana ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan campur hutang bersih Kumpulan.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(b) Polisi-polisi pengurusan risiko modal (sambungan)**

Nisbah-nisbah penggearingan pada 31 Disember adalah seperti berikut:

Kumpulan	2013 RM'000	2012 RM'000
Hutang bersih	29,000	461,000
Ekuiti boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Kumpulan	1,856,197	1,749,146
Jumlah modal	1,885,197	2,210,146
Nisbah penggearingan	2%	21%

Pengurangan dalam nisbah penggearingan Kumpulan pad 2013 berpunca terutamanya daripada pinjaman luaran yang lebih rendah dalam tahun memandangkan pinjaman oleh anak-anak syarikat dibuat dalam Kumpulan sendiri.

Tidak ada keperluan modal dikenakan secara luaran bagi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan.

**(c) Anggaran nilai saksama**

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran aktif ditentukan dengan menggunakan teknik-teknik penilaian. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pelbagai kaedah dan andaian pasaran yang berdasarkan keadaan-keadaan pasaran sedia ada pada setiap tarikh kunci kira-kira. Anggaran aliran tunai didiskaunkan digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan. Nilai saksama kontrak pertukaran asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pertukaran hadapan disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Kumpulan menggunakan hierarki berikut bagi menentukan dan mendedahkan nilai saksama instrumen kewangan melalui teknik penilaian:

Tahap 1: Harga disebut harga (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa.

Tahap 2: Lain-lain teknik untuk yang mana semua input yang mempunyai kesan ketara ke atas nilai saksama direkodkan adalah boleh diperhatikan, sama ada secara langsung (iaitu daripada harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga).

Tahap 3: Teknik-teknik yang menggunakan input-input yang mempunyai kesan ketara ke atas nilai saksama direkodkan yang bukan berdasarkan data pasaran boleh diperhatikan.

Aset/(liabiliti) diukur pada nilai saksama:

Pada 31 Disember 2012

Aset	Jumlah bawaan RM'000	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian:				
- Derivatif	561	561	-	-

Nilai saksama instrumen kewangan dalam Tahap 2 ditentukan dengan menggunakan teknik-teknik penilaian.

#### 4 OBJEKTIF-OBJEKTIF DAN POLISI-POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

##### (c) Anggaran nilai saksama (sambungan)

Teknik-teknik penilaian ini memaksimumkan penggunaan data pasaran boleh diperhatikan di mana tersedia, dan bergantung sedikit yang mungkin ke atas anggaran khusus entiti.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, tidak ada pemindahan di antara pengukuran nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2, dan tiada pemindahan ke dalam dan keluar daripada pengukuran nilai saksama Tahap 3.

#### 5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan pengurusan dan adalah berdasarkan sejarah pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan. Andaian-andaian penting melibatkan sumber-sumber penting masa hadapan dan sumber-sumber penting lain berkaitan dengan ketidakpastian anggaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

##### Muhibah

Jumlah dibawa muhibah (Nota 17) dinilai sekurang-kurangnya atas dasar tahunan. Ini memerlukan anggaran ke atas jumlah boleh diperoleh semula unit penghasilan tunai (CGU) kepada yang mana muhibah diperuntukkan. Menganggarkan jumlah digunakan memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran aliran tunai didiskaunkan masa hadapan dijangka daripada CGU. Tempoh ramalan 3 tahun bersama dengan kadar pertumbuhan nilai terminal digunakan untuk memperoleh jumlah boleh diperoleh semula.

Andaian-andaian penting berikut telah digunakan untuk memperoleh jumlah boleh diperoleh semula CGU dinyatakan dalam Nota 17.

#### 6 HASIL

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Dividen daripada anak-anak syarikat	-	-	147,626	131,972
Pendapatan faedah	-	-	13,059	13,784
Hasil daripada jualan barangan	2,056,211	2,026,843	-	-
Hasil daripada perkhidmatan pengangkutan	66	-	-	-
Subsidi daripada Kerajaan Malaysia bagi barangan dijual	146,203	274,476	-	-
	2,202,480	2,301,319	160,685	145,756

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**7 LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN**

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pendapatan sewa	811	503
Pendapatan daripada jualan skrap	4	555
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan dan aset dipegang untuk jualan	5,978	1,197
Keuntungan terjemahan pertukaran asing tidak direalis	4,345	–
Lain-lain	132	1,243
	11,270	3,498

**8 LAIN-LAIN KEUNTUNGAN - BERSIH**

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Keuntungan/(kerugian) nilai saksama tidak direalis-bersih		
- Kontrak niagaan hadapan gula	–	2,871
- Kontrak pertukaran asing hadapan	–	273
	–	3,144
Keuntungan/(kerugian) nilai saksama direalis-bersih		
- Kontrak niagaan hadapan gula	(6,508)	(151)
- Kontrak pertukaran asing hadapan	8,009	551
	1,501	400
	1,501	3,544

**9 PENDAPATAN DAN KOS KEWANGAN**

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Pendapatan kewangan:		
Pendapatan faedah	15,017	15,371
Kos kewangan:		
Faedah ke atas:		
- penerimaan jurubank	(2,762)	(11,049)
- kredit pusingan	(2,133)	–
	(4,895)	(11,049)



## 10 KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI

Keuntungan sebelum zakat dan cukai dinyatakan selepas dicaj/(dikreditkan):

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pelunasan bayaran pajakan prabayar	151	69	-	-
Pelunasan aset tidak ketara	3,226	3,226	-	-
Imbuan juruaudit				
- Audit	305	285	145	135
- Bukan audit	70	70	70	70
Perubahan dalam inventori kerja dalam pelaksanaan, gula ditapis dan molases	128,593	162,314	-	-
Kos kontrak penanaman, penuaian dan pengangkutan	-	1,928	-	-
Kos gula mentah digunakan	1,563,722	1,747,928	-	-
Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	38,885	39,649	15	12
Perbelanjaan pengedaran dan pengangkutan	46,212	41,422	-	-
Caj pengendalian dan pemunggaran	-	2,543	-	-
Aset biologi dihapus kira	1	11,909	-	-
Inventori dihapus kira	301	-	-	-
Gas asli dan bahan api digunakan	42,227	38,477	-	-
Sewa pajakan kendalian ke atas tanah dan bangunan	303	1,041	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	89	298	20	-
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan dan aset dipegang untuk jualan	(5,978)	(1,197)	-	-
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	38	-	-	-
Keterbalikan kerosotan nilai hartanah, loji dan peralatan	(28)	(529)	-	-
Pembaikan dan penyelenggaraan	22,934	24,528	9	-
Perbelanjaan tayar	462	432	-	-
Kos kakitangan*	58,307	58,995	2,428	2,847
Kemasukan kira semula aset dipegang untuk jualan	807	-	-	-
Keuntungan atas pelupusan skrap	(4)	(555)	-	-
Pampasan tuntutan insurans	-	(192)	-	-
Pendapatan faedah	(15,017)	(15,371)	(13,059)	(13,784)
Pendapatan sewa	(53)	(503)	-	-
Perbelanjaan sewa	2,398	-	398	47

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**10 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (SAMBUNGAN)**

Keuntungan sebelum cukai dinyatakan selepas dicaj/(dikreditkan): (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
*Kos kakitangan terdiri daripada:				
Upah, gaji dan bonus	46,232	47,533	2,110	2,488
Pelan caruman persaraan dinyatakan	6,664	6,204	181	194
Pelan manfaat persaraan dinyatakan (Nota 33)	-	(178)	-	-
Lain-lain manfaat kakitangan	5,411	5,436	137	165
	<b>58,307</b>	<b>58,995</b>	<b>2,428</b>	<b>2,847</b>
Imbuan para Pengarah dimasukkan dalam kos kakitangan di atas terdiri daripada:				
Yuuran	1,069	935	1,045	773
Gaji, elaun dan bonus	1,853	3,006	134	443
Pelan caruman dinyatakan	315	145	-	-
	<b>3,237</b>	<b>4,086</b>	<b>1,179</b>	<b>1,216</b>

Manfaat bukan berupa wang diperuntukkan kepada para Pengarah Syarikat berjumlah sebanyak RM124,059 (2012: RM122,857).

**11 ZAKAT**

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pergerakan dalam liabiliti zakat:				
Pada permulaan tahun kewangan	-	-	-	-
Perbelanjaan zakat pada tahun kewangan	17,481	16,580	7,409	6,398
Zakat dibayar	(17,481)	(16,580)	(7,409)	(6,398)
	-	-	-	-

## 12 CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Cukai semasa (Terlebih)/terkurang akruan dalam tahun terdahulu	(87,236) (1,590)	(79,120) 1,423	(328) -	(633) -
Cukai tertunda (Nota 32)	(88,826) 2,079	(77,697) 11,146	(328) -	(633) -
	<b>(86,747)</b>	<b>(66,551)</b>	<b>(328)</b>	<b>(633)</b>

Penyelarasan berangka hubungan di antara cukai dan keuntungan sebelum cukai selepas zakat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Keuntungan sebelum cukai selepas zakat	341,424	268,579	148,171	134,478
Cukai pada kadar cukai Malaysia sebanyak 25% (2012: 25%)	85,356	67,145	37,042	33,620
Cukai timbul daripada:				
- perbelanjaan tidak boleh ditolak	4,474	4,394	3,117	8
- pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(4,420)	(3,209)	(39,831)	(32,995)
- perbelanjaan yang layak bagi penolakan dua kali	(308)	(356)	-	-
- terlebih/(terkurang) akruan dalam tahun terdahulu	1,590	(1,423)	-	-
- perbezaan sementara tidak diiktiraf	56	-	-	-
	<b>86,747</b>	<b>66,551</b>	<b>328</b>	<b>633</b>

## 13 PEROLEHAN SETIAP SAHAM

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan boleh dikaitkan kepada pemilik Syarikat	254,677	202,028
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	702,980	702,980
Perolehan asas setiap saham (sen)	36.23	28.74

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**14 DIVIDEN**

Dividen diisytihar dan dibayar berhubung dengan tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat			
	2013		2012	
	Dividen kasar setiap saham Sen	Jumlah dividen RM'000	Dividen kasar setiap saham Sen	Jumlah dividen RM'000
Dividen dikecualikan cukai akhir bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 - dibayar pada 28 Jun 2013	11	77,328	-	-
Dividen dikecuali cukai akhir bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 - dibayar pada 12 Julai 2012	-	-	11	77,328
Dividen dikecuali cukai interim:				
- dibayar pada 27 Disember 2013	10	70,298	-	-
- dibayar pada 28 Disember 2012	-	-	8	56,238
	21	147,626	19	133,566

## 15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah pegangan kekal RM'000	Tanah pegangan pajak RM'000	Bangunan RM'000	Loji dan mesin RM'000	Perabot, pepa- sangan, peralatan dan kendaraan bermotor RM'000	Aset di bawah pem- binaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan</b>							
<b>2013</b>							
<b>Kos</b>							
Pada 1.1.2013	15,950	108,750	61,016	256,239	19,057	30,743	491,755
Tambahan*	–	10,194	106	5,640	5,468	64,398	85,806
Pelupusan	–	–	–	(288)	(491)	–	(779)
Dihapus kira	–	–	(65)	(503)	(592)	–	(1,160)
Pengelasan semula	–	–	10,085	20,042	249	(30,376)	–
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 29)	–	–	–	(287)	(117)	–	(404)
Pada 31.12.2013	15,950	118,944	71,142	280,843	23,574	64,765	575,218
<b>Susut nilai terkumpul</b>							
Pada 1.1.2013	–	5,732	11,622	66,607	6,141	–	90,102
Perubahan bagi tahun kewangan	–	1,842	5,199	29,210	2,634	–	38,885
Pelupusan	–	–	–	(204)	(380)	–	(584)
Dihapus kira	–	–	(62)	(472)	(537)	–	(1,071)
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 29)	–	–	–	(235)	(98)	–	(333)
Pada 31.12.2013	–	7,574	16,759	94,906	7,760	–	126,999
<b>Kerosotan nilai terkumpul</b>							
Pada 1.1.2013	–	2,956	–	98	73	–	3,127
Keterbalikan	–	–	–	(21)	(7)	–	(28)
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 29)	–	–	–	(32)	(6)	–	(38)
Pada 31.12.2013	–	2,956	–	45	60	–	3,061
<b>Nilai buku bersih</b>							
Pada 31.12.2013	15,950	108,414	54,383	185,892	15,754	64,765	445,158

\*Dimasukkan dalam tambahan adalah peralatan penservisan berjumlah sebanyak RM2,787,000.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

	Tanah pegangan kekal RM'000	Tanah pegangan pajak RM'000	Bangunan RM'000	Loji dan mesin RM'000	Perabot, pepa- sangan, peralatan dan kendaraan bermotor RM'000	Aset di bawah pem- binaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kumpulan</b>							
<b>2012</b>							
<b>Kos</b>							
Pada 1.1.2012	15,950	108,750	60,256	264,652	15,831	17,532	482,971
Tambahan	–	–	1,701	1,056	5,089	26,381	34,227
Pelupusan	–	–	–	(2,513)	(1,120)	–	(3,633)
Dihapus kira	–	–	–	(509)	(794)	–	(1,303)
Pengelasan semula	–	–	578	12,541	51	(13,170)	–
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 29)	–	–	(1,519)	(18,988)	–	–	(20,507)
Pada 31.12.2012	15,950	108,750	61,016	256,239	19,057	30,743	491,755
<b>Susut nilai terkumpul</b>							
Pada 1.1.2012	–	3,891	8,320	55,637	4,417	–	72,265
Perubahan bagi tahun kewangan	–	1,841	4,817	30,238	2,753	–	39,649
Pelupusan	–	–	–	(981)	(452)	–	(1,433)
Dihapus kira	–	–	–	(428)	(577)	–	(1,005)
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 29)	–	–	(1,515)	(17,859)	–	–	(19,374)
Pada 31.12.2012	–	5,732	11,622	66,607	6,141	–	90,102
<b>Kerosotan nilai terkumpul</b>							
Pada 1.1.2012	–	2,956	–	610	90	–	3,656
Keterbalikan	–	–	–	(512)	(17)	–	(529)
Pada 31.12.2012	–	2,956	–	98	73	–	3,127
<b>Nilai buku bersih</b>							
Pada 31.12.2012	15,950	100,062	49,394	189,534	12,843	30,743	398,526

## 15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Perabot, pe- pasangan, peralatan dan kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
<b>Syarikat</b>		
<b>2013</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	408	408
Tambahan	188	188
Dihapus kira	(24)	(24)
Pada akhir tahun kewangan	572	572
<b>Susut nilai terkumpul</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	17	17
Perubahan bagi tahun kewangan	15	15
Dihapus kira	(4)	(4)
Pada akhir tahun kewangan	28	28
<b>Nilai buku bersih</b>		
Pada akhir tahun kewangan	544	544
<b>2012</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	58	58
Tambahan	350	350
Pada akhir tahun kewangan	408	408
<b>Susut nilai terkumpul</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	5	5
Perubahan bagi tahun kewangan	12	12
Pada akhir tahun kewangan	17	17
<b>Nilai buku bersih</b>		
Pada akhir tahun kewangan	391	391

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (SAMBUNGAN)

**15 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

